KERATAN AKHBAR

# ISU-ISU
# INTEGRITI 2024

## (OGOS)



UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN MBJB

**SINAR HARIAN**

**01.08.2024 (KHAMIS)**

Bekas pegawai anak syarikat SPNB berpangkat Datuk antara tiga direman

# Rasuah projek perumahan RM110j

Oleh AHMAD ISMADI ISMAIL
PUTRAJAYA

LAPORAN MUKA DEPAN

Bekas pegawai di satu anak syarikat milik penuh pemaju Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berpangkat Datuk antara tiga individu ditahan kerana dipercayai menerima rasuah membabitkan satu projek perumahan berjumlah hampir RM110 juta.

Perintah reman selama lima hari bermula Selasa sehingga Sabtu terhadap semua suspek lelaki berusia 40 hingga 60-an itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Burhanuddin selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Putrajaya pada Selasa.

Mahkamah & Jenayah

Menurut sumber, ketiga-tiga suspek bersama seorang lagi individu dipercayai telah menerima wang rasuah daripada syarikat pembinaan sebagai balasan kerana bersekongkol bagi menandatangani perjanjian pembangunan tambahan (SDA) membabitkan Projek Pembangunan Perumahan Rumah Aspirasi Rakyat Daerah Kuantan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah SPNB.

"Perjanjian ditandatangani ini dipercayai mengandungi klausa yang berat sebelah sehingga menyebabkan SPNB menanggung kerugian mencecah puluhan juta ringgit.

"Kesemua suspek telah ditahan ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM sekitar jam 6.30 hingga 7 petang pada Isnin, namun seorang dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan mereka dirakamkan," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap kesemua suspek berkenaan.




Kesemua suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman pada Selasa.

**HARIAN METRO**

**01.08.2024 (KHAMIS)**

# Pensyarah tak mengaku salah subahat 18 pertuduhan tuntutan palsu RM38,000

**Shah Alam:** Seorang pensyarah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas 18 pertuduhan bersubahat mengemukakan tuntutan palsu bagi kerja penyelidikan berjumlah keseluruhan RM38,000 pada 2021 dan 2022.

Tertuduh, Profesor Datin Dr Hapizah Md Nawawi, 64, membuat pengakuan tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mengikut pertuduhan, Hapizah didakwa bersubahat dengan seorang wanita berusia 28 tahun memperdayakan empat individu lain berhubung tuntutan gaji pembantu penyelidik dengan jumlah keseluruhan RM38,000.

Ia bagi kerja-kerja penyelidikan bertajuk 'Mechanism of Drone-Assisted Technology on Efficiency of Mass Disaster Victim Identification (DVI)' yang mengandungi butir matan palsu di mana kerja penyelidikan itu tidak dilakukan.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di Institut Patologi, Perubatan Makmal dan Forensik, Kampus Sungai Buloh, UiTM antara 13 April 2021 hingga 11 Oktober 2022.



DR Hapizah mengaku tidak bersalah terhadap 18 pertuduhan bersubahat mengemukakan tuntutan palsu berjumlah keseluruhan RM38,000 pada 2021 dan 2022 di Mahkamah Shah Alam. - Gambar NSTP/ FAIZ ANUAR

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 18 dan Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta sama.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muaz Ahmad Khairuddin mengesyorkan jaminan antara RM20,000 hingga RM30,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah, melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan dan tidak mengganggu saksi.

Peguam tertuduh, Shamsul Sulaiman memohon jaminan diletakkan antara RM10,000 hingga RM20,000 dan bersetuju dengan syarat tambahan kecuali pasport berikutan tertuduh selalu ke luar negara bagi menghadiri urusan kerja.

Anita kemudian menetapkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan melaporkan diri ke Pejabat SPRM Selangor pada minggu pertama setiap bulan dan tidak mengganggu saksi kes.

Beliau juga membenarkan permohonan peguam untuk tertuduh memegang pasport berikutan Hapizah tiada risiko melarikan diri.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 23 September depan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**BERITA HARIAN**

**01.08.2024 (KHAMIS)**

# Bekas pegawai SPNB antara 3 ditahan SPRM

## Suspek bergelar Datuk disyaki terima rasuah projek perumahan cecah RM110 juta

**Oleh Nor Azizah Mokhtar**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga individu, termasuk seorang bergelar Datuk kerana disyaki menerima rasuah berkait satu projek perumahan berjumlah hampir RM110 juta di Kuantan, Pahang.

Sumber berkata, suspek bergelar Datuk itu adalah bekas pegawai di satu anak syarikat milik penuh pemaju Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Katanya, ketiga-tiga suspek bersama seorang lagi individu dipercayai menerima wang rasuah daripada sebuah syarikat pembinaan sebagai balasan kerana bersekongkol bagi menandatangani satu perjanjian pembangunan tambahan (SDA) membabitkan Projek Pembangunan Perumahan Rumah Aspirasi Rakyat Daerah Kuantan tanpa kelulusan Lembaga Pengarah SPNB.

"Perjanjian ditandatangani itu dipercayai mengandungi klausa yang berat sebelah sehingga menyebabkan SPNB menanggung kerugian mencecah puluhan juta ringgit.

"Semua suspek ditahan ketika hadir di Ibu Pejabat SPRM antara jam 6.30 petang hingga 7 malam pada Isnin lalu, namun seorang dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas keterangan mereka dirakamkan," katanya.

### Direman lima hari

Menurut sumber itu, semua suspek berusia lingkungan 40 hingga 60-an kini direman lima hari bermula kelmarin sehingga 3 Ogos ini.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Burhanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap semua suspek berkenaan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009," katanya.

**HARIAN METRO**

**01.08.2024 (KHAMIS)**

# Pensyarah nafi perdaya 8 ejen

***Didakwa kemukakan tuntutan palsu berhubung bayaran upah enumerator berjumlah RM45,366***


**Oleh Norzamira Che Noh**
am@hmetro.com.my


**Shah Alam**

Pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 20 pertuduhan memperdaya lapan ejen dengan mengemukakan tuntutan palsu berhubung bayaran upah enumerator sekitar 2019 hingga 2022.

Prof Dr Lee Lai Soon, 49, membuat pengakuan tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mengikut pertuduhan, Lai Soon didakwa melakukan perbuatan itu dengan niat memperdayakan lapan orang ejen berhubung tuntutan bayaran upah enumerator dengan jumlah keseluruhan RM45,366 yang mengandungi butir matan palsu dengan tuntutan bagi kerja tersebut tidak dilakukannya.

Dia melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(2) akta yang sama.

Sabit kesalahan, tertuduh berdepan hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Dalam pada itu, tertuduh juga mengaku tidak bersalah atas 20 pertuduhan pilihan iaitu dengan curangnya menggunakan satu set dokumen sebagai tulen bagi tuntutan bayaran upahan enumerator yang dipercayainya adalah palsu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum mengikut Seksyen 465 kanun yang sama yang membawa hukuman penjara hingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Lai Soon didakwa melakukan kesemua kesalahan tersebut di pejabat Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM), UPM Serdang pada 29 Oktober 2019 hingga 1 Jun 2022.

Timbalan Pendakwa Raya Anis Najwa Nazari mengesyorkan jaminan antara RM20,000 hingga RM30,000 dengan syarat tambahan dengan seorang penjamin serta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah, melaporkan diri di pejabat SPRM berdekatan dan tidak mengganggu saksi kes.

Peguam Chen Woon Yong yang mewakili tertuduh memohon jaminan RM10,000 dengan alasan ia jumlah yang munasabah dan tidak membebankan.

Katanya, tertuduh juga bersedia memenuhi syarat tambahan yang dikemukakan pihak pendakwaan.

Anita kemudiannya membenarkan Lai Soon dijamin dengan RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah, melaporkan diri ke pejabat SPRM Putrajaya pada minggu pertama setiap bulan dan tidak mengganggu saksi kes.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 23 September depan.




LAI Soon ketika hadir di Mahkamah Sesyen, Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**02.08.2024 (JUMAAT)**

# Disuap RM20,000 keluar pas IMM13

**Sandakan:** Bersekongkol dalam urusan melanjutkan permohonan pas lawatan IMM13 kepada pelarian Filipina dengan menerima rasuah RM20,000.

Itu tindakan dua pegawai agensi penguat kuasa yang ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, bagi membantu siasatan berhubung sindiket pengeluaran pas lawatan IMM13.

Perintah reman terhadap suspek berusia 50-an hingga 6 Ogos ini dikeluarkan oleh Majistret Nur Faezah Jafry di sini, manakala penahanan suspek berumur 30-an hingga 7 Ogos dikeluarkan oleh Majistret Don Stiwin Malanjum di Tawau.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki ditahan antara jam 5.30 petang hingga 7 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan masing-masing di Pejabat SPRM Sandakan dan Tawau.

Mereka dipercayai melakukan perbuatan itu sejak 2022 membabitkan nilai rasuah RM20,000 dan tangkapan dibuat susulan penahanan dua beranak di sini berkaitan kes sama pada Jumaat lalu.

Kedua-dua pegawai agensi penguat kuasa itu dipercayai melakukan perbuatan tersebut bersama orang tengah dalam menguruskan lanjutan permohonan pas lawatan IMM13 kepada pelarian Filipina yang berlindung di Sabah akibat pergolakan sekitar awal 1970-an.

Pengarah SPRM Sabah Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

**BERITA HARIAN**

**02.08.2024 (JUMAAT)**

Kes tuntutan palsu, terima hasil aktiviti haram

# Bekas MB Perlis terima dua cek RM447,216.35

## Saksi sahkan penandatangan kedua-dua akaun adalah Azlàn

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Sesyen di sini, semalam, diberitahu bekas Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man menerima dua cek berjumlah RM447,216.35 ke dalam dua akaun CIMB miliknya daripada syarikat pelancongan antara 2016 hingga 2017.

Penolong Pengurus Khidmat Pelanggan CIMB cawangan Putrajaya, Jespall Kaur Bantha Singh, berkata cek pertama sebanyak RM224,404.40 diterima dari Aidil Travel & Tours Sdn Bhd pada 2 Februari 2016 ke akaun CIMB jenis I-Wadiah milik Azlan dibuka pada 29 Ogos 2011.

Azlan turut menerima cek kedua (RM222,811.95) juga daripada syarikat sama bertarikh 3 April 2017 yang didepositkan ke akaun semasa CIMB beliau yang dibuka pada 31 Mac 2017.

Saksi keempat pendakwaan itu turut mengesahkan dirujuk dua set salinan Borang Pembukaan Akaun CIMB atas nama Azlan.

Beliau juga mengesahkan penandatangan bagi kedua-dua akaun terbabit adalah Azlan sendiri.

Jespall Kaur, 53, berkata demikian ketika membaca pernyataan saksi pada perbicaraan kes bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bintong itu atas 10 pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu dan menerima hasil daripada aktiviti haram.

### Bukan dokumen asal

Bagaimanapun, ketika disoal balas peguam, Burhanudeen Abdul Wahid yang mewakili tertuduh, Jespall bersetuju dokumen diberikan itu bukan dokumen asal sebaliknya, dokumen dirujuk adalah cetakan daripada sistem komputer bank yang juga rekod (archive) dari dokumen asal.

Beliau menyatakan demikian selepas Burhanudeen mencadangkan dokumen pembukaan akaun diserahkan bukan dokumen asal dan Jespall tidak mempunyai pengetahuan peribadi mengenai maklumat di dalam dokumen itu kerana tidak berada di tempat dan masa ketika akaun bank dibuka.

Jespall menjelaskan selepas akaun dibuka oleh pelanggan, pihak bank akan menghantar dokumen ke ibu pejabat untuk dimasukkan ke sistem rekod (archive) bank tersebut.

Justeru, katanya, semua maklumat adalah disahkan asli.

Beliau bagaimanapun bersetuju tidak berada di bank ketika akaun itu dibuka.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Noralis Mat, Zander Lim Wai Keong, Haresh Prakash Somiah dan pegawai pendakwa SPRM Mohammad Shaiful Nasir.

Perbicaraan bersambung 19 Ogos ini.



*Azlan (kiri) keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto BERNAMA)

Azlan, 65, berdepan lima pertuduhan berkaitan tuntutan palsu bagi kemudahan cuti seberang laut berjumlah lebih RM1.18 juta yang didakwa dilakukan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Dewan Undangan Negeri, Persiaran Wawasan, Kangar antara Disember 2013 dan Disember 2017.

Ia membabitkan sebut harga tiket penerbangan ke London, United Kingdom dan invois syarikat pelancongan Sri Kedawang Travel & Tours (W) Sdn Bhd serta Aidil Travel & Tours Sdn Bhd.

Beliau didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum bawah Seksyen 24(2) akta sama yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun dan denda lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Azlan juga mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen atas lima pertuduhan menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM1.06 juta antara 19 Februari 2014 dan Disember 2017 di Maybank cawangan Jalan Tuanku Abdul Rahman, CIMB Bank cawangan Putrajaya serta Hotel Sheraton Imperial di sini antara 19 Februari 2014 dan Disember 2017.

HARIAN METRO
02.08.2024 (JUMAAT)

# Nafi kelentong bekas bos di JLM

## *Ketua Pengarah Laut mengaku tak bersalah kemuka surat tanpa kelulusan Menteri Pengangkutan*

**Oleh Suraya Roslan**
surayaroslan@mediaprima.com.my

**Shah Alam**

Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Malaysia (JLM), Kapten Mohamad Halim Ahmed didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menipu bekas ketua pengarah terdahulu berhubung surat pengecualian kepada syarikat perkapalan bagi membawa minyak gred berat di perairan negara tanpa kelulusan Menteri Pengangkutan, empat tahun lalu.

Bagaimanapun, Mohamad Halim, 57, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mengikut pertuduhan, bapa tiga anak yang ketika itu Setiausaha Bahagian Maritim Kementerian Pengangkutan didakwa menipu Ketua Pengarah JLM ketika itu Datuk Baharin Abdul Hamid dan memperdayakannya dengan mengemukakan Surat Kementerian Pengangkutan Malaysia bertarikh 27 Oktober 2020 menyatakan 'YB Menteri Pengangkutan pada 22 Oktober 2020 memutuskan supaya tempoh bagi syarikat perkapalan diberi pengecualian untuk membawa *heavy grade oil* di dalam perairan Malaysia perlu dikekalkan mengikut tarikh diluluskan' sedangkan tiada kelulusan sedemikian diberikan.

Perbuatan itu menyebabkan Baharin mengeluarkan surat pengecualian kepada syarikat perkapalan berkenaan yang beliau tidak akan melakukannya sekiranya tidak diperdayakan.

Kesalahan didakwa dilakukan di Ibu Pejabat Laut, Jabatan Laut Malaysia, Jalan Limbungan, Pelabuhan Klang, di sini pada 27 Oktober 2020 dan dituduh mengikut Seksyen 417 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Feisal Mohd Azmi mencadang jaminan RM50,000 hingga RM70,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan perlu melapor diri di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta pasport diserah kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Peguam Farhan Read mewakili tertuduh membantah jaminan tinggi dikenakan dengan mengambil kira anak guamnya Ketua Pengarah JLM dan tiada risiko melarikan diri.

**"Dalam kes ini tiada dinyatakan kerugian, jadi apakah dasar jaminan RM50,000 hingga RM70,000? Kes ini kesalahan boleh dijamin, kami mencadangkan jaminan RM10,000"**

*Peguam Farhan Read*

"Pada kebiasaannya bagi kes SPRM, jumlah jaminan ditawar merujuk kepada jumlah kerugian dialami pengadu.

"Namun dalam kes ini tiada dinyatakan kerugian, jadi apakah dasar jaminan RM50,000 hingga RM70,000? Kes ini kesalahan boleh dijamin, kami mencadangkan jaminan RM10,000," katanya.

Sementara itu, Mohamad Halim menegaskan dia pemegang pasport rasmi kerajaan dan bukan pasport biasa.

Mahkamah membenarkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan seperti dimohon pendakwaan selain melarang tertuduh mengganggu saksi pendakwaan.



MOHAMAD Halim mengaku tidak bersalah atas pertuduhan di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

HARIAN METRO

03.08.2024 (SABTU)

Harian Metro - 3/8/2024 - Sabtu

KES RASUAH PROJEK PERUMAHAN RM110 JUTA DI PAHANG

# SPRM ambil keterangan dua peguam

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merakam keterangan dua peguam berhubung kes rasuah projek perumahan bernilai hampir RM110 juta di Pahang.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, kedua-duanya dipanggil bagi membantu siasatan kes itu.

"Saya mengesahkan memanggil dua peguam kes Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk disoal siasat.

"Bagaimanapun, tiada reman ke atas dua individu itu," katanya ketika dihubungi semalam.

Terdahulu, media melaporkan tiga individu termasuk seorang Datuk yang juga bekas pegawai di anak syarikat milik penuh SPNB ditahan SPRM.

Ketiga-tiga suspek berusia 40-an hingga 60-an itu disyaki menerima suapan berhubung sebuah projek perumahan bernilai RM110 juta di Kuantan.

Sumber dilaporkan berkata, semua suspek bersama seorang lagi individu disyaki menerima rasuah daripada sebuah syarikat pembinaan untuk menandatangani perjanjian pembangunan tambahan (SDA).

"SDA terbabit membabitkan Projek Pembangunan Perumahan Rumah Aspirasi Rakyat Daerah Kuantan yang ditandatangani tanpa kelulusan Lembaga Pengarah SPNB.

"Perjanjian yang ditandatangani ini dipercayai mengandungi klausa berat sebelah sehingga menyebabkan SPNB menanggung kerugian mencecah puluhan juta ringgit," katanya.

Tiga suspek direman lima hari sehingga 3 Ogos manakala seorang lagi individu dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas dirakam keterangan dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

**HARIAN METRO**

**03.08.2024 (SABTU)**

DUA ANGGOTA POLIS DIDAKWA PERAS WANG

# KERANA RM300

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Kajang

Dua anggota polis didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas tuduhan melakukan pemerasan wang berjumlah RM300 terhadap seorang lelaki Myanmar pada Ahad lalu.

Bagaimanapun, Koperal Nik Ridzuan Nik Man, 39, dan Konstabel Muhammad Najmi Mohd Khodri, 27, mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Majistret Nurul Hafzan Ab Aziz.

Mengikut pertuduhan, dua anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang itu sengaja melakukan pemerasan dengan mendatangkan ketakutan kepada Wai Lin Phyo, 29, dia akan ditangkap sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang RM300.

Kesalahan itu dilakukan di tepi jalan Taming Sari 1, Balakong di sini, jam 11.30 pagi pada 28 Julai lalu. Oleh itu mereka didakwa mengikut Seksyen 384 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang boleh dihukum penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebat atau kedua-duanya.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nurul Husna Amran mencadangkan jaminan RM8,000 bagi setiap tertuduh.

Mendengar perkara itu, peguam Muhamad Wafiq Hadie yang mewakili Nik Ridzuan memohon jaminan dikurangkan kerana anak guamnya mempunyai tanggungan tiga anak dan isteri.

"Anak guam juga mempunyai penyakit darah tinggi dan kolesterol, penjamin hari ini (semalam) adik ipar yang bekerja sebagai mekanik.

"Hari ini (semalam) keluarga hanya membawa wang jaminan RM4,000, mohon ikat jamin dikurangkan kerana wang jaminan hanya cagaran bagi memastikan kehadiran tertuduh ke mahkamah dan bukan bersifat menghukum," katanya.

Peguam Mohd Fikah Sanusi yang mewakili Muhammad Najmi juga memohon jaminan dikurangkan kerana anak guam sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak berusia tiga tahun.

"Anak guam masih berkhidmat sebagai anggota polis dan memberi kerjasama penuhnya sepanjang siasatan.

"Tiada risiko anak guam melarikan diri kerana mereka masih penjawat awam," katanya.

Mendengar hujah semua pihak, Nurul Hafzan menetapkan jaminan RM4,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh dan sebutan semula kes pada 3 September ini.

Sebelum ini, media melaporkan dua anggota itu ditahan berkaitan kejadian pemerasan wang yang tular di media sosial.

Ketua Polis Selangor, Datuk Hussein Omar Khan berkata, pihaknya menerima satu laporan polis dibuat lelaki warga asing berhubung satu video tular memaparkan kejadian pemerasan itu.



DUA anggota polis yang dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kajang, semalam. - Gambar NSTP/HAZREEN MOHAMAD

**BERITA HARIAN**
03.08.2024 (SABTU)

# Pegawai JPNM dituduh terima rasuah RM27,100

**Melaka:** Ketua Pembantu Tadbir di Jabatan Pendidikan Melaka (JPNM) dan seorang pesara dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas enam pertuduhan rasuah menerima wang tunai RM27,100 daripada sebuah syarikat pengiklanan antara Mac 2022 hingga Februari 2023.

Yusmawati Mohamad Yussop, 48, dan pesara kerajaan, Rosni Leman, 61, bagaimanapun mengaku tidak bersalah pada prosiding berasingan di mahkamah sama sejurus dibacakan pertuduhan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Mengikut enam pertuduhan, Yusmawati sebagai penjawat awam, iaitu Ketua Pembantu Tadbir di JPNM didakwa menerima wang tunai antara RM1,000 hingga RM9,000 dengan jumlah keseluruhan RM27,100 daripada Pengurus Pusat Pengiklanan Prisma, Ong Ah Siong, 60, tanpa balasan.

Tertuduh didakwa mengetahui Ah Siong dan syarikat berkenaan mempunyai hubungan dengan kerja rasminya di JPNM, iaitu mendapatkan kerja pembekalan ditawarkan jabatan itu dan melakukan kesalahan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di daerah Melaka Tengah, pada tarikh berlainan iaitu pada 7 Mac, 1 Julai, 15 Oktober dan 12 November 2022 serta pada 9 Februari 2023.

## Pesara didakwa subahat

Sementara itu, Rosni yang juga pesara kerajaan di JPNM pula didakwa bersubahat dengan Yusmawati melakukan semua kesalahan itu pada tarikh dan tempat sama.

Dia didakwa mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohammad Azriff Firdaus Mohamad Ali, menawarkan jaminan RM10,000 kepada setiap tertuduh untuk semua pertuduhan berserta syarat tambahan melaporkan diri di pejabat SPRM Melaka sekali sebulan sehingga kes selesai.

Kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan atas alasan masing-masing adalah ibu tunggal.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bagi setiap tertuduh berserta syarat dimohon pendakwaan dan menetapkan sebutan semula kes



*Yusmawati dan Rosni dibawa ke Mahkamah Sesyen Melaka, semalam.*

(Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

# BERITA HARIAN
05.08.2024 (ISNIN)

# Pengurus Besar PPK, Timbalan didakwa pecah amanah

**Alor Setar:** Seorang Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Timbalannya semalam, didakwa melakukan pecah amanah apabila menyalahgunakan wang RM30,000 milik agensi itu pada 2019.

Tertuduh, Nurizah Noordin, 49, dan Roslin Allias, 40, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan ke atas mereka dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Mengikut kertas pertuduhan, Nurizah yang bertugas sebagai Pengurus Besar PPK Lubuk Batu, Jitra, yang diamanahkan dengan urusan kewangan telah melakukan pecah amanah jenayah apabila menunaikan cek milik PPK Lubuk Batu bernilai RM30,000 untuk kegunaan sendiri.

Roslin pula yang bertugas sebagai Timbalan Pengurus Besar PPK Lubuk Batu, dituduh bersubahat bersama Nurizah melakukan pecah amanah terhadap harta milik PPK Lubuk Batu iaitu cek bernilai RM30,000.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di Cawangan Malayan Banking Berhad Pekan Jitra 2, Daerah Kubang Pasu pada jam 3.30 petang, 30 Januari 2019.

Berikutan itu, mereka didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun, disebat dan didenda.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Zulfadli Azharudin, manakala tertuduh diwakili peguam Rafiee Noordin.

Pendakwaan meminta mahkamah menetapkan jaminan RM30,000 ke atas setiap tertuduh, bagaimanapun peguam tertuduh meminta jaminan lebih rendah berikutan kedua-dua anak guamnya perlu menanggung keluarga selain mempunyai anak masih bersekolah.

Priscilla kemudian membenarkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM10,000 seorang serta seorang penjamin dan perlu menyerahkan pasport antarabangsa mereka kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan tarikh 5 September bagi sebutan semula kes dan proses penyerahan dokumen.

Kedua-dua tertuduh membayar ikat jamin berkenaan di kaunter Kompleks Mahkamah Alor Setar.



*Nurizah dan Roslin dibawa ke Mahkamah Alor Setar, semalam.*

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Berita Harian - 5/8/2024 - Isnin

# HARIAN METRO

05.08.2024 (ISNIN)

# Pengurus besar, timbalan PPK didakwa 'songlap' RM30,000

**Alor Setar:** Seorang pengurus besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan timbalannya didakwa melakukan pecah amanah apabila menyalahgunakan wang RM30,000 milik agensi itu pada 2019.

Tertuduh, Nurizah Noordin, 49, dan Roslin Allias, 40, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan ke atas mereka dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Mengikut kertas pertuduhan, Nurizah sebagai Pengurus Besar PPK Lubuk Batu, Jitra yang diamanahkan dengan urusan kewangan melakukan pecah amanah jenayah apabila menunaikan cek milik PPK Lubuk Batu bernilai RM30,000 untuk kegunaan sendiri.

Roslin pula yang bertugas sebagai timbalan pengurus besar PPK Lubuk Batu, dituduh bersubahat bersama Nurizah melakukan pecah amanah terhadap harta milik PPK Lubuk Batu iaitu cek bernilai RM30,000.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di cawangan sebuah bank di Pekan Jitra 2, Kubang Pasu kira-kira jam 3.30 petang, 30 Januari 2019.

Berikutan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun, sebat dan didenda.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Zulfadli Azharudin manakala tertuduh diwakili peguam Rafiee Noordin.



ANGGOTA SPRM mengiringi Nurizah dan Roslin di Mahkamah Alor Setar. - Gambar NSTP/WAN NABIL NASIR

Harian Metro – 5/8/24 – Isnin

**SINAR HARIAN**

**07.08.2024 (RABU)**

# Lima ditahan kes rasuah kapal tangki minyak

## Bagi dapatkan kontrak pembersihan kapal berjumlah RM15.3 juta

Oleh **MUHAMMAD AFHAM RAMLI**
**PUTRAJAYA**




**Tiga individu direman lima hari, manakal dua lagi direman tiga hari untuk siasatan kes rasuah kontrak pembersihan kapal tangki bernilai RM15.3 juta.**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lima individu disyaki terlibat dalam rasuah bagi mendapatkan kontrak pembersihan kapal tangki minyak berjumlah RM15.3 juta, tiga tahun lalu.

Menurut sumber, penahanan individu terdiri daripada seorang pengurus anak syarikat minyak dan gas, dua bekas kakitangan syarikat berkenaan serta dua kontraktor itu dibuat di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya, pada Isnin.

*Mahkamah & Jenayah*

"Mereka ditahan selepas hadir memberi keterangan kira-kira jam 8 malam.

"Kesemua lelaki yang ditahan berusia antara 30 hingga 63 tahun," katanya pada Selasa.

Tambah sumber itu, Majistret Mahkamah Putrajaya, Irza Zulaikha Rohanuddin telah membenarkan pengurus bersama dua bekas kakitangan syarikat itu direman selama lima hari, manakala dua kontraktor itu direman selama tiga hari bermula Selasa.

Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan penahanan tersebut dan kes disiasat di bawah Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

# SINAR HARIAN

07.08.2024 (RABU)

## Warga asing di Malaysia semakin berani suap anggota penguat kuasa

**SHAH ALAM** - Kebiasaan rakyat tempatan yang mengamalkan budaya memberi duit kopi dalam sebarang urusan menyebabkan ia menjadi perkara normal sehingga warga asing kini turut berani untuk melakukan jenayah tersebut.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, keadaan itu terjadi kerana perbuatan itu dianggap sebagai amalan biasa dan sikap individu yang tidak mampu menahan diri daripada melakukan pecah amanah atau memalsukan tuntutan.

"Bukan soal berapa banyak atau sedikit jumlah suapan yang ditawarkan kerana akhirnya rasuah dan salah guna kuasa adalah tergolong dalam perkara dilaknat ALLAH SWT.

"Ini melibatkan soal sikap. Meskipun sudah tahu akibatnya, masih ada yang terlibat kerana kegagalan mengawal nafsu dan menjauhi ruang punca berlakunya salah guna kuasa itu hingga menyebabkan jenayah berlaku," katanya kepada *Sinar Harian*.

Media sebelum ini melaporkan, seorang pengusaha premis barangan lusuh warga asing cuba merasuah seorang pegawai polis ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Selasa.

Lelaki warga Myanmar berusia 27 tahun tersebut ditahan anggota penguat kuasa SPRM pada jam 3.50 pagi atas dakwaan cuba memberi wang suapan RM250 kepada seorang pegawai polis berpangkat inspektor.

Dalam pada itu, Zairudin berkata, tindakan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berpegang teguh dengan jati diri dan prinsip anti rasuah perlu dicontohi.

Ujarnya, isu tatakelakuan boleh dibendung sekiranya seseorang itu menjauhi sikap tamak dan haloba, selain menjarakkan diri daripada ruang dan peluang untuk melakukan perbuatan rasuah.

"Rasuah tidak boleh dinormalisasikan dalam perkhidmatan dan tugasan. Istilah seperti duit kopi, wang tepi, duit bawah meja, tumbuk rusuk dan lain-lain tidak sepatutnya menjadi perkara normal dalam sistem perkhidmatan kita," tegasnya.

> *Bukan soal berapa banyak atau sedikit jumlah suapan yang ditawarkan kerana akhirnya rasuah dan salah guna kuasa adalah tergolong dalam perkara dilaknat ALLAH SWT."*
>
> \- Zairudin



SINAR HARIAN
07.08.2024 (RABU)

# Dua pegawai direman disyaki terima rasuah RM14,000

**SEREMBAN** - Dua pegawai kanan sebuah syarikat direman tujuh hari oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki meminta dan menerima rasuah RM14,000.

Perintah reman terhadap suspek berusia 30 hingga 40-an itu dikeluarkan oleh Majistret, Syed Farid Syed Ali setelah permohonan di buat SPRM di Mahkamah Majistret Seremban pada Selasa.

Reman terhadap suspek bermula pada 6 Ogos sehingga 12 Ogos depan.

Menurut sumber, suspek disyaki meminta dan menerima rasuah daripada syarikat pembekal sebagai dorongan melantik dan mendapatkan kerja pembekalan peralatan serta kelengkapan komputer untuk syarikat tersebut.

Perbuatan tersebut dilakukan antara Januari hingga Mac tahun lalu dengan suspek memperoleh suapan secara pindahan ke akaun bank masing-masing.

Kedua-dua suspek ditahan kira-kira jam 5 petang pada Isnin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.



Suspek diiring anggota SPRM ketika hadir ke Mahkamah Majistret Seremban pada Selasa.

HARIAN METRO
07.08.2024 (RABU)

# Dua pegawai kanan disyaki terima suapan ditahan

**Seremban:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan menahan dua pegawai kanan sebuah syarikat kerana disyaki menerima rasuah kira-kira RM14,000, di sini, petang kelmarin.

Sumber berkata, suspek masing-masing berusia 30-an dan 40-an ditahan kira-kira jam 5 petang ketika hadir ke Pejabat SPRM Negeri Sembilan, di sini.

"SPRM menahan dua kakitangan syarikat swasta di negeri ini kerana disyaki menerima rasuah sebagai dorongan melantik dan mendapatkan kerja pembekalan peralatan serta kelengkapan komputer untuk syarikat itu.

"Kedua-dua suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara Januari hingga Mac tahun lalu dengan memperoleh suapan secara pindahan wang ke akaun bank masing-masing," katanya, semalam.

Tambahnya, perintah reman selama tujuh hari sehingga 12 Ogos ini dikeluarkan Majistret Syed Farid Syed Ali selepas permohonan dibuat di Mahkamah Majistret Jenayah, di sini, pagi semalam.

Sementara itu, Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.




DUA pegawai kanan sebuah syarikat ditahan kira-kira jam 5 petang ketika hadir ke Pejabat SPRM Negeri Sembilan, petang kelmarin.

BERITA HARIAN
07.08.2024 (RABU)

# 5 kena reman kes rasuah kontrak bersih kapal tangki

## Tiga individu direman lima hari, manakala dua lagi kontraktor 3 hari

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Lima individu direman kerana disyaki terbabit rasuah bagi mendapatkan kontrak pembersihan kapal tangki minyak bernilai RM15.3 juta, tiga tahun lalu.

Tiga individu terdiri daripada seorang pengurus anak syarikat minyak dan gas serta dua bekas kakitangan syarikat berkenaan, direman lima hari bermula semalam.




*Lima individu antara 30 hingga 63 tahun ditahan selepas beri keterangan.*
(Foto ihsan SPRM)

Dua lagi individu terdiri daripada kontraktor pula direman tiga hari hingga esok.

Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mereman suspek bagi membantu siasatan.

Terdahulu, semua individu lelaki berusia antara 30 hingga 63 tahun itu ditahan di Ibu Pejabat SPRM kira-kira jam 8 malam kelmarin selepas hadir memberikan keterangan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman, ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Katanya, semua individu berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16 Akta SPRM 2009.

### 2 pegawai kanan ditahan

Sementara itu, *BERNAMA* melaporkan SPRM menahan dua pegawai kanan sebuah pertubuhan di Negeri Sembilan kerana disyaki menerima rasuah berjumlah RM14,000.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia lingkungan 30 hingga 40-an itu ditahan kira-kira jam 5 petang kelmarin selepas diminta hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Negeri Sembilan.

Katanya, dua pegawai kanan itu didakwa menerima wang terbabit sebagai dorongan melantik dan mendapatkan kerja pembekalan peralatan serta kelengkapan komputer untuk pertubuhan berkenaan.

"Kedua-dua suspek disyaki melakukan perbuatan itu antara Januari hingga Mac 2023 dengan memperoleh suapan secara pindahan wang ke akaun bank masing-masing," katanya.

Sumber itu berkata, kedua-dua suspek direman tujuh hari hingga 12 Ogos ini bagi membantu siasatan.

Pengarah SPRM Negeri Sembilan, Awgkok Ahmad Taufik Putra Awg Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu bagi membantu siasatan kes mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

**SINAR HARIAN**

**09.08.2024 (JUMAAT)**

# Isyarat tegas SPRM

## Buka bilik gerakan di Nenggiri bantu kekang rasuah

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS

SHAH ALAM

FOTO: BERNAMA



PRK DUN N.43 Nenggiri menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Mohd Azmawi Fikri Abdul Ghani (kiri) sebagai calon mewakili Kerajaan Perpaduan, manakala pencabarnya daripada PAS merupakan bekas anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Mohd Rizwadi Ismail.

Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyediakan bilik gerakan sepanjang Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri disifatkan sebagai langkah pencegahan rasuah yang berkesan.

Ketua Pasukan Rasuah Busters Perlis, Nor Halmey Hamdah berkata, ia memberikan isyarat tegas bahawa tiada pihak yang boleh sewenang-wenangnya mengganggu proses PRK pada 17 Ogos ini.



NOR HALMEY

"Orang ramai janganlah hanya bercakap kosong jika berlaku penyalahgunaan rasuah semasa proses berkempen, kerana apa yang berlaku, mereka lebih gemar bercerita di media sosial tanpa melaporkannya kepada pihak berkuasa.

"Orang ramai juga seharusnya menaruh kepercayaan kepada SPRM selepas laporan dilakukan. Pastinya pengundi berasa tidak adil sekiranya laporan yang dibuat oleh mereka tidak diendahkan.

"Namun, mereka harus tahu, pihak SPRM lebih memahami tanggungjawab dan mungkin laporan mereka itu tidak menepati maksud kesalahan rasuah," katanya kepada *Sinar Harian*.

SPRM melancarkan dua bilik gerakan pilihan raya bagi membolehkan orang ramai menyalurkan maklumat dan aduan berkaitan perbuatan rasuah serta salah guna kuasa pada PRK DUN N.43 Nenggiri.

Bilik gerakan tersebut membolehkan orang ramai menyalurkan maklumat serta aduan berkaitan perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

SPRM turut mengingatkan kepada semua calon dan parti politik yang bertanding agar tidak melakukan aktiviti yang boleh melanggar undang-undang serta peraturan pilihan raya selaras dengan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Mengulas lanjut, Nor Halmey memuji tindakan SPRM yang membuka bilik gerakan supaya tiada pihak yang boleh mengambil kesempatan mahupun peluang untuk melakukan kegiatan rasuah.

Bagaimanapun katanya, media sosial turut mempunyai peranan penting sebagai sumber maklumat, sekiranya berlaku rasuah semasa tempoh berkempen.

"Kadangkala media sosial lebih memberikan kesan berbanding membuat laporan, tetapi pada masa yang sama tidak membawa keadilan kepada pihak terbabit.

"Saya harap dengan adanya bilik gerakan yang dibuka ini, tidaklah berlaku rasuah sepanjang berkempen dan saya harap jenayah ini terus lenyap," ujar beliau.

**SINAR HARIAN**
**09.08.2024 (JUMAAT)**

# Akta Pendanaan Politik hapuskan ekosistem rasuah

**SHAH ALAM** - Kerajaan perlu segera menggubal Akta Pendanaan Politik bagi meningkatkan kepercayaan orang awam selain menghapuskan ekosistem rasuah dan salah guna kuasa dari peringkat akar umbi.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Muhammad Dzul Aiman Zulkefly berkata, akta tersebut perlu segera diperkasakan bagi memastikan setiap dana diterima bebas daripada pengaruh kewangan yang diragui sumbernya.

Menurutnya, perkara itu akan memberi kesan positif terhadap tata kelola negara selain pentadbiran yang lebih telus.

"Akta ini secara tidak langsung dapat menghalang beberapa pihak tertentu seperti ahli korporat dan individu yang berkuasa daripada mempengaruhi keputusan parti politik.

"Perkara ini secara tidak langsung dapat meningkatkan tahap kepercayaan orang awam terhadap institusi pentadbiran apabila mereka bersikap jujur mengenai kewangan yang diperoleh.

"Undang-undang ini juga dapat memastikan dana yang digunakan itu untuk tujuan yang sah serta tidak disalahgunakan," katanya.



**MUHAMMAD DZUL AIMAN**

Sebelum ini, dapatan kuiz Pantau Dana Politik mendedahkan sebanyak 73.9 peratus responden bersetuju parti politik perlu lebih telus mengenai sumber dana, sekali gus membuktikan sokongan awam yang kuat terhadap pendanaan politik.

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS), Dr Tricia Yeoh berkata, hasil dapatan kuiz yang dibentangkan pada Disember 2013 itu merupakan usaha dalam mengukur pemahaman awam mengenai keperluan mendesak untuk menggubal akta pendanaan politik di negara ini.

Mengulas lanjut, Muhammad Dzul Aiman berkata, kerajaan perlu meningkatkan sistem pengurusan kewangan elektronik bagi memantau aliran kewangan bagi mengesan ketirisan dari peringkat awal.

Katanya, pemantauan awal menutup peluang ahli atau parti politik daripada menerima sumbangan mencurigakan.

**10 PERJUANGAN AZIZULHASNI DALAM ACARA PECUT BERAKHIR, FOKUS KEIRIN**

SINAR HARIAN

09.08.2024 (JUMAAT)

# Perbanyak mesej antirasuah untuk beri kesedaran kepada anak muda - ABIM

**SHAH ALAM** - Anak muda perlu didedahkan dengan mesej antirasuah dan diberikan kesedaran mengenai kesan buruk susulan peningkatan kegiatan rasuah dalam kalangan belia.

Naib Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Zairudin Hashim berkata, budaya integriti dan pengukuhan jati diri perlu diterapkan dalam setiap jiwa rakyat Malaysia bermula dari bangku sekolah.

"Budaya itu seharusnya ditanam dan diperkasa ketika anak muda sedang bergerak ke menara gading. Ia bagi memastikan tiada lagi kegiatan keji itu dilakukan oleh mereka sekiranya sudah berada di puncak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia menahan 2,332 belia berusia 16 hingga 40 tahun atas pelbagai kesalahan rasuah melibatkan kesalahan memberi dan menerima sogokan, membuat tuntutan palsu atau penggubahan wang haram dalam tempoh lima tahun sejak 2019.

Mengulas lanjut, Zairudin berkata, pemerkasaan Angkatan Mahasiswa Anti Rasuah, Program Wira Anti Rasuah dan modul Kursus Integriti dan Antirasuah di peringkat sekolah serta universiti perlu dipertingkatkan bagi mencegah penularan gejala rasuah dalam kalangan belia.

**BERITA HARIAN**
09.08.2024 (JUMAAT)

# SPRM terima 70 peratus aduan babit perolehan awam

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 70 peratus daripada aduan yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sehingga Julai tahun ini berkaitan dengan perolehan awam, kata Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Norazlan Mohd Razali.

Beliau berkata peratusan ini menunjukkan peningkatan daripada 69 peratus pada 2023 dan 67 peratus pada 2022.

Norazlan berkata, dalam banyak kes perolehan awam yang sedang disiasat, SPRM juga mendapati bahawa kebanyakan kesalahan rasuah berkaitan dengan penyalahgunaan kuasa, meminta atau menerima rasuah dan kelulusan tuntutan untuk kerja atau perkhidmatan yang tidak sepenuhnya dilaksanakan atau bekalan yang tidak dihantar sepenuhnya.



Norazlan Mohd Razali

"Semua ini menyebabkan dana yang sepatutnya digunakan untuk barangan dan perkhidmatan awam terbuang melalui kontrak yang terlalu mahal, kualiti barangan dan perkhidmatan dikompromikan melalui penggunaan bahan yang inferior dan pembinaan yang tidak standard, serta perkhidmatan yang tidak boleh dipercayai, menimbulkan risiko kepada kesejahteraan dan keselamatan awam," katanya dalam ucapan pembukaan pada Persidangan Perolehan Nasional ke-10 2024, semalam.

## Rosakkan integriti awam

Beliau berkata, perlakuan rasuah sedemikian mempunyai kesan buruk terhadap aspek ekonomi dan sosial serta menyebabkan pembaziran sumber dan peluang yang terlepas, akhirnya mengurangkan kepercayaan awam terhadap kerajaan dan merosakkan integriti awam yang diperlukan untuk memajukan kebaikan awam.

Namun, beliau berkata, memerangi rasuah yang membabitkan perolehan awam sentiasa menjadi satu daripada fokus strategik utama SPRM selama ini untuk mengelakkan kebocoran dan meningkatkan hasil negara.

Ini terbukti melalui penganjuran 126 program yang memberi tumpuan kepada menonjolkan rasuah dalam perolehan termasuk ceramah, kuliah, seminar dan forum yang membabitkan sektor awam dan swasta, serta syarikat berkaitan kerajaan.

Tambahan pula, Norazlan berkata, pada 2022, SPRM melalui Bahagian Penyiasatan Tadbir Urus telah membuat 113 syor kepada agensi kerajaan, 65 daripadanya dibuat tahun lalu dan 17 lagi sehingga Julai tahun ini.

"Memandangkan banyak proses ini kini diuruskan oleh manusia, terdapat keperluan untuk teknologi bagi mengawal tingkah laku manusia dan mengurangkan peluang untuk rasuah. Sistem seperti e-Perolehan, menawarkan penyelesaian yang mempermudah proses perolehan, bertindak sebagai pemangkin untuk inovasi dan merevolusikan amalan perolehan melalui integrasi kecerdasan buatan, blockchain dan pengkomputeran awan, yang menghasilkan proses perolehan yang jauh lebih efisien.

"Selain itu, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai keupayaan perolehan melalui latihan dan pembangunan, meningkatkan standard etika dan campur tangan antirasuah dalam perolehan," katanya. BERNAMA




*Memerangi rasuah yang membabitkan perolehan awam sentiasa menjadi satu daripada fokus strategik utama SPRM.*

## Ibadat&Fadilat

*Abu Darda' RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Tidak sanggupkah kamu membaca sepertiga al-Quran dalam semalam?" Mereka bertanya: "Bagaimana cara membaca sepertiga?" Nabi SAW menjawab: "Qul huwallahu ahad (surah al-Ikhlas) sama dengan sepertiga al-Quran." (HR Muslim)*

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|
| Kangar | 6:02 | 1:27 | 4:43 | 7:36 | 8:49 |
| Alor Setar | 6:02 | 1:26 | 4:43 | 7:36 | 8:48 |
| P. Pinang | 6:04 | 1:26 | 4:44 | 7:35 | 8:47 |
| Ipoh | 6:02 | 1:24 | 4:42 | 7:32 | 8:44 |
| Kuala Lumpur | 6:01 | 1:22 | 4:40 | 7:28 | 8:40 |
| Shah Alam | 6:01 | 1:22 | 4:40 | 7:28 | 8:40 |
| Johor Bahru | 5:55 | 1:13 | 4:32 | 7:17 | 8:29 |
| Kuantan | 5:56 | 1:16 | 4:35 | 7:22 | 8:33 |
| Seremban | 6:01 | 1:20 | 4:39 | 7:26 | 8:37 |
| Bandar Melaka | 6:00 | 1:19 | 4:38 | 7:24 | 8:36 |
| Kota Bharu | 5:56 | 1:19 | 4:36 | 7:28 | 8:36 |
| K. Terengganu | 5:53 | 1:15 | 4:33 | 7:23 | 8:36 |
| Kota Kinabalu | 5:00 | 12:23 | 3:41 | 6:32 | 7:44 |
| Kuching | 5:30 | 12:48 | 4:07 | 6:52 | 8:04 |

BERITA HARIAN
09.08.2024 (JUMAAT)

Kes pengisytiharan harta

# Daim minta penzahiran dokumen daripada SPRM

**Kuala Lumpur:** Bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin memohon kepada Mahkamah Sesyen semalam untuk mendapatkan penzahiran dokumen daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mengemukakan dokumen pertuduhan dihadapinya yang gagal mematuhi notis SPRM berhubung pengisytiharan 70 aset miliknya.

Daim atau nama sebenarnya Che Abdul Daim Zainuddin, 86, selaku pemohon memfailkan permohonan penzahiran dokumen itu melalui Tetuan Raj & Sach pada 31 Januari lalu bagi mendapatkan sesalinan notis berkenaan namun tidak menerima sebarang maklum balas daripada pendakwaan selaku responden.

Daim kemudian memfailkan permohonan kedua pada 31 Julai lalu bagi tujuan sama.

Dalam prosiding di hadapan Hakim Azura Alwi, peguam M Puravalen yang mewakili Daim itu berkata, permohonan dibuat kepada pendakwaan selaku responden untuk mendapatkan sesalinan notis kes itu menerusi surat bertarikh 31 Januari lalu.

Bagaimanapun, responden gagal atau enggan membekalkannya salinan dokumen itu hingga semalam.

"Saya tidak menerima sebarang maklum balas dan responden juga tidak mendedahkan aduan itu sebagaimana yang diwajibkan di bawah seksyen 51A Kanun Tatacara Jenayah.

"Hakikatnya, responden mempunyai kewajipan untuk membekalkan aduan terbabit kerana ia membentuk asas kepada pengeluaran notis Seksyen 36(1) Akta SPRM 2009 yang membawa kepada pertuduhan ini.

"Demi keadilan, responden mesti mendedahkan aduan itu kerana ia mungkin membantu kes saya dan atau menjejaskan kes pendakwa raya," katanya.

Susulan itu, Daim sekali lagi membuat permohonan sama pada 31 Julai lalu.

Mendengar perkara berkenaan, Timbalan Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin mengesahkan permohonan itu diterima pada Selasa lalu.

Dalam pada itu, beliau memohon Daim hadir dalam prosiding permohonan akan datang.

"Saya bimbang ia akan mengundang persepsi apabila tertuduh dalam kes ini tidak hadir ke mahkamah pada prosiding pendengaran kes.

"Anggap sahaja ini adalah latihan untuknya tampil ke mahkamah sebelum perbicaraan dibuat," katanya.

Bagaimanapun, Puravalen membantah permohonan itu atas alasan anak guamnya mempunyai masalah kesihatan dengan pergerakan fizikal yang terhad.

"Mahkamah perlu memahami keadaannya yang sangat uzur," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Azura menetapkan 27 Ogos untuk pendengaran permohonan mendapatkan penzahiran dokumen dan membenarkan pengecualian Daim dalam prosiding akan datang.

Pada 29 Januari lalu, Daim mengaku tidak bersalah atas pertuduhan gagal mematuhi notis dengan tidak mengisytiharkan harta termasuk beberapa kenderaan mewah, syarikat dan hartanah di sekitar ibu kota, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Perak dan Kedah.

**HARIAN METRO**

**09.08.2024 (JUMAAT)**

Harian Metro
9/8/24 - Jumaat



KOK Guan (berbaju biru) dibawa oleh SPRM ke Mahkamah Sesyen Kangar.

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

# Suap RM200k minta lepas lori

## *Ejen kasino tidak mengaku tuduhan rasuah polis*

**Kangar**

Seorang ejen kasino mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menawarkan rasuah kepada seorang pegawai polis sebagai dorongan untuk melepaskan sebuah lori miliknya pada Februari tahun lalu.

Tertuduh, Teow Kok Guan, 34, dari Pulau Pinang mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norsalha Hamzah.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Kok Guan didapati secara rasuah menawarkan suatu suapan berjumlah RM200,000 kepada Inspektor Muhamad Taufiq Ibrahim yang bertugas sebagai Pegawai Operasi, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perlis.

Ia sebagai dorongan melakukan hal ehwal berkaitan melepaskan sebuah lori *bonded* yang ditahan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Tertuduh didapati melakukan perbuatan berkenaan di Kem Kompeni D, Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 1, Kuala Perlis, di sini, jam 9 pagi pada 19 Februari tahun lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta yang sama.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muhammad Akmal Abdul Ghani, manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Hakim Hamran.

Mahkamah mengarahkan ikat jamin sebanyak RM55,000 terhadap Kok Guan, dan menetapkan 9 September hadapan sebagai tarikh sebutan semula kes.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**

**10.08.2024 (SABTU)**

Awang Paku Serpih

Muncul setiap Rabu dan Sabtu

# Ambil rasuah, salahkan kaum lain

**AWANG** sokong penuh pandangan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay yang kata apabila orang Islam ambil rasuah, jangan salahkan kaum lain. Dengan pedas beliau berkata, yang tak kuat iman sebenarnya adalah orang Melayu Islam sendiri. Merekalah yang paling banyak terbabit rasuah.

Ayob Khan berkata lagi ada pihak yang apabila didakwa menyalahkan kaum lain. Malah ia jadi isu perkauman, yang ambil orang Melayu, yang memberi kaum lain. Kata Ayob Khan, zaman ini adalah zaman semua orang mudah jadi perasuah. Mungkin peluang ada dan persaingan untuk hidup mewah jadi keutamaan.

Beliau mengingatkan tentang istilah fasad (kerosakan) di mana ungkapan itu paling banyak disebut dalam al-Quran selepas perkataan solat. Itu menunjukkan Islam benci pada mereka yang terbabit rasuah.

Awang cukup hargai ketegasan Ayob Khan dalam memerangi rasuah seperti juga jihad beliau melawan judi haram dan jenayah. Orang yang berintegriti macam inilah yang kita perlukan memimpin pasukan polis kita.

Beliau terang-terang berkata nak banteras rasuah habis-habisan. Beliau percaya nak lawan rasuah jangan mula dari bawah, tapi dari atas.

Tangkap boss dulu!

SINAR HARIAN

10.08.2024 (SABTU)

# Pelaku rasuah wajar dilucut jawatan, disekat kenaikan pangkat

**SHAH ALAM** - Individu yang terbukti bersalah melakukan kesalahan rasuah dicadangkan supaya dilucutkan jawatan atau kenaikan pangkatnya disekat untuk tempoh masa tertentu atau selamalamanya.

Yang Dipertua Ikram Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, hukuman tersebut adalah untuk menunjukkan isyarat betapa seriusnya kesalahan yang telah dilakukan itu.

Menurutnya, tindakan tegas itu juga bertujuan untuk memberikan amaran kepada individu lain tentang konsekuensi serius jika mereka terlibat dalam aktiviti rasuah.

"Pihak pengurusan teratas syarikat atau sesuatu organisasi itu perlu mengambil langkah berkenaan untuk memberikan pengajaran dan pada masa yang sama membanteras jenayah tersebut.

"Pelaku rasuah merupakan musuh nombor satu negara. Rasuah menyebabkan imej syarikat terjejas dan mengakibatkan pembaziran serta ketirisan sumber yang sepatutnya boleh disalurkan kepada perkara lebih bermanfaat.

"Selain itu, rasuah juga penyebab kepada keruntuhan moral dan sosial yang meluas. Usaha berterusan untuk memerangi rasuah adalah penting bagi kelestarian negara serta kesejahteraan masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi di sini.

Tambah beliau, kewujudan pelaku rasuah dalam kalangan pegawai-pegawai kanan syarikat adalah disebabkan oleh perasaan tamak dan ingin mendapatkan hasil serta habuan dengan cara yang mudah.

"Mereka (pelaku rasuah) juga melihat peluang terhidang di depan mata melalui kuasa yang ada untuk mempengaruhi sesuatu keputusan seperti pemberian tender misalnya.

"Selain itu, sikap tidak amanah, tiada sifat integriti dan tidak melihat tanggungjawab sebagai sesuatu yang perlu di tunaikan dengan jujur dan berintegriti adalah penyebab rasuah berlaku dari kalangan pegawai-pegawai atasan," tambah beliau.

Zainal Adnan berkata, jenayah rasuah mengakibatkan hilangnya kepercayaan masyarakat kepada suatu sistem yang lebih adil dan telus.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

## SINAR HARIAN

10.08.2024 (SABTU)

# Pengalaman ditahan harus dikongsi untuk beri pengajaran

**SHAH ALAM -** Individu yang pernah ditahan reman oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk siasatan sesuatu kes sewajarnya berkongsi pengalaman mereka itu dengan tujuan untuk memberikan pengajaran, dan menjauhkan orang ramai daripada melalui proses tersebut.

Presiden Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram), Badlishah Sham Baharin berkata, perbuatan memberikan gambaran yang boleh menimbulkan persepsi negatif kepada badan penguat kuasa tidak seharusnya dilakukan.

"Janganlah pula digembar-gemburkan macam pengalaman kena siasat dan sebagainya itu seolah-olah sesuatu pengalaman menggembirakan dan tidak ada hal.

"Itu pun tidak betul juga kerana sepatutnya beri pengajaran, nasihat kepada orang ramai supaya tidak ikut melakukan perkara-perkara yang melanggar undang-undang negara, supaya orang lain tidak perlu melalui proses seperti itu.



BADLISHAH

"Sepatutnya kita jauh dari proses (kena siasat) itu, bukan sengaja meletakkan diri di dalamnya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, Badlishah berkata, pempengaruh perlu sedar bahawa setiap perbuatan yang dilakukan akan menjadi ikutan oleh orang ramai terutamanya generasi muda.

Menurutnya, ditahan SPRM sepatutnya dijadikan sebagai satu iktibar kepada masyarakat, bukannya sebagai galakan.

"Isu seperti ini saya harap mereka terutamanya pempengaruh, memberikan contoh yang baik, membawa masyarakat ke arah baik dan membaiki nilai-nilai dalam masyarakat.

"Maknanya bersama-sama membangunkan masyarakat yang sihat, sejahtera, aman damai dan progresif, bukannya masyarakat yang dibina atas nilai-nilai yang buruk," ujarnya.

**SINAR HARIAN**

**10.08.2024 (SABTU)**

# Naib Presiden Gerakan didakwa pecah amanah wang KABA

**KUANTAN** - Naib Presiden Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) merangkap Pengerusi Gerakan Pahang, Datuk Yap Kim Heng, 62, dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas enam tuduhan pecah amanah melibatkan wang bayaran sewa gerai Persatuan Bola Keranjang Amatur Kuantan (KABA), berjumlah RM15,950.

Tertuduh bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas semua pertuduhan yang dikemukakan di hadapan Hakim Maimoonah Aid.



Tertuduh (tengah) diiringi pegawai SPRM keluar dari Mahkamah Sesyen Kuantan selepas selesai sebutan kes pecah amanah pada Jumaat.

Berdasarkan kertas pertuduhan dikemukakan, tertuduh didakwa pecah amanah atas kapasiti sebagai Timbalan Pengerusi KABA apabila tidak memasukkan bayaran sewaan gerai oleh penyewa berjumlah RM1,350 hingga RM2,600 ke dalam akaun bank persatuan sebaliknya menyerahkan lima cek diterima kepada isteri dan anak untuk ditunaikan ke akaun bank masing-masing.

Tertuduh juga turut tunaikan satu cek bayaran sewaan gerai persatuan berjumlah RM4,200 ke akaun milik peribadi sedangkan wang dengan jumlah keseluruhan RM15,950 itu perlu dimasukkan ke akaun KABA.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah cawangan bank di Jalan Air Putih di sini antara Mei 2018 hingga Jun 2021.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa di bawah Seksyen 409 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang dua tahun dan tidak lebih 20 tahun dan sebatan.

Ekoran pengakuan tidak bersalah itu, pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rifah Izzati Abdul Mutalif menawarkan jaminan RM30,000 bagi semua pertuduhan terhadap tertuduh.

Pihak pendakwaan juga memohon syarat tambahan terhadap tertuduh iaitu perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan hingga kes selesai.

Peguam, Bala Bedha yang mewakili tertuduh bagaimanapun merayu agar wang jaminan ke atas anak guamnya dikurangkan pada kadar paling minimum.

Menurutnya, anak guamnya itu kini telah bersara dan bergantung kepada komisyen serta elaun dari pekerjaannya terdahulu untuk menyara keluarga.

Selain itu, tertuduh juga mengalami masalah jantung dan perlu menjalani rawatan di hospital.

Justeru dia memohon agar syarat tambahan agar tertuduh menyerahkan pasport diketepikan memandangkan tertuduh merancang untuk menjalani rawatan jantung di Singapura.

Mengambil kira hujah pendakwaan dan rayuan tertuduh, Maimoonah membenarkan jaminan ke atas tertuduh dikurangkan kepada RM18,000 bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah menetapkan 20 September depan untuk sebutan semula kes tersebut.

Tertuduh difahamkan menjelas wang jaminan yang dikenakan.

**HARIAN METRO**

**10.08.2024 (SABTU)**

# SPRM banyak terima aduan berkaitan perolehan awam

**Kuala Lumpur:** Kira-kira 70 peratus daripada aduan yang diterima Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setakat Julai lepas adalah berkaitan perolehan awam, kata Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) suruhanjaya itu Datuk Seri Norazlan Mohd Razali.

Beliau berkata, peratusan itu menunjukkan peningkatan aduan iaitu 69 peratus pada tahun lepas dan 67 peratus pada 2022.

"Pada 2022, kira-kira 60 peratus daripada siasatan adalah berkaitan perolehan awam manakala pada 2023 kira-kira 59 peratus sebelum meningkat kepada 66 pada 2024 (setakat 20 Julai)," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Perolehan Kebangsaan ke-10 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa (Mitec) di sini, kelmarin.

BERITA HARIAN
10.08.2024 (SABTU)

# SPRM, ketua audit diminta lebih tegas kesan pelanggaran tatakelola

## PM turut saran badan berkanun Persekutuan lakukan anjakan paradigma, lebih telus

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Hazwan Faisal Mohamed
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Audit Negara bertindak lebih tegas dengan menerobos ke semua agensi, kementerian dan badan berkanun untuk mengesan sebarang bentuk pelanggaran tatakelola dan rasuah.

Perdana Menteri berkata, isu pelanggaran tatakelola masih berlaku dan ia tidak terhad kepada pelantikan politik dalam agensi dan badan berkanun tertentu, sebaliknya turut melibatkan lantikan profesional dan penjawat awam.

"Berdasarkan laporan yang saya baca, (pelanggaran) ini tak terikat kerana yang profesional pun begitu juga, dia boleh jadi profesional *cheaters*, ini kaedah dan tatakelola, ada penjawat awam yang melanggar tatakelola, ada orang politik juga sama, ada juga pengurusan.

"Kita lantik, baik orang politik, pengurus profesional atau penjawat awam, asalkan dia ikut peraturan dan dipantau dengan lebih teliti terutama oleh wakil Kementerian Kewangan (MOF), Ketua Audit Negara dan SPRM.

"Justeru, SPRM dan Ketua Audit Negara diminta lebih tegas dan menerobos secara menyeluruh ke semua agensi dan kementerian bagi bendung gejala ini," katanya berucap pada Majlis Peluncuran Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki; Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azman Ibrahim.

Garis panduan yang dikuatkuasakan menerusi arahan Surat Pekeliling Am Bilangan 5 2024 itu bertujuan memberi panduan kepada kementerian, agensi pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan dengan pengurusan dan tatakelola badan berkanun Persekutuan.

Surat Pekeliling Am itu dikeluarkan pada 30 April lalu selepas garis panduan diputuskan Jawatankuasa Khas Kabinet Tatakelola Nasional (JKKTN) Siri 2 Bilangan 1 2024, dengan ICU JPM diberi tanggungjawab memastikan keberkesanan pemantauan dan tatakelola badan berkanun Persekutuan dengan penyelarasan bersama kementerian pengawal.

Anwar yang juga Menteri Kewangan juga menyeru badan berkanun Persekutuan melakukan anjakan paradigma dan bersifat lebih telus dengan melihat semula struktur dan visi penubuhannya, sekali gus mengelak mereka terjebak dengan isu pelanggaran tatakelola.

### Elak menyimpang matlamat

Beliau berkata, biarpun secara keseluruhannya prestasi badan berkanun Persekutuan agak membanggakan, namun terdapat ruang yang boleh diperbaiki bagi memastikan penubuhannya tidak menyimpang daripada matlamat asal dengan tahap pengurusan lebih telus dan cekap.

"Agensi-agensi ini penting bagi menjana pertumbuhan ekonomi, terutama pada peringkat awal untuk bantu Bumiputera, tetapi pelanggaran peraturan dan kecenderungan untuk mengaut keuntungan berlebihan menyebabkan hak dan kepentingan Bumiputera dikhianati, ini kita bimbang," katanya.

Anwar memberi contoh, satu laporan diperolehnya daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkait sebuah agensi yang diwujudkan untuk menolong orang miskin, sebaliknya menubuhkan 79 anak syarikat.

"Daripada 79 anak syarikat ini, lebih 50 mengikut laporan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid, yang buat kajian, (laporan) sampai kepada beliau, mengalami kerugian tetapi pengerusi lembaga dapat elaun tetap.

"Jadi, maknanya kalau pengerusi lembaga dapat elaun RM5,000 atau RM1,000, semua 79 syarikat juga dipengerusikan beliau (pengerusi lembaga) akhirnya dia dapat RM79,000 sebulan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mengkaji untuk memberi tambahan peruntukan bagi memperluas mekanisme pemantauan audit, mencakupi semua peringkat, iaitu Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Beliau berkata, kerajaan juga akan mengkaji untuk memberi tambahan peruntukan bagi memperluas mekanisme pemantauan audit, mencakupi semua peringkat, iaitu Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

BERITA HARIAN
11.08.2024 (AHAD)

Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola BBP

# Inisiatif BBP bukti kerajaan serius perangi rasuah

**Kuala Lumpur:** Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan (BBP) berupaya memastikan pengurusan BBP di negara ini telus, berintegriti dan mempunyai kebertanggungjawaban.

Presiden Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW), Jais Abdul Karim, berkata melalui Audit Dalam di bawah garis panduan yang lebih berperanan aktif, sebarang ketidakpatuhan dan risiko dalam pengurusan dapat dikenal pasti dan diperbaiki dengan segera.

"Pemerkasaan ini juga menunjukkan komitmen kerajaan dalam memerangi rasuah dan meningkatkan tadbir urus yang baik dalam sektor awam.

"MCW berharap garis panduan ini dilaksanakan dengan tegas dan konsisten serta disokong semua pihak yang terbabit, termasuk pengurusan tertinggi badan berkanun untuk mencapai keberkesanan yang diinginkan," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Garis Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola BBP, yang mula dikuat kuasa kerajaan menerusi arahan pekeliling yang dikeluarkan pada 30 April lalu.

Ia bertujuan memberi panduan kepada kementerian, agensi pengawal dalam pelaksanaan peraturan dan prosedur berkaitan pengurusan serta tatakelola BBP.

BBP, antara lain perlu menubuhkan Unit Audit Dalam untuk melaksana pengauditan bagi menilai dan meningkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman serta menyarankan penambahbaikan dalam pengurusan agensinya.

Laporan dikeluarkan Unit Audit Dalam itu kemudian perlu dibentang kepada mesyuarat Lembaga Pengarah BBP berkenaan sekurang-kurangnya setiap suku tahun.

Mengulas gesaan Perdana Menteri supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Audit Negara bertindak lebih tegas dengan menerobos semua agensi dan kementerian serta badan berkanun bagi mengesan sebarang pelanggaran tatakelola, Jais menyifatkan ia sebagai langkah proaktif dalam usaha membanteras pelanggaran tatakelola dan rasuah di semua peringkat kerajaan.

"MCW percaya dengan peningkatan pengawasan dan ketegasan, ketidakpatuhan dan amalan rasuah dapat dikesan dan ditangani dengan lebih efektif.

"Langkah ini bukan sahaja penting untuk mengekang rasuah, tetapi untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap integriti institusi kerajaan.

"MCW juga menegaskan tindakan tegas perlu disusuli dengan hukuman yang setimpal bagi memastikan tiada ruang untuk pelanggaran integriti di masa hadapan," katanya.

## Ibadat&Fadilat

*Abu Hurairah RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda:*
*"Sesiapa menyeru (seseorang) kepada hidayah, baginya ganjaran seperti ganjaran orang mengikutinya tanpa mengurangi sedikitpun daripada ganjaran mereka (yang melakukan)." (HR Muslim)*

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|
| Kangar | 6:02 | 1:26 | 4:42 | 7:36 | 8:48 |
| Alor Setar | 6:02 | 1:26 | 4:42 | 7:35 | 8:47 |
| P. Pinang | 6:04 | 1:26 | 4:44 | 7:34 | 8:46 |
| Ipoh | 6:03 | 1:24 | 4:41 | 7:31 | 8:43 |
| Kuala Lumpur | 6:01 | 1:21 | 4:39 | 7:28 | 8:39 |
| Shah Alam | 6:01 | 1:21 | 4:39 | 7:28 | 8:39 |
| Johor Bahru | 5:55 | 1:13 | 4:32 | 7:17 | 8:28 |
| Kuantan | 5:56 | 1:16 | 4:34 | 7:21 | 8:33 |
| Seremban | 6:01 | 1:20 | 4:38 | 7:25 | 8:37 |
| Bandar Melaka | 6:00 | 1:19 | 4:37 | 7:24 | 8:35 |
| Kota Bharu | 5:56 | 1:19 | 4:35 | 7:28 | 8:36 |
| K. Terengganu | 5:53 | 1:15 | 4:32 | 7:23 | 8:35 |
| Kota Kinabalu | 5:00 | 12:23 | 3:39 | 6:32 | 7:44 |
| Kuching | 5:30 | 12:48 | 4:07 | 6:52 | 8:03 |

**BERITA HARIAN**

**11.08.2024 (AHAD)**



# GCEO antara direman SPRM seleweng dana RM1.5 juta syarikat tersenarai awam

**Kuala Lumpur:** Seorang Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) antara tiga ditahan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) selepas disyaki menyeleweng dana RM1.5 juta milik sebuah syarikat tersenarai awam.

Sumber SPRM berkata, semua suspek ditahan sekitar jam 7 hingga 9 malam Khamis lalu ketika masing-masing hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Putrajaya berhubung dakwaan penyelewengan membabitkan projek pembinaan dan perlombongan bernilai kira-kira RM80 juta.

"Hasil siasatan awal mendapati semua suspek dipercayai terbabit dalam penubuhan sebuah syarikat tidak diluluskan Ahli Lembaga Pengarah bagi tujuan menjalankan projek kerjasama bernilai kira-kira RM258 juta.

"Selain itu, mereka turut disyaki terbabit penyelewengan dana kutipan sewaan hartanah milik syarikat berkenaan yang bernilai kira-kira RM3 juta," katanya.

Perintah reman selama empat hari sehingga esok dikeluarkan ke atas dua suspek lelaki dan seorang wanita berusia antara 40 hingga 50-an oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin susulan permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi kelmarin.

Sementara itu Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terbabit.

Kes disiasat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

BERNAMA

**BERITA HARIAN**

11.08.2024 (AHAD)



# Tiga ditahan disyaki seleweng dana RM1.5j

**Kuala Lumpur:** Ketua pegawai eksekutif kumpulan (GCEO) antara tiga individu yang ditahan selepas disyaki menyeleweng dana RM1.5 juta milik sebuah syarikat tersenarai awam membabitkan projek pembinaan dan perlombongan bernilai RM80 juta.

Menurut sumber, dua lelaki serta seorang wanita berusia 40-an hingga 50-an itu ditahan kira-kira jam 7 petang hingga 9 malam kelmarin, ketika hadir memberi keterangan di Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya.

"Siasatan awal dilakukan mendapati kesemua suspek bukan sahaja disyaki menyeleweng dana RM1.5 juta milik sebuah syarikat tersenarai awam membabitkan projek pembinaan dan perlombongan bernilai RM80 juta.

"Malah, mereka turut dipercayai terbabit dalam menubuhkan sebuah syarikat yang tidak diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah bagi tujuan menjalankan projek kerjasama bernilai RM258 juta.

"Selain itu mereka juga disyaki terbabit menyeleweng dana kutipan sewaan hartanah milik syarikat tersebut bernilai kira-kira RM 3 juta," katanya.

Perintah reman selama empat hari sehingga 12 Ogos ini terhadap kesemua suspek dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Seri Hishamuddin Hashim ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

**SINAR HARIAN**

**11.08.2024 (AHAD)**

# Kilang e-waste: SPRM sedia ambil tindakan

Suruhanjaya itu akan meneliti isu terbabit sekiranya wujud unsur rasuah atau salah guna kuasa oleh pihak berkaitan

Oleh **MUHAMMAD AFHAM RAMLI**
SHAH ALAM

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedia menjalankan siasatan berhubung dakwaan isu membabitkan pengoperasian kilang memproses sisa elektronik (e-waste) di Segamat, Johor.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya akan meneliti isu terbabit sekiranya wujud unsur rasuah atau salah guna kuasa oleh pihak berkaitan.

"Saya mengalu-alukan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkongsi info dengan kami (SPRM).

"Saya akan arahkan Pengarah SPRM Johor untuk berhubung dengan PBT berkaitan serta lain-lain agensi untuk membantu siasatan," katanya ketika dihubungi *Sinar Ahad*.



AZAM

Menurut Azam, SPRM tidak teragak-agak menjalankan siasatan berhubung isu rasuah dan salah guna kuasa.

Jelasnya, isu e-waste banyak berlaku di beberapa tempat dan SPRM pernah mengambil tindakan siasatan.

"Isu e-waste ini menyebabkan pencemaran alam sekitar, kita akan ambil tindakan tegas termasuklah meneliti bagaimana kemasukan sisa elektronik dari luar negara ke pelabuhan negara," ujarnya.

Pada Selasa, *Sinar Harian* menerusi laporan eksklusif melaporkan aktiviti kilang haram di Segamat, Johor yang dipercayai beroeprasi melerai, memproses dan melebur sampah e-waste diseludup tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan.

Kilang kitar semula barang terpakai itu disyaki beroperasi tanpa permit atau lesen sah daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi menguruskan keseluruhan proses barangan e-waste.

Selain itu, temu bual *Sinar Harian* dengan penduduk juga mendakwa mereka berdepan dengan pencemaran bau pada waktu malam disyaki akibat proses peleburan sisa e-waste.

Susulan itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dalam satu kenyataan menegaskan, Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah ditugaskan untuk menyiasat lebih lanjut berkenaan kilang-kilang e-waste di dalam negara.

Pasukan siasatan itu diketuai Ketua Pasukan AMLA PDRM, Datuk Muhammed Hasbullah Ali.




Laporan eksklusif *Sinar Harian* pada 6 Ogos lalu.

**SINAR HARIAN**
11.08.2024 (AHAD)

# Tangani rasuah dengan rangka tindakan berterusan

## Dengan menghayati nilai agama, jenayah itu dapat dibanteras

Oleh QURRATUL AINA QUDDUS
SHAH ALAM

Aktiviti rasuah perlu ditangani dengan merangka tindakan berterusan yang berkesan untuk memastikan negara tidak musnah akibat jenayah itu

Yang Dipertua Ikram Kuala Lumpur, Zainal Adnan Abdul Halim berkata, tindakan berterusan itu perlu dilaksanakan untuk kesan jangka pendek atau jangka panjang.

"Sebagai sebuah negara Islam, usaha bersungguh-sungguh perlu dibuat bagi memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa dengan menghayati nilai agama, aktiviti rasuah dapat dibanteras.

"Tindakan yang perlu dirangka mesti merangkumi usaha pencegahan seperti hukuman dan ilmu.

"Pembenterasan ini adalah tanggungjawab semua pihak kerana kesan buruknya tidak hanya menimpa kepada pelaku sahaja tetapi juga akan melibatkan orang yang tidak melakukannya," katanya kepada *Sinar Ahad*.



ZAINAL ADNAN

RASUAH BUSTERS

Pada 31 Julai lalu, bekas Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, setiap negara Islam memerlukan rangka tindakan yang komprehensif dalam menangani masalah rasuah di negara masing-masing.

Abu Kassim dilaporkan berkata, kajian secara terperinci perlu dilakukan terhadap punca-punca rasuah yang mana keputusan berkenaan dapat membangunkan satu rangka tindakan yang dapat mengatasi masalah terbabit.

Sementara itu, Zainal menegaskan rakyat Malaysia perlu dididik dan diberi kesedaran bahawa setiap perbuatan sogokan itu ialah rasuah yang mana melibatkan individu mendapatkan harta bukan haknya.

Katanya, menjadi tugas bersama semua umat Islam untuk menghentikan perbuatan mungkar itu daripada terus berleluasa.

"pada masa saya, rakyat juga mesti bersikap bijak dan bertanggungjawab dalam memilih pemimpin yang berkemampuan dan mempunyai ciri-ciri jujur, amanah dan bertanggungjawab.

"Tidak mengamalkan budaya melobi, mengipas dan membodek ketua secara berlebihan yang berpunca daripada perasaan tamak serta mementingkan diri," ujarnya.




**Setiap negara Islam memerlukan rangka tindakan yang komprehensif dalam menangani masalah rasuah di negara masing-masing.**

BERITA HARIAN
12.08.2024 (ISNIN)

# Pengarah, timbalan antara 4 ditahan kes rasuah

**Melaka:** Dua penjawat awam membabitkan pengarah dan timbalan pengarah sebuah jabatan kerajaan ialah antara empat individu direman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka berkait kes disyaki penerimaan rasuah bagi meluluskan tuntutan kerja di jabatan itu bernilai lebih RM176,000 yang mempunyai butiran matan palsu.

Menurut sumber, kedua-dua pegawai lelaki berusia 50 dan 49 tahun itu serta dua orang awam terdiri daripada seorang lelaki berumur 62 dan wanita berusia 34 tahun, ditahan di Pejabat SPRM Melaka kira-kira jam 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan.

Berikutan permohonan SPRM, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rafidah Che Aziz, membenarkan tiga suspek lelaki berkenaan ditahan reman selama tiga hari bermula semalam hingga esok, manakala suspek wanita pula direman sehari saja.

Terdahulu, kesemua suspek tiba di Kompleks Mahkamah Ayer Keroh pada jam 9.22 pagi tadi dengan menaiki kenderaan SPRM.

Sementara itu Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie, ketika dihubungi mengesahkan penahanan kesemua suspek terbabit bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.




*Empat individu ditahan ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.* (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

Berita Harian – 12/8/24 – Isnin

**HARIAN METRO**

**12.08.2024 (ISNIN)**

# Pegawai penguat kuasa terima RM120k diberkas

**Kota Kinabalu:** Seorang pegawai penguat kuasa sebuah jabatan ditahan, disyaki menerima rasuah kira-kira RM120,000 bagi melindungi aktiviti penyeludupan rokok dan melepaskan barang penyeludupan.

Suspek lelaki berusia 30-an ditahan dalam operasi yang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah di Keningau, kelmarin.

Menurut sumber, suspek dipercayai melakukan perbuatan berkenaan baru-baru ini, dengan upah sebagai balasan melindungi aktiviti penyeludupan rokok di sekitar Keningau.

**Upah sebagai balasan melindungi aktiviti penyeludupan rokok di sekitar Keningau**

"Suspek turut didakwa melepaskan lori serta barang penyeludupan yang ditahan oleh jabatan itu," katanya.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu dan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

"SPRM tidak menolak kemungkinan beberapa tangkapan susulan mengenai kes ini akan dibuat," katanya.

**HARIAN METRO**
**12.08.2024 (ISNIN)**



**LULUS TUNTUTAN RM176,000**

# Dua penjawat awam ditahan SPRM

**Melaka:** Dua penjawat awam jabatan kerajaan antara empat individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka membantu siasatan dakwaan menerima rasuah meluluskan tuntutan kerja-kerja di jabatan berkenaan bernilai lebih RM176,000 yang mempunyai butiran matan palsu.

Suspek pengarah dan timbalan pengarah berusia 50 dan 49 tahun serta dua orang awam, seorang wanita berusia 34 tahun dan lelaki berusia 62 tahun.

Menurut sumber, kesemua suspek ditahan di Pejabat SPRM Melaka kira-kira jam 5 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan bagi membantu siasatan yang sedang dijalankan.

Semua suspek dibawa ke Kompleks Mahkamah Ayer Keroh menaiki kenderaan SPRM.

Mereka kemudian dibawa ke hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi, Rafidah Che Aziz bagi permohonan reman.

Selepas meneliti permohonan pegawai penyiasat SPRM, Rafidah membenarkan tiga suspek lelaki direman tiga hari bermula semalam hingga Selasa manakala suspek keempat, wanita dibenarkan reman sehari.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan semua suspek dan memaklumkan siasatan kes masih dijalankan mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



EMPAT individu diiringi pegawai SPRM untuk proses mendapatkan perintah reman di Mahkamah Ayer Keroh.

SINAR HARIAN
12.08.2024 (ISNIN)

Usaha memastikan tahap integriti kakitangan dan perkhidmatan sentiasa cemerlang

# PMBK bakal wujudkan Pelan Antirasuah Organisasi

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA KINABALU

Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) bakal mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dalam usaha memastikan integriti kakitangan dan perkhidmatan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berada pada tahap cemerlang.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Wan Mohd Husni Wan Osman berkata, pelan tersebut kini di peringkat akhir untuk diperkemaskan sebelum dijangka siap pada Oktober depan, sekali gus memberi harapan kepada seluruh rakyat ke arah negara bebas rasuah.

"PMBK memberi komitmen tinggi dalam soal integriti kakitangan dalam melaksanakan perkhidmatan termasuk menjauhi gejala rasuah.

"OACP yang sedang dibangunkan ini akan bertindak sebagai garis panduan pentadbiran dan pengurusan meliputi empat cabang utama iaitu tadbir urus, perolehan, pengurusan projek serta perkhidmatan," katanya kepada *Sinar Harian* ketika Program Hab Integriti PMBK Bersama Rasuah Busters di Tunjong pada Ahad.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin.

Menurut Wan Mohd Husni, PMBK memulakan usaha memerangi rasuah dan mengutamakan integriti dalam penugasan seharian sejak sekian lama dan melafaz ikrar bebas rasuah dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun lalu.

Katanya, buat julung kali Program Hab Integriti PMBK bersama Rasuah Busters diadakan dengan penyertaan seramai 65 pekerja membuktikan usaha berterusan pihak GLC untuk memastikan tahap integriti mereka kekal tertinggi.

"Kami bekerja bukan untuk PMBK semata-mata tetapi berkhidmat kepada rakyat.

"Kami mempunyai rekod bersih dalam soal integriti dan mahu mengekalkannya bagi menarik kepercayaan lebih ramai pelabur domestik serta antarabangsa melabur di PMBK," katanya.




**Norhayati (dua dari kiri) menyampaikan cenderamata kepada Wan Mohd Husni (dua dari kanan) sambil diapit Mohd Zikrul (kanan) di Tunjong, Kota Bharu.**

Menurutnya, OACP yang dibangunkan itu akan meningkatkan kepercayaan lebih ramai pelabur untuk melabur.

"PMBK melabur dalam pelbagai bidang antaranya hartanah, industri, emas dan mineral.

"Menjenamakan PMBK sebagai GLC bebas rasuah akan mengukuhkan lagi kedudukannya selain dapat menambah kekuatan polisi sedia ada seperti hadiah, pakatan integriti dan perlindungan pemberi maklumat berkait kesalahan integriti, salah guna kuasa atau penyelewengan," katanya.

Dalam pada itu, Penceramah Rasuah Busters, Mohd Zikrul Hakim Noor berkata, pihaknya mengajak orang ramai keluar daripada zon selesa dan membiasakan diri melakukan perkara betul selain perlunya menerapkan nilai al-Quran dalam kehidupan.

"Ramai orang membuat pengasingan dalam konteks bekerja, pemikiran dan tindakan berbeza dengan kehidupan sebenar.

"Sedangkan jika dihayati dan fahami, nilai integriti, jujur, amanah, ikhlas serta tanggungjawab sebenarnya terpakai di segenap lapisan kehidupan kita.

"Jadi amat pentingnya untuk 'memperbetulkan perkara biasa, biasakan perkara betul' dan berpandukan al-Quran, barulah kita tidak tersadung serta kekal di landasan yang tepat," katanya.

**SINAR HARIAN**

**12.08.2024 (ISNIN)**

# SPRM tahan pengarah, timbalan pengarah agensi kerajaan negeri

**MELAKA** - Empat individu termasuk pengarah dan timbalan pengarah agensi kerajaan direman selepas dipercayai berkomplot menerima suapan bernilai kira-kira RM176,000 di Mahkamah Majistret Melaka di sini pada Ahad.

Menurut sumber, penahanan semua suspek berusia antara 34 hingga 60 tahun bagi membantu siasatan berhubung kelulusan tuntutan kerja dengan butiran palsu.

Majistret Rafidah Che Aziz membenarkan tiga suspek lelaki direman selama tiga hari bermula Ahad manakala seorang suspek wanita berusia 34 tahun direman selama sehari.

Sementara itu, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi, mengesahkan perkara itu dan semua individu terbabit disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Difahamkan, semua suspek ditahan ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka, kira-kira jam 5 petang pada Sabtu.



Tiga suspek lelaki dibawa ke Mahkamah Majistret di Ayer Keroh, pada Ahad.

**SINAR HARIAN**

**12.08.2024 (ISNIN)**

# Tiga pegawai penguat kuasa direman 5 hari

**KOTA KINABALU** - Tiga penguat kuasa sebuah jabatan kerajaan ditahan reman lima hari bagi membantu siasatan berkaitan kes menerima suapan berjumlah RM120,000 di Mahkamah Majistret Kota Kinabalu di sini pada Ahad.

Majistret Aslianlydia Asneh membenarkan permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah terhadap tiga lelaki berusia antara 30 hingga 40 tahun sehingga 16 Ogos ini.

Menurut sumber, semua suspek ditahan dalam satu operasi di pekan Keningau antara jam 4 petang hingga 11 malam pada Sabtu.

Katanya, suspek yang juga pegawai penguat kuasa disyaki menerima rasuah kira-kira RM120,000 bagi melindungi aktiviti penyeludupan rokok dan melepaskan barang seludup.

"Tangkapan terbaharu melibatkan dua lagi pegawai penguat kuasa susulan tangkapan pertama berkaitan kes sama termasuk melepaskan lori dan barang seludup ditahan," katanya.

Sementara itu, Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy ketika dihubungi, mengesahkan tangkapan itu.




Tiga pegawai penguat kuasa dibawa ke Mahkamah Majistret Kota Kinabalu untuk perintah reman.

**BANDARAYA JOHOR BAHRU**

## HARIAN METRO

**13.08.2024 (SELASA)**

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

# Beri kenyataan bercanggah kepada SPRM

### *Pesara bomba tidak mengaku bersalah atas tiga pertuduhan diingatkan tidak ganggu saksi*

**Kuala Terengganu**

Seorang pesara bomba mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan memberi kenyataan tidak selari dan bercanggah kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tertuduh, Abdul Hamid S Abdullah, 64, membuat pengakuan itu selepas tiga pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memberikan penyataan tidak selaras dengan penyataan yang diberikan sebelum ini kepada pihak SPRM.

Ia membabitkan keterangan tertuduh berkaitan pengetahuannya mengenai milikan tiga syarikat yang membekalkan alat ganti *walkie talkie*, jaket keselamatan, sut dan kompas yang bercanggah ketika memberi kenyataan di pejabat SPRM Terengganu pada 27 September 2018.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh di pejabat SPRM cawangan Segamat di Johor pada 7 September 2021.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 27(1)(b) Akta SPRM 2009 berdepan hukuman denda sehingga RM100,000 atau dipenjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian menetapkan 10 Oktober depan sebagai tarikh sebutan semula kes untuk pengurusan kes dan lantikan peguam.

Tertuduh turut dibenarkan diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin.

Mahkamah turut mengenakan syarat tambahan kepada tertuduh iaitu dilarang mengganggu saksi-saksi pendakwaan dan menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Selain itu, tertuduh diarah melapor diri ke pejabat SPRM terdekat sebelum 7 hari bulan setiap bulan sehingga kes selesai.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Ahmad Feisal Mohd Azmi dan Pegawai Pendakwa, Abd Muntaqim Abdul Aziz manakala tertuduh tidak diwakili peguam.




ABDUL Hamid (kiri) dibenarkan diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin serta turut dikenakan syarat tambahan. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

**SINAR HARIAN**

**13.08.2024 (SELASA)**

# Rasuah rugikan segenap lapisan masyarakat

## RM277 bilion lesap akibat rasuah sepatutnya diguna untuk manfaat rakyat

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Amalan rasuah yang membarah dalam pelbagai peringkat dan sektor di negara ini tidak akan memberi keuntungan kepada mana-mana pihak.

Sebaliknya, tegas Penasihat Projek Rasuah Busters, Datuk Muhammad Nasir Hamzah, ia menyebabkan kerugian kepada segenap lapisan masyarakat.

"Kita rugi kerana kerugian yang direkodkan sebanyak RM277 bilion itu sepatutnya boleh digunakan untuk membangunkan hospital dan sekolah di mana manfaatnya dinikmati oleh rakyat," katanya ketika berucap di Majlis Ikrar Integriti Persatuan Kontraktor Perkhidmatan Pencucian Malaysia (MACC) di sini, pada Isnin.

Sebanyak 86 syarikat kontraktor memberi komitmen melafazkan ikrar integriti pada majlis itu yang disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Mohd Sayuthi Bakar.

Turut hadir Penguasa Kanan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Rostam Maidin dan Presiden MACC, Noruddin Idris.



Dari kiri: Noruddin, Mohd Sayuthi, Rostam Maidin dan Muhammad Nasir pada Majlis Ikrar Integriri MACC di Putrajaya, pada Isnin.

RASUAH BUSTERS

Sementara itu, Muhammad Nasir berkata, usaha membanteras gejala rasuah memerlukan komitmen semua pihak termasuk pendedahan di peringkat awal usia.

"Jika semua pihak berusaha untuk menolak rasuah dan salah guna kuasa, Malaysia boleh berdiri sebaris dengan Singapura dan Hong Kong.

"Disebabkan perilaku rasuah ini, yang rugi adalah kita semua kerana terpaksa menanggung kos serta cukai yang tinggi," jelasnya.

Dalam sidang akhbar, Noruddin berkata, ikrar integriti pada majlis itu akan mengikat syarikat kontraktor perkhidmatan pencucian ke arah menjamin tahap perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.

Menurut beliau, ia sekali gus sebagai isyarat kepada industri perkhidmatan pencucian bahawa ahli mereka mempunyai etika dan integriti yang tinggi.

SINAR HARIAN
13.08.2024 (SELASA)

# Amalan kerja ikut prosedur elak salah laku integriti - Masnoniwati

**KOTA BHARU** - Mempraktikan amalan kerja mengikut prosedur yang betul dalam apa-apa jua situasi akan dapat menggelakkan seseorang individu daripada terjebak dengan salah laku integriti.

Pengurus Modal Insan dan Pentadbiran Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Masnoniwati Mohamed Din berkata, dalam sesebuah organisasi bukan sahaja memerlukan hasil pengeluaran atau *output* yang baik bahkan proses untuk mendapatkan hasil itu juga perlu dititikberatkan dan dilakukan dengan betul.

"Dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan, walaupun perlu cepat atau ditekan pihak atasan dan bos, kerja perlu dilakukan dengan teliti serta prosesnya wajib mengikut prosedur yang ditetapkan.

"Jika salah satu proses atau prosedur dilangkau, maka peluang untuk melanggar integriti boleh berlaku, itu yang kita tidak mahu kerana kita bukan sahaja mahukan hasil yang baik tetapi hasil kerja juga melalui proses yang betul," katanya ketika ditemui di Program Hab Integriti PMBK bersama Rasuah Busters di Tunjong dekat sini, pada Ahad.

Menurut beliau, program dan bengkel kesedaran seumpama itu juga perlu dilakukan secara berkala bagi memberi peringatan dari semasa ke semasa kepada pekerja supaya membudayakan integriti cemerlang dalam pekerjaan.



Kakitangan PMBK yang menyertai Program PMBK Integriti Hub bersama Rasuah Busters di Tunjong di Kota Bharu, Kelantan, pada Ahad.

Katanya, budaya berintegriti tinggi dalam setiap pekerja akan memberikan impak lebih besar dan imej yang baik kepada organisasi tempat kerja.

"Penting untuk mengingatkan diri masing-masing bahawa setiap tindak-tanduk dalam bekerja, kita membawa bersama nama, imej bos dan organisasi tempat kita bekerja.

"Seperti saya sendiri berkhidmat di PMBK, membawa nama baik Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Nassuruddin Daud yang juga pengerusi PMBK dan pihak atasan yang lain selain amanah daripada rakyat Kelantan," tegasnya.

Tambah beliau, setiap pekerjaan pasti ada cabaran dalam tanggungjawab untuk seseorang pekerja itu berlaku jujur dan amanah, lebih-lebih bagi mereka yang berada di peringkat pengurusan organisasi.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Norhayati Nordin berkata, Program Hab Integriti PMBK bersama Rasuah Busters pertama kali diadakan dan satu inisiatif luar biasa digerakkan oleh PMBK sebagai pemegang taruh kerajaan negeri serta amanah rakyat di negeri Kelantan dalam usaha membawa perubahan dari aspek integriti di negara ini.

"PMBK membawakan penyertaan ketua-ketua jabatan mereka dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Wan Mohd Husni Wan Osman sendiri menyertai bengkel ini dari awal hingga akhir.

"Ini menunjukkan komitmen luar biasa mereka atas kesedaran untuk membawa perubahan besar ke arah Malaysia tanpa rasuah," ujarnya.

HARIAN METRO

14.08.2024 (RABU)

# SPRM janji ambil tindakan isu di Cameron Highlands

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjanji memberi perhatian sewajarnya terhadap maklumat disalurkan masyarakat dalam usaha membanteras kegiatan pendatang asing yang 'menjajah' Cameron Highlands.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, berkata pada 30 Julai lalu, sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Yang ke-65, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Shah bertitah di Pahang sudah mula 'dijajah' pendatang asing secara terang-terangan.

Beliau mengambil contoh tanah di Cameron Highlands, Al-Sultan Abdullah bertitah tanah di kawasan itu yang dipajak dan disewa kepada petani, kini disewakan kepada warga asing kerana mengikut nafsu dan pentingkan wang ringgit, sehingga menggadai integriti.

"Al-Sultan Abdullah turut mengingatkan supaya mereka yang dipertanggungjawabkan mengalas amanah ini, melaksanakannya dengan penuh integriti dan tidak sesekali gelap mata apabila ditawarkan dengan imbuhan wang ringgit.

"Sehubungan itu, SPRM mengambil maklum dan menjunjung titah Sultan Pahang dan SPRM akan mengambil perhatian sewajarnya berhubung perkara ini serta berharap masyarakat menyalurkan maklumat berkaitan salah laku dan salah guna kuasa bagi membanteras kegiatan ini," katanya.

Sultan Pahang gusar tanah 'dijajah'



*Keratan akhbar BH 31 Julai lalu.*

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pembukaan Cawangan Baharu SPRM Cameron Highlands, di Tanah Rata, Pahang semalam.

Khusairi berkata, SPRM juga berharap penjawat awam, terutama pihak berkuasa tempatan di Cameron Highlands membantu SPRM dalam memerangi kegiatan menjajah tanah oleh warga asing di daerah Cameron Highlands.

"Berdasarkan statistik SPRM Pahang dari 2020 sehingga kini, SPRM Pahang menerima 1,741 maklumat, dengan 440 kertas penyiasatan awal dibuka, 384 kertas siasatan dibuka, 282 tangkapan dibuat dan 104 kes pertuduhan dengan 56 sabitan.

"Berdasarkan statistik sama, di daerah Cameron Highlands, SPRM menerima 68 maklumat, di mana sebanyak 13 kertas penyiasatan awal dibuka, tujuh kertas siasatan dibuka, sembilan tangkapan dibuat dan tiga kes pertuduhan dengan satu sabitan," katanya.




*Ahmad Khusairi merasmikan pembukaan cawangan baharu SPRM Cameron Highlands, di Tanah Rata, semalam.* (Foto ihsan SPRM)

Beliau berkata, pembukaan SPRM Cawangan Cameron Highlands ini adalah untuk memperkukuhkan fungsi operasi dan pencegahan dalam usaha membanteras rasuah secara holistik.

"Pengurusan tertinggi SPRM mengambil tindakan efektif dalam meluluskan penubuhan cawangan ini.

"Diharap penduduk Cameron Highlands mengambil peluang kewujudan pejabat ini dan dimanfaatkan bersama-sama dalam usaha kita membanteras rasuah supaya imej negara bersih dari gejala rasuah," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**14.08.2024 (RABU)**

BAYARAN BAP 2019

# Guru besar nafi guna dokumen palsu

**Shah Alam:** Guru besar sekolah rendah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu berhubung bayaran Bantuan Awal Persekolahan (BAP) pada 2019.

Azatulakmal Abd Razak, 54, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Wanita itu didakwa secara tidak jujur menggunakan Borang Akuan Penerimaan atau Penolakan Pembayaran BAP 2019 dengan mempunyai sebab untuk mempercayai dokumen itu adalah palsu.

Kesalahan berkenaan dilakukan di Sekolah Kebangsaan Petaling Jaya.

Pertuduhan dibacakan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 Kanun sama membawa hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Pegawai Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Alimi Mustapha menawarkan jaminan RM10,000 dan perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah selain melaporkan diri ke pejabat SPRM berhampiran.

Azatul yang tidak diwakili peguam memohon supaya mahkamah menetapkan jaminan yang rendah kerana dia telah diisytihar bankrap oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, selain menjaga ibu dan adik yang mempunyai masalah mental dan anak-anak yang perlu ditanggung.

Hakim Datuk Anita Harun kemudiannya menetapkan wang jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah, selain perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM di Shah Alam setiap awal bulan.

***Sebutan semula kes ditetapkan pada 17 September hadapan.***

**HARIAN METRO**

**14.08.2024 (RABU)**

# Gagal lapor pemberian rasuah lebih RM33k

**Johor Bahru:** Seorang guru mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam terhadap empat pertuduhan gagal melaporkan pemberian rasuah berjumlah RM33,870.10 kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tertuduh, Abdul Aziz Hussin, 54, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan, Abdul Aziz yang bertugas di sebuah sekolah di Batu Pahat didakwa diberi suatu suapan daripada dua individu berbeza termasuk seorang pemilik syarikat dengan nilai keseluruhan RM33,870.10 yang mana tertuduh gagal melaporkan pemberian itu kepada SPRM.

Kesemua pertuduhan didakwa dilakukan di sebuah bank di Kota Tinggi pada 9 November 2022 dan 17 Januari 2023.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009 (Akta 694) dan boleh dijatuhkan hukuman di bawah Seksyen 25(2) akta sama, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Alice Voon Mei Ling,



ABDUL Aziz (tengah) dihadapkan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru.

manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Razak Sharif.

Pihak pendakwaan tidak menawarkan sebarang jaminan, namun mencadangkan jumlah RM30,000 untuk kesemua pertuduhan sekiranya mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin.

Bagaimanapun, Mohd Razak memohon ikat jamin dikurangkan kerana tertuduh mempunyai lapan anak dengan enam daripadanya belajar di universiti, sekolah menengah dan sekolah rendah, selain menanggung nafkah ibu bapanya yang uzur.

Mahkamah kemudian mengarahkan tertuduh diikat jamin RM20,000 untuk semua pertuduhan dengan seorang penjamin, pasport diserahkan kepada mahkamah dan lapor diri sebulan sekali di Pejabat SPRM Batu Pahat.

***Sebutan semula ditetapkan pada 8 September depan untuk serahan dokumen.***

SINAR HARIAN
14.08.2024 (RABU)

# Unit Integriti bina kepercayaan rakyat



PERSPEKTIF

KAMARUDDIN M RIPIN

Integriti merupakan aspek utama dalam tadbir urus yang baik dan amat penting dalam memastikan ketelusan, akauntabiliti serta kebolehpercayaan dalam sektor awam.

Apatah lagi perkara tersebut melibatkan Kementerian Kewangan (MoF) yang mana antara misinya ialah untuk mengurus kewangan awam dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi mencapai matlamat pembangunan negara.

Di kementerian berkenaan yang antara fungsinya ialah menggubal dan menyediakan prosedur, prinsip dan tatacara sistem pengurusan kewangan serta perakaunan untuk dipatuhi oleh semua kementerian, sudah pasti soal integriti merupakan keutamaan dalam kalangan warganya.

Namun secara menyeluruh, kerajaan sebenarnya telah pun mengiktiraf kepentingan menegakkan integriti dalam perkhidmatan awam dengan mewujudkan Unit Integriti (UI) sebagai pusat kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

Sebagaimana yang dinyatakan menerusi Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Versi1.0 (2022) (sebelum ini PP Bilangan 6 Tahun 2013), unit ini diwujudkan bertujuan bagi memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme.

Secara tidak langsung, inisiatif ini juga dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam.

Dengan menguatkuasakan piawaian khusus, UI di sektor awam mampu memastikan penjawat awam bertindak secara profesional dan bertanggungjawab, menjunjung nilai kejujuran, ketelusan dan akauntabiliti.

Tambahan pula, UI di sektor awam memainkan peranan proaktif dalam mempromosikan integriti dan etika melalui program latihan, bengkel dan kempen kesedaran.

Dengan mendidik penjawat awam tentang kepentingan menegakkan integriti dalam tugas mereka, ia sekali gus mampu membantu memupuk budaya kejujuran dan ketelusan dalam sektor awam.

Berdasarkan pengalaman yang dilalui di MoF, UI juga merupakan tempat rujukan penjawat awam dalam kementerian, jabatan dan agensi berhubung isu integriti dan tatakelola.

Bukan itu saja, dalam kebanyakan hal pula, UI akan menjadi pemudah cara apabila berbangkit isu-isu berkaitan dalam agensi terlibat selain menjadi jambatan penghubung terus kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dengan kewujudan UI ini juga, ia akan dirasai sebagai unit 'pengawal' oleh penjawat awam sekali gus menimbulkan rasa gerun untuk melanggar sebarang kesalahan jenayah mahu pun tatakelola.

Dari segi penyelarasan dan pelaporan unit berkenaan, Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM berperanan menyelaras pelaksanaan fungsi unit ini. Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi.

Dalam pada itu, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan integriti ini, Ketua Unit Integriti perlu mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada Ketua Setiausaha Kementerian atau Ketua Jabatan dan BPIA, SPRM secara berkala.

Selain itu, penubuhan UI di Malaysia menggambarkan betapa tingginya komitmen kerajaan untuk menggalakkan tatakelola yang baik dan memerangi rasuah.

Dengan menggerakkan semua penjawat awam agar bertanggungjawab atas tindakan mereka dan menggalakkan tingkah laku beretika, secara tidak langsung ia membantu membina kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan dan institusinya.

Kesimpulannya, UI memainkan peranan penting dalam memastikan integriti sektor awam di Malaysia.

Sehubungan itu, adalah penting bagi kerajaan untuk terus menyokong dan memperkukuh UI untuk menegakkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam sektor awam ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

** Kamaruddin M Ripin ialah Ketua Unit Integriti, Perbendaharaan Malaysia.*

**SINAR HARIAN**

**14.08.2024 (RABU)**

# Ketua keluarga contoh terbaik bentuk nilai integriti

**KOTA BHARU** - Ketua keluarga perlu menjadi contoh terbaik untuk membentuk nilai integriti dalam setiap individu di peringkat awal usia seterusnya dapat melahirkan pekerja berprestasi cemerlang dalam sesebuah organisasi.

Penolong Pengurus Pemantauan Pretasi Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Nor Hannan Mohamad berkata, didikan awal dari rumah yang ditonjolkan oleh ketua keluarga atau bapa akan menjadi ikutan sekali gus dapat menghasilkan impak yang positif dalam masyarakat.

Kata beliau, disiplin baik diterapkan ke dalam diri anak-anak harus bermula melalui hal-hal kecil yang akan mendidik mereka untuk mengingati dan mengamalkannnya apabila meningkat remaja di sekolah serta seterusnya ke bidang pekerjaan.

"Bapa di rumah wajar mempamerkan teladan mumi di hadapan anak-anak.

"Didik mereka dengan nilai integriti bermula dengan sekecil-kecil perkara misalnya cara membuang sampah kulit gula-gula, simpan dalam poket, jumpa tong sampah baru buang berbanding cara salah melempar ke luar dari tingkap kereta," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau sebelum itu menyertai Program Hab Integriti PMBK bersama Rasuah Busters di Tunjong di sini pada Ahad.



**Program Hab Integriti PMBK bersama Rasuah Busters di Kota Bharu pada Ahad.**

Program tersebut turut dihadiri Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Wan Mohd Husni Wan Osman dan 65 kakitangan pengurusan syarikat berkaitan kerajaan berkenaan.

Nor Hannan berkata, rentetan daripada amalan baik yang kecil itu akan mampu menghasilkan pekerja berprestasi tinggi tanpa salah laku integriti.

# SPRM reman tiga pegawai: CEO Encorp digantung tugas

**SHAH ALAM** - Encorp Bhd menggantung tugas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kumpulan, Hazurin Harun berkuat kuasa serta-merta bagi memudahkan siasatan dalaman berkaitan dakwaan membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, pemaju hartanah itu berkata, Hazurin telah digantung tugas berkuat kuasa Isnin sehingga pengumuman lanjut oleh lembaga.

Encorp menyatakan bahawa syarikat itu akan meneruskan operasi perniagaannya seperti biasa dalam tempoh penggantungan.

"Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Kamarul Azman Kamarozaman@Amir akan dilantik sebagai pegawai bertanggungjawab dan memikul tugas dan fungsi CEO kumpulan buat sementara waktu," kata kenyataan itu.

Merujuk kepada kenyataan dikeluarkan SPRM berhubung reman tiga pegawainya pada 8 Ogos, Encorp memaklumkan mereka komited terhadap ketelusan sepanjang proses siasatan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

## SINAR HARIAN

**14.08.2024 (RABU)**

# Guru hadapi empat pertuduhan rasuah lebih RM33,000



Abdul Aziz (kanan) ketika tiba di Mahkamah Sesyen Johor Bahru pada Selasa.

**JOHOR BAHRU** - Seorang guru mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas empat pertuduhan gagal melaporkan pemberian rasuah berjumlah RM33,870.10 kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Abdul Aziz Husin, 54, didakwa telah diberi suapan wang daripada seorang lelaki berusia 56 tahun dan seorang wanita berumur 51 tahun menerusi empat transaksi antara RM1,300 hingga RM17,070.10 dan gagal melaporkan kesemua pemberian tersebut kepada pihak SPRM, yang melanggar peruntukan Seksyen 25(1) Akta SPRM 2009.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah bank di Kota Tinggi pada 9 November 2022 dan 17 Januari tahun lepas mengikut Seksyen 25(2) akta sama yang membawa hukuman denda tidak lebih RM100,000 atau penjara sehingga 10 tahun atau keduaduanya, jika sabit kesalahan.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 bagi kesemua pertuduhan dengan seorang penjamin, berserta syarat tambahan melaporkan diri ke pejabat SPRM Batu Pahat sebulan sekali dan pasport diserahkan kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 8 September untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Alice Voon Mei Ling manakala Abdul Aziz diwakili peguam, Mohd Razak Sharif.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**SINAR HARIAN**

**14.08.2024 (RABU)**

# Guru besar mengaku tidak salah guna dokumen palsu

**SHAH ALAM** - Seorang guru besar sekolah rendah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menggunakan dokumen palsu berhubung Bayaran Bantuan Awal Persekolahan (BAP) pada tahun 2019.

Azatulakmal Abd Razak, 54, membuat pengakuan berkenaan selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya.

Wanita itu didakwa secara tidak jujur telah menggunakan Borang Akuan Penerimaan atau Penolakan Pembayaran BAP 2019 dengan mempunyai sebab untuk mempercayai dokumen tersebut adalah palsu.

Kesalahan berkenaan dilakukan di Sekolah Kebangsaan Petaling Jaya.

Pertuduhan dibacakan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 kanun sama membawa hukuman penjara maksimum dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Pegawai Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Alimi Mustapha menawarkan jaminan RM10,000 dan perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah selain melaporkan diri ke pejabat SPRM berhampiran.

Azatulakmal yang tidak diwakili peguam memohon supaya mahkamah menetapkan jaminan yang rendah kerana dia telah diisytihar bankrap oleh Jabatan Insolvensi Malaysia, selain menjaga ibu dan adik yang mempunyai masalah mental dan anak-anak yang perlu ditanggung.

Hakim Datuk Anita Harun kemudiannya menetapkan wang jaminan RM5,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah, selain perlu melaporkan diri di Pejabat SPRM di Shah Alam setiap awal bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 17 September depan. - *Bernama*

**BERITA HARIAN**

**15.08.2024 (KHAMIS)**

# Keterangan 50 lagi saksi diperlukan bagi siasatan

## SPRM buka 11 kertas siasatan babit kes rasuah bina dua lebuh raya lebih RM1.6b

Oleh Muhammad Hafis Nawawi
mhafis@bh.com.my




*Azam (lima dari kanan) pada program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan, di Kuala Lumpur, semalam.*

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) perlu mengambil kenyataan kira-kira 50 saksi lagi dalam siasatan terhadap pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuh raya yang sebelum ini ditahan kerana disyaki meminta dan menerima rasuah pembinaan dua projek lebuh raya di Lembah Klang bernilai lebih RM1.6 bilion.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini 11 individu sudah ditahan, termasuk ketua pegawai eksekutif (CEO) syarikat terbabit dengan 11 kertas siasatan sudah dibuka.

"Tadi (semalam) saya mendapat makluman daripada pegawai siasatan, kertas siasatan sedang giat disiapkan yang mana setiap satu siasatan memerlukan tambahan lima ke enam orang saksi lagi.

"Jadi kalau 11 kertas siasatan maksimum dalam 50 saksi perlu dipanggil memberi keterangan," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan, di sini, semalam.

Yang hadir sama, Akauntan Negara, Nor Yati Ahmad; Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM), Prof Datuk Dr Shahrin Sahib@Sahibuddin; Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan), Patimah Ramuji; Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MIA), Dr Wan Ahmad Rudirman Wan Razak; Presiden Institut Setiausaha dan Pentadbir Bertauliah Malaysia (MAICSA), Datuk Akbar Moidunny; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Rezy Izwan Ramly dan Pengarah Jabatan Khas Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Akmal Johari Ismail.

Azam berkata, banyak keterangan perlu dirakamkan daripada kontraktor dan sebagainya.

### CEO antara direman

Awal Julai lalu, media melaporkan, lapan individu termasuk seorang CEO dan dua pengurusan tertinggi syarikat konsesi lebuh raya direman SPRM kerana disyaki meminta serta menerima rasuah bernilai lebih RM1.6 bilion membabitkan pembinaan dua projek lebuh raya di Lembah Klang.

CEO bergelar Datuk bersama dua pengurusan tertinggi syarikat konsesi itu dan lima lagi individu yang juga pemilik sebuah syarikat direman.

Mereka ditahan menerusi Ops Lintas antara jam 8 hingga 11 malam ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM dan kini dibebaskan dengan jaminan SPRM selepas tempoh reman masing-masing berakhir, sementara kertas siasatan disiapkan SPRM.

SINAR HARIAN
15.08.2024 (KHAMIS)

# Pegawai kanan polis didakwa terima rasuah

**KANGAR** - Seorang pegawai kanan polis berpangkat Asisten Superintenden mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas dua pertuduhan menerima rasuah RM12,000 pada 2019.

Tertuduh K. Poobalan, 45, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norsalha Hamzah.

Mengikut pertuduhan pertama, Poobalan didakwa sebagai seorang penjawat awam iaitu Pegawai Penyiasat Kanan Jenayah yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Pulau Pinang menerima untuk dirinya wang berjumlah RM6,000 daripada seorang lelaki melalui akaun Maybank milik tertuduh.

Poobalan didakwa mengetahui abang kepada lelaki terbabit mempunyai hubungan dengan kerja-kerja rasmi yang melibatkan penyiasatan satu kes jenayah dan dia dituduh berbuat demikian di Maybank Cawangan Padang Besar pada 24 April 2019.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa menerima wang berjumlah RM6,000 daripada individu sama melalui akaun Maybank tertuduh di lokasi sama pada 15 Mei 2019.

Poobalan dituduh mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga dua tahun atau dengan denda atau kedua-duanya sekali.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dan menetapkan 4 Oktober depan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen berkaitan. - *Bernama*

SINAR HARIAN
15.08.2024 (KHAMIS)

Sinar Harian - 15/8/24 - Khamis

# Dokumen palsu: Pembantu tadbir tidak mengaku salah

**SEREMBAN** - Seorang pembantu tadbir dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Rabu, atas dua pertuduhan mengemukakan dokumen palsu bernilai RM22,058.60 pada tahun 2022 dan tahun lalu.

Tertuduh, Foziana Isa, 41, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim, Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut dua pertuduhan, tertuduh sebagai seorang ejen kerajaan Malaysia iaitu pembantu tadbir, dengan niat hendak memperdayakan prinsipalnya iaitu satu dokumen baucar bayaran bagi pembekalan barang keperluan pejabat berjumlah RM4,757.10 dan RM17,301.50 kepada Kolej Vokasional Dato Undang Haji Muhammad Sharip.

Tertuduh mempunyai sebab mempercayai dokumen tersebut mengandungi butir matan palsu seperti mana dalam lampiran Nota Minta dan Pesanan Sekolah (Lampiran) sebuah syarikat kepada kolej vokasional berkenaan yang mana sebenarnya pembekalan tersebut tidak ada dibuat.

Kesalahan itu dilakukan di kolej vokasional berkenaan pada 5 Disember 2022 dan 6 Januari 2023.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM6,000 dengan seorang penjamin dan mengarahkan tertuduh melaporkan diri di pejabat SPRM Seremban pada Sabtu pertama setiap bulan sehingga kes berkenaan selesai.

Sebutan semula kes tersebut ditetapkan pada 13 September depan.



Foziana (kiri) diiring pegawai SPRM ketika hadir ke mahkamah.

HARIAN METRO
15.08.2024 (KHAMIS)

LINDUNGI PREMIS PELACURAN, PERNIAGAAN GUNA LESEN 'ALI BABA'

# Timbalan pengarah, lima penguat kuasa PBT didakwa hari ini

Kuala Lumpur: Seorang timbalan pengarah dan lima penguat kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) yang melindungi premis pelacuran dan perniagaan menggunakan lesen 'ali baba' akan didakwa di mahkamah, hari ini.

Menurut sumber, pegawai kanan berkenaan bersama seorang pegawai bawahannya akan didakwa di Mahkamah Shah Alam, Selangor atas tiga pertuduhan kerana meminta dan menerima wang rasuah daripada premis pelacuran di ibu negara.

Katanya, empat lagi penguat kuasa PBT yang sama pula akan didakwa di Mahkamah Kuala Lumpur masing-masing atas satu pertuduhan menerima rasuah bagi melindungi premis perniagaan yang beroperasi menggunakan lesen Ali Baba di ibu negara.

"Pegawai kanan PBT berkenaan akan didakwa atas tiga pertuduhan kerana meminta dan menerima rasuah berjumlah kira-kira RM130,000, manakala seorang pegawai bawahannya akan dituduh atas satu pertuduhan meminta wang rasuah daripada premis pelacuran.

"Sementara itu, empat penguat kuasa terbabit pula didakwa kerana menerima wang rasuah antara RM200 hingga RM800 daripada premis yang menggunakan lesen ali baba bagi melindungi mereka daripada dikenakan tindakan penguatkuasaan," katanya.

Pada awal Jun lalu, media melaporkan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kuala Lumpur, menahan tiga penjawat awam termasuk seorang Timbalan Pengarah dalam satu operasi khas kerana dipercayai menerima rasuah secara bulanan daripada premis urut dan pelacuran di ibu kota.



LAPORAN Harian Metro, 13 Julai lalu.

Sekitar Julai lalu, media turut melaporkan bahawa SPRM Kuala Lumpur menahan lapan penguat kuasa PBT kerana dipercayai menerima rasuah daripada premis-premis perniagaan yang beroperasi tanpa lesen yang sah serta menggunakan lesen Ali Baba.

Laporan muka depan Harian Metro bertajuk 'Hanyir Lubuk Dosa' pada Jun lalu membongkar semula lubuk pelacuran lama di ibu negara seperti yang tertua sekitar Pudu.

Harian Metro bermula 7 Jun lalu secara eksklusif turut mendedahkan di muka depan bertajuk 'Wang Ekspres' dan 'Ali Baba Kebal' yang disiarkan pada 16 Julai lalu mendedahkan warga asing mendominasi perniagaan di Lembah Klang dan berselindung di sebalik lesen warga tempatan.

**HARIAN METRO**
15.08.2024 (KHAMIS)

# ASP tak mengaku makan suap RM12k

**Kangar:** Seorang pegawai kanan polis berpangkat asisten superintendan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan menerima suapan RM12,000 sebagai dorongan berhubung siasatan kes jenayah dijalankannya pada 2019 lalu.

Tertuduh, K Poobalan, 46, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, Pulau Pinang membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Norsalha Hamzah.

Berdasarkan pertuduhan, Poobalan yang bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Kanan Jenayah di IPD Timur Laut didapati menerima wang RM6,000 melalui akaun bank daripada adik seorang individu yang disiasat berhubung satu kes dilaporkan di Balai Polis Datuk Keramat, Pulau Pinang.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di cawangan sebuah bank di Padang Besar pada 24 April 2019.

Bagi pertuduhan kedua, tertuduh didapati menerima wang RM6,000 melalui akaun bank daripada adik individu sama yang disiasat berhubung satu kes dilaporkan di di Balai Polis Datuk Keramat, Pulau Pinang.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan terbabit di lokasi sama pada 15 Mei 2019.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan di mana sabit kesalahan boleh dikenakan penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Noor Azura Zulkiflee manakala tertuduh diwakili dua peguam yang enggan nama mereka didedahkan.

Noor Azura memohon mahkamah mempertimbangkan jaminan sebanyak RM10,000 bagi setiap pertuduhan memandangkan kesalahan tertuduh adalah serius.



FOZIANA didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam. - Gambar NSTP/AHMAD HASBI

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**15.08.2024 (KHAMIS)**

LULUS PINJAMAN GADAIAN RM33K GUNA DOKUMEN PALSU

# *Bekas penaksir emas didenda RM80,000*

**Kota Bharu:** Bekas penaksir emas didenda RM80,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam selepas mengaku bersalah lima pertuduhan pilihan menggunakannya dokumen palsu kelulusan pinjaman gadaian barang kemas berjumlah RM33,010 pada Mei dan Julai 2016.

Tertuduh, Natasya Mohd Zahid, 36, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Dazuki Ali.

Mengikut pertuduhan pilihan satu hingga kelima, tertuduh didakwa dengan curangnya menggunakan Baucar Bayaran Ar-Rahnu yang diketahui dokumen palsu untuk kelulusan pinjaman gadaian barang kemas bernilai antara RM4,000 hingga RM9,100 dengan jumlah keseluruhan RM33,010.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Kedai Ar-Rahnu X'Change Jalan Kebun Sultan di sini, antara 10.29 pagi hingga 1.49 tengah hari, antara 10 Mei 2016 hingga 25 Julai 2016.

Kesalahan itu didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau dengan kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mariah Omar, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Datuk Mohd Hakimi Ab Kadir.

Terdahulu, Mohd Hakimi memohon mahkamah memberi hukuman minimum kerana anak guamnya tidak sihat.

Bagaimanapun, Mariah memohon satu hukuman maksimum kerana kesalahan itu serius.

Mahkamah memutuskan tertuduh didenda RM80,000 untuk kelima-lima pertuduhan pilihan.

**HARIAN METRO**

**15.08.2024 (KHAMIS)**

# Banteras rasuah perlu kerjasama semua pihak

**Kuala Lumpur:** Usaha pembanterasan rasuah memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang bertanggungjawab bagi mengelak peruntukan kerajaan yang bertujuan menjamin kelestarian penyampaian perkhidmatan kepada rakyat diseleweng.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, SPRM sentiasa komited dalam menangani kesalahan rasuah dan salah guna kuasa melalui pengukuhan tatakelola serta tadbir urus di semua peringkat.

Menurutnya, justeru, usaha pembanterasan rasuah memerlukan kerjasama daripada semua pihak yang bertanggungjawab.

"Peranan auditor amat penting dalam merungkai kepincangan dalam akaun dan rekod kewangan yang dimanipulasi untuk menyembunyikan jenayah kewangan.

"Akauntan pula bertanggungjawab sebagai *gate keeper* kepada maklumat kewangan sesebuah organisasi, memantau aliran kewangan syarikat, menasihati pihak pengurusan mengenai operasi kewangan syarikat dan jika perlu melaporkan ketidakwajaran serta penyelewengan kepada pihak berkuasa," katanya ketika berucap merasmikan program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan di sini, semalam.

Hadir sama Akauntan Negara Nor Yati Ahmad, Naib Canselor UiTM Prof Datuk Dr Shahrin Sahib@Sahibuddin, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan) Patimah Ramuji, Ketua Pegawai Eksekutif MIA Dr Wan Ahmad Rudirman Wan Razak, Presiden MAICSA Datuk Akbar Moidunny, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Rezy Izwan Ramly dan Pengarah Jabatan Khas Lembaga Hasil Dalam Negeri LHDN) Datuk Akmal Johari Ismail.

Azam berkata, setiausaha syarikat perlu memastikan maklumat pemunya benefisial dimasukkan dan diserahkan kepada pendaftar selaras dengan *Guideline for the Reporting Framework for Beneficial Ownership of Legal Persons.*

"Amat menyedihkan apabila peruntukan kerajaan menjamin kelestarian penyampaian perkhidmatan kepada rakyat diseleweng pihak yang tidak bertanggungjawab," katanya.

"SPRM sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang dibentangkan di Parlimen dengan pembabitan di dalam Jawatankuasa Tindakan Laporan Ketua Audit Negara (JTLKAN) dan Mesyuarat Bersama Agensi Penguatkuasa dan Agensi Pusat Berhubung LKAN," katanya.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**15.08.2024 (KHAMIS)**

PELABURAN DAN TATEKOLA HRD CORP

# SPRM masih jalan siasatan

**Kuala Lumpur:** Siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRD Corp) masih berjalan dan memerlukan masa untuk meneliti semua aspek siasatan berkaitan pelaburan dan tatakelolanya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan masih dijalankan dan banyak lagi input yang perlu diperoleh daripada banyak pihak.

Menurutnya, semua isu yang dibangkitkan (Laporan Audit Ketua Negara), akan disiasat dan tidak ada yang ditinggalkan.

"Saya ingin ambil kesempatan untuk minta masa lagi, pegawai-pegawai saya beritahu mereka memerlukan masa lagi untuk siasat berkaitan pelaburan dan sebagainya.

"Siasatan kita bukan sahaja berkaitan jenayah rasuah atau salah guna kuasa tetapi kita juga melihat kepada sistem dan prosedur yang mana ia perlu dikaji betul-betul apabila dalam laporan Ketua Audit Negara menyentuh isu tatakelola," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan di sini, semalam.

Harian Metro sebelum ini melaporkan pegawai kanan pengurusan tertinggi HRD Corp hadir ke pejabat SPRM bagi dirakam percakapan.

Sebelum itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan sejumlah RM3.6 bilion hasil kutipan levi daripada majikan digunakan program latihan HRD Corp untuk melabur dalam pelbagai kegiatan pelaburan.

PAC juga mahu Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) membentangkan dapatan audit bebas terhadap HRD Corp kepada pihaknya September depan.

Malah, Ketua Audit Negara Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2/2024 dilaporkan berkata, Kesuma disyorkan merujuk pengurusan HRD Corp kepada agensi penguatkuasaan yang berkaitan susulan kegagalan syarikat kerajaan itu dalam audit yang dibuat.

**"Saya ingin ambil kesempatan untuk minta masa lagi, pegawai-pegawai saya beritahu mereka memerlukan masa lagi untuk siasat berkaitan pelaburan dan sebagainya"**

*Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki*

**BERITA HARIAN**
15.08.2024 (KHAMIS)

# Anak Tun M diberi tambahan sebulan isytihar aset

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberikan tambahan sebulan lagi kepada dua anak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu Mirzan dan adiknya, Tan Sri Mokhzani untuk mengisytiharkan aset masing-masing.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata kedua-duanya mempunyai tempoh sehingga pertengahan September bagi berbuat demikian.

"Kita sudah beri tempoh masa kepada kedua-dua mereka yang akan berakhir pada pertengahan September.

"Itu keputusan akhir, selepas mereka isytihar harta nanti, kami akan beri perkembangan kepada pihak media," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Inisiatif Pencegahan Rasuah Melalui Pemerkasaan Amalan Perakaunan dan Pengauditan, di sini, semalam.

Azam berkata, jika Mirzan dan Mokhzani gagal mematuhi masa diberikan, SPRM akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.



Mirzan



Mokhzani

Pada Mei lalu, SPRM bersetuju memberi lanjutan masa kepada Mirzan dan Mokhzani untuk mengisytiharkan aset masing-masing.

Mirzan dan Mokhzani diarahkan SPRM pada Januari lalu untuk mengisytiharkan aset mereka sejak 1981, tahun yang mana Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri.

Siasatan dijalankan mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

SPRM sudah memulakan siasatan sejak Ogos 2022 terhadap semua entiti berkait dan dinamakan dalam laporan Kertas Pandora serta Kertas Panama.

SPRM sedang mengkaji dokumen kewangan dan pemilikan aset entiti yang tersenarai dalam laporan itu dengan siasatan masih dijalankan.

Sementara itu, Azam berkata, pihaknya mengambil masa lebih lama untuk menyiasat Pembangunan Manusia Berhad (HRD Corp) kerana perlu meneliti semua aspek siasatan berkaitan pelaburan dan tatakelola.

Beliau berkata, siasatan masih dijalankan dan banyak lagi input perlu diperoleh daripada banyak pihak, malah semua isu dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, tidak terkecuali daripada siasatan.

"Pegawai saya beritahu mereka memerlukan masa lagi untuk siasat berkaitan pelaburan dan sebagainya.

"Siasatan kita bukan sahaja berkaitan jenayah rasuah atau salah guna kuasa, tetapi juga melihat kepada sistem dan prosedur yang mana ia perlu dikaji betul-betul apabila dalam laporan Ketua Audit Negara menyentuh isu tatakelola," katanya.

**BERITA HARIAN**

**16.08.2024 (JUMAAT)**



# Timbalan pengarah, 4 penguat kuasa DBKL didakwa rasuah

**Suspek dituduh minta, terima suapan lindungi pusat hiburan haram guna lesen 'Ali Baba'**

Oleh Suraya Ali

**Kuala Lumpur:** Seorang timbalan pengarah dan empat penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didakwa atas tuduhan meminta dan menerima rasuah bagi melindungi pusat hiburan tanpa lesen dan beroperasi menggunakan lesen 'Ali Baba'.

Seorang lagi, pegawai penguat kuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) didakwa menerima suapan wang tunai RM2,000 daripada seorang lelaki yang mempunyai hubung kait dengan kerja rasminya.

(Gambar kiri) Amran hadir di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, manakala Zahari, Muhammad Irwan dan Azrin Azali dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam.

**HARIAN METRO**

**16.08.2024 (JUMAAT)**

# Penempatan pegawai integriti SPRM berkesan bendung kes rasuah

**Kota Kinabalu:** Penempatan pegawai integriti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membabitkan kementerian di Sabah antara inisiatif berkesan membendung pelbagai kes rasuah.

Pengarah SPRM Sabah, Datuk S Karunanithy berkata, pihaknya ketika ini masih menempatkan pegawai integriti bertauliah di semua kementerian di Sabah.



"Memang masih ada pegawai-pegawai integriti ditempatkan di unit setiap kementerian.

"Inisiatif ini memang berkesan kerana banyak maklumat disalurkan kepada pegawai-pegawai integriti yang kita tempatkan ini.

"Contohnya operasi 'Op Fly pasport terbang' yang kita jalankan di Sabah baru-baru ini. Ia adalah kolaborasi membabitkan pegawai integriti yang ditempatkan di Jabatan Imigresen.

"Ia antara kejayaan pasukan SPRM Sabah menerusi Ops Fly pada 17 Julai lalu. Kita berjaya merungkai sekaligus menumpaskan sindiket pemalsuan pasport atau 'pasport terbang' menerusi penahanan tiga anggota penguatkuasa sebuah jabatan di negeri ini," katanya pada Program Bual Bicara dan Boling SPRM Bersama Media Sabah semalam.

Program Bual Bicara & Boling SPRM Bersama Media Sabah dihadiri lebih 30 pengamal media dari pelbagai organisasi media nasional dan tempatan.

Selain sesi dialog, acara disusuli dengan perlawanan boling persahabatan antara media dan pegawai SPRM Sabah.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**16.08.2024 (JUMAAT)**

# Pegawai penguat kuasa MPKj tidak mengaku terima suapan RM2k

**Shah Alam:** Seorang pegawai penguat kuasa Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima suapan RM2,000.

Tertuduh, Azirin Azali Ramli, 48, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa secara rasuah memperoleh suapan RM2,000 daripada seorang pemilik syarikat sebagai dorongan tidak menguatkuasakan sepenuhnya Seksyen 46(1)(a) dan (d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 atas kesalahan dilakukan syarikat berkenaan.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di dalam kereta di parkir hadapan sebuah premis perniagaan di Jalan Eco Majestic, Hulu Langat, Kajang, jam 4.26 petang pada 24 Mei lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohd Aliff Shaharuzaman, manakala tertuduh diwakili peguam Vasudevan Appu.

Vasudevan yang mewakili tertuduh memohon jaminan rendah kerana anak guamnya mempunyai pendapatan RM5,700 dan menanggung tiga anak walaupun bercerai, selain ibu uzur.



AZIRIN Azali didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam. - Gambar NSTP/ FAIZ ANUAR

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**16.08.2024 (JUMAAT)**

# Tiada toleransi rasuah di DBKL

**KUALA LUMPUR** - Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif tidak akan bertoleransi terhadap amalan rasuah di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Beliau berkata, tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas jika mengesan terdapat dalam kakitangan DBKL terlibat amalan itu.

Beliau telah mengarahkan semua pegawai eksekutif dan ketua jabatan membantu membuat pemantauan terhadap 9,000 kakitangan DBKL.

"Saya seorang tak boleh nak pantau semua kakitangan, jadi saya minta pegawai atasan untuk bantu selain bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai rakan DBKL," katanya pada sidang akhbar pada hari pertama memulakan tugas sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15.

Maimunah memahat sejarah wanita pertama dilantik memegang jawatan itu menggantikan Datuk Seri

**HARIAN METRO**

**16.08.2024 (JUMAAT)**

# Mejar Jeneral bersara didakwa terima RM300,000 bina rumah

FOTO: BERNAMA



Zainal (depan) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada Khamis.

**KUALA LUMPUR** - Seorang pesara tentera berpangkat Mejar Jeneral, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas dua pertuduhan menerima RM300,000 bagi pembayaran pembinaan kediaman antara 2021 hingga 2022.

Datuk Zainal Abdul Manaf, 61, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Suzana Hussin.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, dia didakwa, sebagai seorang penjawat awam, iaitu Asisten Ketua Staf Material, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) (ketika itu), telah menerima pembayaran pembinaan rumah bernilai RM300,000 tanpa balasan daripada seorang lelaki berusia 56 tahun, yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya.

Kedua-dua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah bank di Seksyen 5, Wangsa Maju di sini pada 22 Disember 2021 dan 15 Mac 2022.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Aznika Mohd Anas mencadangkan tertuduh diberi ikat jamin sebanyak RM100,000 bagi semua pertuduhan.

"Termasuk syarat tambahan iaitu melaporkan diri di pejabat SPRM Putrajaya sekali setiap bulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga selesai perbicaraan," katanya.

Bagaimanapun, peguam, Simret Singh yang mewakili Zainal, merayu kadar itu dikurangkan kerana tertuduh dan isterinya mempunyai penyakit darah tinggi yang memerlukan rawatan di pusat perubatan swasta selain menanggung perbelanjaan keluarga.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Suzana membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM35,000 dengan seorang penjamin bagi dua kes itu dan syarat tambahan yang dicadangkan pihak pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 26 September depan untuk sebutan semula kes.

**SINAR HARIAN**

**16.08.2024 (JUMAAT)**

# Rasuah: Timbalan Pengarah Penguatkuasa DBKL tidak mengaku salah

**SHAH ALAM** - Timbalan Pengarah Penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta pembantunya mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, atas pertuduhan meminta dan menerima rasuah bagi melindungi beberapa premis hiburan tanpa lesen.

Muhamad Irwan Abdullah, 44, dan Zahari Muhammad, 34, didakwa meminta RM200,000 dan menerima RM160,000 secara bulanan daripada seorang lelaki berusia 62 tahun sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan ke atas premis hiburan di bawah jagaan lelaki itu.

Muhamad Irwan juga mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menerima suapan RM130,000 untuk dirinya daripada individu sama bagi tujuan serupa.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah restoran di Puchong antara Februari dan 5 Jun lepas.

Hakim Datuk Anita Harun memerintahkan kedua-dua tertuduh diikat jamin RM15,000 dan menetapkan 30 September ini untuk sebutan semula kes.

Di mahkamah sama, Pegawai Penguatkuasa Majlis Perbandaran Kajang, Azirin Azali Ramli, 48, minta dibicarakan bagi pertuduhan memperoleh suapan wang tunai RM2,000 daripada seorang individu sebagai dorongan untuk tidak menguatkuasakan sepenuhnya Seksyen 46(1)(a) & (d) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 yang telah dilanggar oleh syarikat milik lelaki itu.

Anita membenarkan Azirin Azali diikat jamin RM10,000 dan mengarahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah selain menetapkan 2 Oktober depan untuk sebutan semula kes.- *Bernama*

Sinar Harian - 16/8/2024 - Jumaat

**SINAR HARIAN**

**16.08.2024 (JUMAAT)**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# SPRM mulakan siasatan kilang e-waste di Segamat

## Giat kumpul bukti sebelum tindakan seterusnya dilakukan

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI
SHAH ALAM



> "Setakat ini siasatan sedang dijalankan, namun ia masih di peringkat awal."
>
> - Datuk Azmi Alias

Siasatan sedang dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu pengoperasian beberapa kilang memproses sampah elektronik (*e-waste*) di Segamat, Johor.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias berkata, pihaknya ada menerima aduan mengenai isu itu.

"Setakat ini siasatan sedang dijalankan, namun ia masih di peringkat awal.

"Pihak kami sedang giat mengumpul bukti perkara berkaitan sebelum tindakan seterusnya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Azmi, SPRM akan meneliti pelbagai sudut sama ada pencemaran dan sebagainya.

Sabtu lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, pihaknya akan meneliti isu terbabit sekiranya ada unsur rasuah atau salah guna kuasa oleh pihak berkaitan.

Azam berkata, SRPM tidak teragak-agak menjalankan siasatan selain pihaknya juga pernah mengambil tindakan sedemikian sebelum ini di beberapa tempat lain.

Pada 6 Ogos lalu, *Sinar Harian* menerusi laporan eksklusif melaporkan aktiviti kilang haram di Segamat, Johor yang dipercayai menjalankan operasi melerai, memproses dan melebur sampah *e-waste* diseludup tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan.

Kilang kitar semula barang terpakai itu disyaki beroperasi tanpa permit atau lesen sah daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi menguruskan keseluruhan proses barangan *e-waste*.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dalam kenyataan kepada *Sinar Harian* juga menegaskan Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah ditugaskan untuk menyiasat lebih lanjut kilang-kilang *e-waste* di seluruh negara.




Laporan khas *Sinar Harian* pada 6 Ogos lalu.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**17.08.2024 (SABTU)**

KES RASUAH GUAN ENG

# SAKSI UTAMA NAFI SOROK PENGAWAL PERIBADI

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli menafikan dakwaan beliau cuba 'menyembunyikan' pengawal peribadinya daripada perbicaraan kes rasuah terowong dasar laut yang dihadapi bekas Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng.

Pengawal peribadi Zarul Ahmad hanya dikenali sebagai Din, didakwa peguam Guan Eng (pihak pembelaan) sebagai individu mempunyai peranan penting dalam kronologi pemberian wang berjumlah RM2 juta kepada Ahli Parlimen Bagan itu.

Zarul Ahmad yang juga saksi utama dalam perbicaraan kes berkenaan, bersetuju dengan cadangan peguam Haijan Omar bahawa jika Din dipanggil memberikan keterangan di mahkamah, lelaki itu boleh menjawab persoalan mengenai pemberian wang terbabit.

Haijan mencadangkan bahawa Zarul Ahmad sengaja 'menggelapkan' nama pengawal peribadinya yang didakwa membawa dua beg masing-masing bernilai RM1 juta yang kemudian diletakkan ke dalam bonet kereta milik saksi terbabit pada Ogos 2017.

Zarul Ahmad sebaliknya berkata, beliau langsung tidak menyebut dan menimbulkan mengenai Din kerana lelaki itu sudah pulang ke Indonesia dan beliau tiada sebarang sebab untuk 'menyorokkan' perkara berkenaan.

Zarul Ahmad berkata demikian pada prosiding oleh pembelaan untuk mencabar kredibilitinya yang didakwa memberikan keterangan bercanggah ketika disoal siasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan keterangannya di mahkamah berhubung kes penipuan ahli perniagaan G Gnanaraja membabitkan wang berjumlah RM19 juta berkaitan kes terowong dasar laut yang sama.

**Haijan:** Datuk, dalam keterangan kamu, kamu menyatakan bahawa kamu mengarahkan pengawal peribadi bernama Din untuk masukkan beg berisi wang ke dalam kereta Mercedes.

**Zarul Ahmad:** Ya.

**Haijan:** Din ini memainkan peranan penting, jika dia datang ke mahkamah, dia akan tahu ada berapa beg berisi wang yang diberikan.

**Zarul Ahmad:** Betul.

**Haijan:** Ini berbeza dengan keterangan kamu di mahkamah di mana kamu berkata, kamu sendiri turun daripada pejabat dan bawa beg itu ke dalam kereta.

**Zarul:** Saya dah jawab soalan ini.

**Haijan:** Kamu sengaja sembunyikan nama Din di mahkamah.

**Zarul Ahmad:** Kalau dia (Din) datang, ia akan jadi lebih buruk (kepada pembelaan).

Ketika ditanya mengenai maksud "ia akan jadi lebih buruk (kepada pembelaan)", Zarul Ahmad berkata, ia hanya pendapatnya.

Menjelaskan lanjut mengenai percanggahan keterangannya pula, Zarul Ahmad berkata, keadaan mindanya tidak stabil ketika memberikan keterangan kepada SPRM kerana baru dibebaskan daripada tahanan reman selama 11 hari ketika itu.

"Saya baru sahaja dilepaskan daripada tahanan reman pihak polis selama 11 hari sebelum ditangkap semula oleh SPRM untuk disoal balas selama 11 jam mengenai kes ini.

"Selama 11 hari itu, saya tidur di atas lantai simen walaupun saya sudah beritahu saya mengalami sakit belakang.

"Apabila ditahan semula, SPRM arahkan saya untuk asingkan pernyataan mengenai kes membabitkan Gnanaraja dan kes ini (Lim Guan Eng), saya ada buat tiga pembayaran pada bulan Julai 2017...saya pun keliru," katanya.

Guan Eng didakwa sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang ketika itu, menggunakan kedudukannya untuk menerima suapan RM3.3 juta dengan membantu syarikat milik Zarul Ahmad bagi dilantik melaksanakan Projek Pembinaan Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang, antara Januari 2011 dan Ogos 2017 di Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bagi pertuduhan pindaan kedua, dia didakwa meminta suapan 10 peratus daripada keuntungan yang akan diperoleh, daripada Zarul Ahmad sebagai upah bagi membantu syarikat milik ahli perniagaan itu dilantik untuk projek sama.

Guan Eng didakwa melakukan perbuatan itu berhampiran Hotel The Gardens, Lingkaran Syed Putra, Mid Valley City di sini, antara jam 12.30 tengah malam dan 2 pagi pada Mac 2011.

Dia juga didakwa dengan dua tuduhan menyebabkan dua lot tanah milik kerajaan negeri bernilai RM208.8 juta.



GUAN Eng (kanan) hadir di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam bagi prosiding mencabar kredibiliti saksi utama dalam perbicaraan kes rasuah terowong dasar laut di Pulau Pinang yang dihadapinya.

**"Saya baru sahaja dilepaskan daripada tahanan reman pihak polis selama 11 hari sebelum ditangkap semula oleh SPRM untuk disoal balas selama 11 jam mengenai kes ini"**

*Pengarah Consortium Zenith Construction Sdn Bhd Datuk Zarul Ahmad Mohd Zulkifli*

# BERITA HARIAN

18.08.2024 (AHAD)




*Sultan Ibrahim berkenan memeriksa perbarisan pada Istiadat Perbarisan Pentauliahan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet ATM 2024 di Kem Perdana Sungai Besi, semalam.* (Foto BERNAMA)

# 'Kedaulatan negara tergadai jika pegawai tentera amal rasuah'

## Seri Paduka titah jaga disiplin, usah musnahkan kepercayaan rakyat terhadap pasukan ATM

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim memberi peringatan bahawa kedaulatan dan maruah negara akan tergadai jika rasuah dan salah guna kuasa diamalkan dalam kalangan pegawai tentera.

Selaku pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Seri Paduka menegaskan, baginda tidak akan memberi muka kepada mana-mana pegawai ATM yang mengamalkan rasuah, salah guna kuasa dan gagal melaksanakan amanah yang digalas.

Baginda turut mengingatkan, menjadi tanggungjawab semua pegawai tentera untuk menjaga disiplin setiap masa, terutama apabila memakai pakaian seragam.

"Jaga tingkah laku dan jangan sekali-kali membuat perkara yang tidak bermaruah. Jangan musnahkan kepercayaan masyarakat terhadap pasukan tentera dan jangan kerana 'nila setitik rosak susu sebelanga'

"Jangan sesekali ada pegawai tentera terlibat dalam amalan rasuah, terutama melibatkan pembelian peralatan dan kontrak kerajaan," titah Sultan Ibrahim

Seri Paduka bertitah demikian pada Istiadat Perbarisan Pentauliahan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet ATM 2024 di Kem Perdana Sungai Besi, di sini semalam.

Sultan Ibrahim juga mengingatkan, kerajaan perlu sentiasa menitikberatkan nilai-nilai amanah dalam urusan pembelian peralatan dan pembinaan kemudahan tentera.

Titah baginda, peralatan yang dibeli mesti bermutu tinggi dan memenuhi kehendak pasukan serta keperluan pertahanan negara, bukannya mengikut telunjuk pembekal atau ejen yang menawarkan komisen.

"Saya sendiri yang akan menilai semua perolehan," titah Seri Paduka.

### Tuntut sikap jujur, amanah

Nasihat Yang di-Pertuan Agong lagi, kerjaya sebagai pegawai tentera menuntut sikap jujur dan amanah serta pengorbanan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi demi mempertahan kedaulatan negara.

Kepada pegawai kadet yang ditauliahkan semalam, baginda mengingatkan mereka, perjalanan yang akan ditempuh masih jauh kerana ada banyak lagi latihan dan kursus lain perlu dihadapi untuk menjadi pegawai tentera berkebolehan tinggi.

"Pesanan saya, saudara saudari mesti cekal dan tabah untuk terus berlatih dan menimba ilmu baharu bagi mengharungi keadaan dunia yang semakin mencabar dan menyesuaikan diri dengan teknologi pertahanan terkini.

"Jika ada yang tidak sanggup menghadapi asam garam kehidupan sebagai seorang pegawai tentera, silalah keluar baris," titah baginda.

Seramai 664 pegawai kadet ditauliahkan semalam selepas menamatkan latihan enam bulan di Akademi Latihan Ketenteraan, Akademi Tentera Darat, Kapal Diraja Sultan Idris Pertama dan Kolej Tentera Udara Sekolah Latihan Pegawai.

Pada majlis itu, Leftenan Muda Ahmad Arif Izudin Mohamad Zin diumumkan Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan.

Yang turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Mohammad Ab Rahman.

Hadir sama, Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan; Pemangku Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Zulhelmy Ithnain dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan.

BERNAMA

SINAR HARIAN
18.08.2024 (AHAD)

# Kerajaan disaran tempatkan pegawai integriti untuk perangi rasuah

**SHAH ALAM** - Kerajaan disaran untuk menempatkan pegawai integriti yang mempunyai rekod bersih di setiap pejabat kementerian bagi memerangi jenayah rasuah hingga ke akar umbi.

Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, langkah tersebut penting dalam memastikan setiap kakitangan mempunyai etika dan integriti dalam pentadbiran.

"Pada pendapat saya, pegawai integriti perlu ditempatkan di setiap kementerian supaya dapat memastikan tahap integriti kakitangan sentiasa berada di tahap yang maksimum.

"Kita risau kalau tidak dipantau, masalah rasuah akan berterusan dan jika itu berlaku sedikit sebanyak akan memberikan kesan negatif kepada pihak berkuasa selain melunturkan kepercayaan rakyat pada pentadbiran mereka," katanya.


HAMDAN

RASUAH BUSTERS

Pada Khamis lalu, timbalan pengarah dan anggota penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) didakwa meminta dan menerima suapan bagi melindungi premis hiburan tanpa lesen di Mahkamah Sesyen Shah Alam.

Tertuduh Muhamad Irwan Abdullah, 44, dan Zahari Muhammad, 34, yang masing-masing berdepan tiga serta dua pertuduhan bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan yang dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Datuk Anita Harun.

Di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada hari sama, seorang pembantu penguat kuasa DBKL didenda RM13,000 selepas mengaku bersalah atas lima pertuduhan mendapatkan wang tunai berjumlah RM1,200 bagi melindungi premis yang menggunakan lesen ali baba di ibu negara.

Syahrul Riza Md Yusof, 42, didakwa atas lima pertuduhan iaitu sebagai pembantu penguat kuasa DBKL (KP19) di Bahagian Perkhidmatan Penguatkuasa Seksyen Pasar DBKL, telah mendapatkan wang tunai RM1,200 untuk dirinya dengan tiada balasan daripada seorang individu yang mana tertuduh ketahui ada hubungan dengan tugas rasminya.

Sementara itu, dua lagi pembantu penguat kuasa DBKL, Muhammad Syawal Riezqan Jauhar, 28, dan Amran Mat Dali, 45, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Mahkamah Sesyen, Suzana Hussin atas pertuduhan sama.

Muhammad Syawal Riezqan didakwa atas 11 pertuduhan menerima wang tunai berjumlah RM4,800, manakala Amran didakwa menerima wang tunai RM100 untuk dirinya tanpa balasan, masing-masing daripada individu sama bagi tujuan serupa.


Amran (kanan) pada Khamis lalu didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas satu pertuduhan menerima wang tunai RM100 tanpa balasan daripada individu yang mana diketahui ada hubungan dengan tugas rasminya.

Tambah Hamdan Daniel, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga harus memainkan peranan dengan memberi cadangan dalam usaha membanteras rasuah.

"Ini kerana ia merupakan tanggungjawab bersama. Selagi masyarakat menjadi mata dan telinga pihak berwajib maka mudahlah bagi mereka untuk mendapatkan maklumat mengenai salah laku rasuah yang semakin menjadi barah.

"Selain itu, pihak sekolah dan universiti perlu membudayakan sikap menolak rasuah dan mengamalkan gaya hidup yang bersih daripada jenayah itu," ujarnya.

SINAR HARIAN
18.08.2024 (AHAD)

# 'Pegawai tentera jangan rasuah'

Agong titah kedaulatan negara tergadai jika salah guna kuasa diamalkan

KUALA LUMPUR

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim bertitah, kedaulatan dan maruah negara akan tergadai jika rasuah dan salah guna kuasa diamalkan dalam kalangan pegawai tentera.

Selaku pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Seri Paduka Baginda bertitah tidak akan memberi muka kepada mana-mana pegawai ATM yang mengamalkan rasuah, salah guna kuasa dan gagal melaksanakan amanah sebagai pegawai tentera.

"Kerjaya sebagai pegawai tentera menuntut sikap jujur dan amanah serta pengorbanan dan taat setia yang tidak berbelah bahagi demi mempertahankan kedaulatan negara. Jangan sesekali ada pegawai tentera terlibat dalam amalan rasuah terutamanya melibatkan pembelian peralatan dan kontrak kerajaan," titah Seri Paduka Baginda.

Sultan Ibrahim bertitah demikian sewaktu Istiadat Perbarisan Pentauliahan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet ATM 2024 di Kem Perdana Sungai Besi di sini Sabtu.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Panglima ATM, Jeneral Tan Sri Mohammad Ab Rahman; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Muhammad Hafizuddeain Jantan; Pemangku Panglima Tentera Laut, Laksamana Madya Datuk Zulhelmy Ithnain dan Panglima Tentera Udara, Jeneral Tan Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan.

Yang di-Pertuan Agong turut mengingatkan menjadi tanggungjawab kepada semua pegawai tentera untuk menjaga disiplin setiap masa terutama apabila memakai pakaian seragam.

"Jaga tingkah laku dan jangan sekali-kali membuat perkara yang tidak bermaruah. Jangan musnahkan kepercayaan masyarakat terhadap pasukan tentera dan jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga," titah Seri Paduka Baginda.

Dalam pada itu, Sultan Ibrahim bertitah, kerajaan perlu sentiasa menitikberatkan nilai-nilai amanah dalam urusan pembelian peralatan dan pembinaan kemudahan tentera.

"Peralatan yang dibeli mestilah bermutu tinggi dan memenuhi kehendak pasukan dan keperluan pertahanan negara dan bukan mengikut telunjuk pembekal atau ejen yang menawarkan komisen.

"Saya sendiri yang akan menilai semua perolehan," titah Sultan Ibrahim.

Sementara itu, Yang di-Pertuan Agong turut mengingatkan kepada pegawai kadet yang ditauliahkan bahawa perjalanan yang akan ditempuhi masih jauh kerana terdapat banyak lagi latihan dan kursus lain yang perlu dihadapi untuk menjadi seorang pegawai tentera yang berkebolehan tinggi.

"Pesanan saya, saudara saudari mesti cekal dan tabah untuk terus berlatih dan menimba ilmu baharu bagi mengharungi keadaan dunia yang semakin mencabar dan menyesuaikan diri dengan teknologi pertahanan terkini.

"Jika ada yang tidak sanggup menghadapi asam garam kehidupan sebagai seorang pegawai tentera, maka silalah keluar baris," titah Seri Paduka Baginda.

Sebanyak 664 Pegawai Kadet yang ditauliahkan pada Sabtu terdiri daripada mereka yang menamatkan latihan di Akademi Latihan Ketenteraan, Akademi Tentera Darat, Kapal Diraja Sultan Idris Pertama dan Kolej Tentera Udara-Sekolah Latihan Pegawai selama enam bulan.

Majlis turut menyaksikan Leftenan Muda Ahmad Arif Izudin Mohamad Zin diiktiraf sebagai Pegawai Kadet Terbaik Keseluruhan. - *Bernama*




**Sultan Ibrahim berkenan memeriksa kawalan perbarisan pada Istiadat Perbarisan Pentauliahan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 2024 di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana Sungai Besi pada Sabtu.**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

# SINAR HARIAN

19.08.2024 (ISNIN)

## Salah guna kuasa: Pegawai bomba dijel 3 tahun, denda RM172,000

**KUALA TERENGGANU** - Seorang penolong kanan penguasa bomba dihukum penjara tiga tahun dan denda RM172,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad selepas didapati bersalah atas pertuduhan salah guna kuasa untuk mendapatkan suapan dengan mencadangkan syarikat milik ahli keluarga melaksanakan kerja pembekalan bernilai RM32,540.

Hakim Dazuki Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohd Roslan Zakaria, 41, selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tiga pertuduhan di akhir kes pembelaan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menggunakan jawatannya untuk mencadangkan sebut harga milik ibu mentuanya, Pak Su Global Enterprise untuk melaksanakan kerja-kerja pembekalan 60 unit antena dan 30 unit alat ganti pengecas bernilai RM8,100.

Bapa kepada tiga anak itu juga didakwa atas kesalahan sama dengan mencadangkan sebut harga Muazzam Global Enterprise milik adik iparnya membekalkan 31 unit kompas orienteering berjumlah RM7,440.

Bagi pertuduhan ketiga, tertuduh didakwa melakukan kesalahan sama dengan mencadangkan sebut harga milik adik iparnya untuk melaksanakan kerja-kerja pembekalan 10 unit jaket keselamatan dan 20 unit *wet suit* bernilai RM17,000.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur di Marang pada Julai dan November 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 23(1) Akta SPRM yang boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan.

Dazuki turut memerintahkan hukuman penjara berjalan serentak bermula Ahad.

Bagaimanapun, mahkamah membenarkan penangguhan hukuman penjara sehingga prosiding rayuan di Mahkamah Tinggi selesai manakala penangguhan hukuman denda tidak dibenarkan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Farah Yasmin Salleh dan Pegawai Pendakwa SPRM Nur Raihan Mohd Yusof manakala tertuduh diwakili peguam, G Ravishankar. - *Bernama*

**SINAR HARIAN**
**20.08.2024 (SELASA)**

# Rasuah terus hantui negara



VANGUARD
MUHAMMAD FUAD MAT NOOR

"Kecik-kecik tak nak mampus, bila besar menyusahkan orang."

Itulah ayat dituturkan oleh teraju utama, Ahmad Nisfu dalam filem *Seniman Bujang Lapok* suatu masa dahulu mungkin dianggap sebagai satu lawak bersahaja.

Namun, saban tahun dengan peredaran masa dan keadaan, cemuhan itu boleh dianggap sebagai sangat relevan terutama dalam hal membangkitkan amarah, bukan sahaja rakyat marhaen tetapi juga pemimpin tertinggi negara.

Peliknya, sebahagian besar mereka yang tergolong dalam kategori dimaksudkan oleh Ahmad Nisfu itu bukanlah golongan tidak berpelajaran atau mempunyai ilmu agama cetek.

Mereka boleh diibaratkan sebagai kanser yang merayap dan memusnahkan badan yang sihat tanpa menunjukkan kesan fizikal ketara di bahagian luar badan. Hanya apabila mencapai tahap kronik, barulah disedari betapa besarnya kerosakan telah dilakukan oleh mereka kepada negara.

Minggu lalu, Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim telah bertitah bagaimana kedaulatan dan maruah negara akan tergadai akibat perbuatan rasuah serta salah guna kuasa jika diamalkan dalam kalangan pegawai tentera.

Sultan Ibrahim selaku pemerintah tertinggi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bertitah, tidak akan memberi muka kepada mana-mana pegawai ATM mengamalkan rasuah, salah guna kuasa dan gagal melaksanakan amanah sebagai pegawai tentera.

Sultan Ibrahim juga menekankan bahawa peralatan dibeli untuk penggunaan ATM mestilah bermutu tinggi dan memenuhi kehendak pasukan serta keperluan pertahanan negara, bukan mengikut telunjuk pembekal atau ejen yang menawarkan komisen.

Mungkin muak dengan apa yang telah berlaku, Sultan Ibrahim bertitah: "Saya sendiri akan menilai semua perolehan."

Kenyataan itu memeranjatkan kerana belum pernah ada mana-mana Yang di-Pertuan Agong sebelum ini secara peribadi bertindak sedemikian.

Adakah benar rasuah di negara ini semakin menular termasuk dalam agensi atau jabatan yang diamanahkan untuk menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara? Kebimbangan penyakit rasuah sebenarnya telah lama mendapat perhatian, bukan sahaja daripada Perdana Menteri, malah termasuk juga kepimpinan istana di negeri-negeri beraja.

Pada awal 2022, Yang di-Pertuan Agong ketika itu, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah memandang serius isu rasuah yang berlaku di Malaysia. Seri Paduka bertitah, isu itu harus diberi perhatian terutama dalam membina sebuah negara bangsa yang telus dan berintegriti.

Pada penghujung 2023, Sultan Ibrahim yang ketika itu bakal memikul tugas Yang di-Pertuan Agong ke-17 memberi amaran amalan rasuah dihentikan atau berdepan risiko 'diburu'.

Amaran keras semasa Istiadat Perbarisan Pentauliahan Diraja dan Pengurniaan Watikah Tauliah Pegawai Kadet ATM 2024 di Kem Perdana Sungai Besi baru-baru ini menggambarkan masalah rasuah terus menghantui negara.

Kekecewaan institusi diraja tentunya bersebab. Jika diteliti kes-kes yang melibatkan kerugian kepada negara akibat pengambilan rasuah, tentu sahaja mengundang amarah.

Lebih membimbangkan rasuah terus menerus diamalkan seakan menjadi budaya dan ia bakal membawa implikasi amat dahsyat kepada negara. Contohnya, laporan Ketua Audit Negara pada 2010 terhadap sebuah jabatan mendapati pembelian binokular berharga RM1,940 di pasaran terbuka telah dibeli dengan harga RM56,350 oleh jabatan tersebut! Peningkatan harga sebanyak 2,850 peratus.

Laporan 2012 pula mendedahkan perolehan kasut yang tidak mengikut spesifikasi sebuah jabatan lain telah mengakibatkan 7,659 pasang kasut terpaksa dilupuskan dengan kerugian RM602,089 berikutan saiz tidak menepati keperluan pegawai dan terdapat kerosakan pada kasut-kasut tersebut.

Pada 2015, SPRM melancarkan Ops Sealord berkaitan aktiviti rasuah dan penyelewengan sebuah jabatan berkaitan pertahanan negara. Hasil operasi itu, seramai 16 individu ditangkap dan 240 akaun bank bernilai RM23 juta dibekukan.

Selain itu, 13 kenderaan mewah juga disita dan lima pegawai dituduh menerima rasuah berjumlah RM420,852.85.

Dari tahun ke tahun jumlah kerugian akibat budaya songsang itu terus meningkat. Kemurkaan Sultan Ibrahim sememangnya bertempat dan cemuhan Ahmad Nisfu juga adalah tepat.

**Muhammad Fuad Mat Noor ialah penganalisis pertahanan dan pernah menerima anugerah wartawan terbaik oleh Kementerian Pertahanan Malaysia pada tahun 2003, 2004, 2006 dan 2007*

SINAR HARIAN
20.08.2024 (SELASA)

# Tempatkan pegawai SPRM di agensi kerajaan bantu banteras rasuah

KOTA KINABALU - Inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menempatkan pegawai integriti di pejabat kementerian di negeri ini dilihat berkesan apabila ada aktiviti salah guna kuasa atau rasuah berjaya dikesan dan diheret ke mahkamah.

Pengarah SPRM Sabah, S Karunanithy berkata, memang ada pegawai SPRM ditempatkan di semua unit di kementerian bagi memantau sebarang aktiviti yang menjurus kepada rasuah.

"Ini melibatkan polisi dasar tetapi bagi pandangan saya ia berkesan kerana ramai pegawai integriti ditempatkan di unit-unit kementerian.

"Kita ambil contoh baru-baru ini SPRM melaksanakan Ops Fly melibatkan kegiatan 'pasport terbang' yang mana ia adalah kolaborasi dengan pegawai ditempatkan di Jabatan Imigresen," katanya selepas menghadiri Program Bual Bicara dan Boling SPRM Bersama Media Sabah di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai usaha SPRM membanteras rasuah yang masih dilaksanakan dengan menempatkan pegawainya di pejabat kerajaan Sabah.

Media baru-baru ini melaporkan SPRM Sabah berjaya menumpaskan sindiket pasport terbang melibatkan nilai rasuah sehingga RM300,000 dengan penahanan anggota penguat kuasa menerusi Ops Fly.

Mengulas mengenai program yang dihadirinya beliau berkata, peranan media sangat penting dalam membantu agensi itu melakukan penyiasatan susulan laporan atau pendedahan yang dibuat oleh wartawan.

"Kita boleh lihat banyak kes yang didedahkan media berakhir dengan kejayaan. Sebab itu kita anggap media merupakan rakan strategik penting kepada SPRM dalam mendedahkan kegiatan salah guna kuasa, rasuah dan sebagainya.

"Malah media juga memainkan peranan penting menyebarkan mesej pencegahan rasuah dan dasar kerajaan berhubung isu-isu berkaitan," katanya.

RASUAH BUSTERS
Malaysia Tanpa Rasuah

**Tiga penguat kuasa terlibat sindiket 'pasport terbang' ditahan SPRM**




**Laporan *Sinar Harian* pada 17 Julai lalu.**



**Karunanithy (tengah) bersama pengamal media Sabah pada Program Bual Bicara dan Boling SPRM Bersama Media Sabah Kota Kinabalu baru-baru ini.**

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**24.08.2024 (SABTU)**




SUSPEK tiba ke mahkamah dengan memakai baju lokap SPRM. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

# Inspektor direman 3 hari minta suapan RM5,000

**Georgetown:** Seorang pegawai polis berpangkat inspektor direman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes meminta suapan berjumlah RM5,000.

Perintah reman terhadap lelaki yang berusia 37 tahun itu dikeluarkan Majistret Mohd Azlan Basri sehingga esok bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Terdahulu, suspek tiba ke mahkamah kira-kira jam 9 pagi dengan memakai baju lokap SPRM.

Berdasarkan maklumat, lelaki terbabit ditahan di hadapan Pejabat Kuarantin Tumbuhan Jalan Bagan Luar, Butterworth pada jam 3.50 petang kelmarin.

**SINAR HARIAN**

**25.08.2024 (AHAD)**

# Guna sistem lebih canggih elak rasuah

## Kerajaan perlu tingkatkan keupayaan teknologi di pintu keluar masuk negara

**Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI**
SHAH ALAM

Sudah tiba masanya kerajaan menggunakan sistem lebih canggih di pintu keluar masuk negara terutamanya di lapangan terbang bagi mengelakkan sebarang ketirisan atau kelompangan yang berlaku.

Pakar kriminologi bebas, Datuk Shahul Hamid Abd Rahim berkata, kerajaan perlu mengkaji semula sistem pengurusan keluar masuk dengan meningkatkan keupayaan sistem yang sedia ada.

Beliau berkata, sistem sedia ada sekarang tidak mencukupi dalam urusan kemasukan warga asing.

"Sebelum ini sudah ada perancangan untuk melaksanakan sistem pendahuluan pelepasan penumpang (passenger advance clearance) yang mana sebelum mana-mana individu masuk ke negara ini, kita sudah tahu maklumat secara lengkap berkaitan individu berkenaan.

"Sistem ini secara langsung akan mengelakkan risiko berlakunya ketirisan atau sebarang unsur rasuah," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Menurutnya, apabila ada maklumat berkaitan ia akan tertera dalam sistem sekali gus mengelakkan sebarang unsur ketidaktelusan di kaunter kemasukan.

Katanya, sistem sebegini juga dapat mengelakkan mana-mana individu yang memiliki rekod jenayah memasuki negara ini dan memastikan urusan di pintu keluar masuk negara lebih lancar.



SHAHUL HAMID

Shahul Hamid berkata, soal keselamatan perlu seiring dengan kecanggihan sistem yang diletakkan.

"Keselamatan adalah perkara utama kerana ia amat penting bagi negara, kita tidak mahu dalam soal memudahkan urusan keluar masuk, sesiapa sahaja boleh memasuki negara ini.

"Selain itu, isu berkaitan integriti juga perlu dititik beratkan, terutamanya dalam soal penggiliran tempat bertugas.

"Seseorang pegawai penguat kuasa tidak boleh diletakkan terlalu lama di sesebuah tempat, mesti kena ada had pada tempoh tertentu," katanya.

Sebelum ini, SPRM menahan 12 individu termasuk lima penguat kuasa hasil operasi di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan pada Selasa lalu.

Tangkapan suspek berusia antara 20-an hingga 50-an termasuk tiga wanita itu hasil risikan SPRM sejak 2022 dan dikesan terdapat kemasukan wang lebih RM4 juta bagi urusan kemasukan warga asing.

Laporan khas *Sinar Harian* pada Khamis melaporkan pegawai yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1) dan Terminal 2 (KLIA2) dipercayai menerima habuan RM500 hingga RM2,500 daripada sindiket untuk melepasi pemeriksaan melalui 'kaunter khas'.

Bayaran rasuah yang dibayar itu adalah berbeza mengikut kewarganegaraan.

Bayaran rasuah paling rendah sekitar RM500 bagi warga Uzbekistan manakala paling tinggi pula ialah RM2,500 bagi warga Bangladesh.

Bagi mengelakkan komunikasi mereka dikesan, penguat kuasa dan sindiket berkenaan turut menggunakan beberapa kod nama khas seperti *school boy*, salak, limau, laici, karpet, kicap, roti canai, junta dan ayam.

Ini merujuk kepada kumpulan warga asing yang akan masuk ke negara ini bagi urusan di laluan 'kaunter khas' yang telah diatur.

Selain itu, sindiket turut menggunakan kod sulit iaitu 'lembu' yang merujuk kepada pembayaran wang rasuah manakala kod nama 'durian' merujuk kepada upah.

**SINAR HARIAN**

**26.08.2024 (ISNIN)**

# Buang daerah individu terlibat rasuah



HAMDAN DANIEL

**RASUAH BUSTERS**

**SHAH ALAM** - Individu terlibat rasuah sama ada pemberi, penerima atau bersubahat perlu dihukum bagi memerangi jenayah itu secara holistik.

Pengerusi Gabungan Rasuah Busters Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya, Profesor Dr Hamdan Daniel M Sharib berkata, golongan itu patut dikenakan hukuman berat seperti dibuang daerah.

"Tindakan buang daerah perlu dilaksanakan supaya menjadi teladan kepada yang lain agar berfikir panjang dan memikirkan kesan memusnahkan diri serta keluarga sekiranya terjebak rasuah.

"Rasuah juga boleh dikatakan ibarat ibu segala jenayah, ia boleh meruntuhkan institusi kekeluargaan, masyarakat serta ekonomi negara," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sebelum ini, seorang pegawai penguat kuasa sebuah agensi di George Town, Pulau Pinang yang disyaki meminta rasuah kira-kira RM6,500 sebagai balasan membantu menyelesaikan kes berkaitan judi laga ayam ditahan reman selama tiga hari.

Majistret Mohamad Azlan Basri mengeluarkan perintah reman hingga 25 Ogos selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membolehkan siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Tambah Hamdan Daniel, usaha memerangi rasuah perlu membabitkan kerjasama semua pihak kerana ia tidak dapat dilaksanakan mana-mana individu atau organisasi secara solo.

"Komitmen pelbagai pihak amat penting terutama dalam mengamalkan prinsip benci rasuah dengan membudayakan antirasuah dalam diri sendiri demi kelangsungan hidup aman bahagia tanpa jenayah tersebut.

"Apa yang penting, kerajaan perlu tegas dan menggandakan usaha memerangi rasuah dalam semua aspek terutama dalam kalangan penjawat awam.

"Dua aspek utama perlu diberi perhatian iaitu hukuman tegas dilaksanakan tanpa gentar dan pilih kasih serta seterusnya melakukan langkah pencegahan untuk mengukuhkan integriti," ujarnya.

Jelas beliau, tegas dan tidak pilih kasih ialah dua kata kunci penting serta wajib dijadikan prinsip utama kerajaan serta petugas atau pemantau integriti di setiap jabatan.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**
26.08.2024 (ISNIN)

# Pesara nafi 13 tuduhan pecah amanah, palsu dokumen Anulae

Kuala Terengganu: Seorang pesara mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas 13 pertuduhan pecah amanah dan memalsukan dokumen milik Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Pihak Berkuasa Tempatan Semenanjung Malaysia (Anulae) Cawangan Terengganu.

Tertuduh, Jafri Wahab, 58, yang juga bekas bendahari Anulea membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohd Azhar Othman.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ke 11, tertuduh didakwa dengan curang menyalahgunakan wang tabung kebajikan Anulae cawangan Terengganu untuk kegunaan peribadi.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah institusi perbankan di Kuala Terengganu bermula Januari hingga Julai 2020.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan (KK) berdepan hukuman penjara antara enam bulan sehingga lima tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Selain itu, tertuduh juga didakwa menggunakan suatu dokumen palsu iaitu penyata akaun bank milik Anulae cawangan Terengganu bagi 2019 hingga 2020.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada 28 Jun 2020 di MBKT.

Pertuduhan dilakukan mengikut Seksyen 471 KK yang boleh dihukum mengikut Seksyen 465 KK yang memperuntukkan hukuman penjara hingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM13,000 dan menetapkan 25 September depan sebagai tarikh sebutan semula bagi pengurusan kes.

Selain itu, tertuduh turut dikenakan syarat tambahan iaitu dilarang mengganggu saksi pendakwaan serta perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM terdekat setiap bulan sehingga kes selesai.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Tengku Nurul Haziqah Tuan Yacob manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Asaari Salleh.



JAFRI membuat pengakuan tidak bersalah selepas dikenakan pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu. -Gambar NSTP/GHAZALI KORI

SINAR HARIAN
26.08.2024 (ISNIN)

Agar masalah rasuah dapat dibanteras sepenuhnya

# EIP budayakan integriti komuniti strata

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
PETALING JAYA

Seramai 77 peserta Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 39 mengendalikan *Enhancing Integrity Project* (EIP) selaras dengan keperluan pembudayaan integriti dalam kalangan komuniti strata di negara ini.

Pengarah Projek EIP CeIO 39, Mohd Zaki Abdollah berkata, menjadi tanggungjawab CeIO untuk melestarikan integriti dalam kalangan komuniti strata agar masalah rasuah dapat dikurangkan atau tidak berlaku lagi.

Menurutnya, masyarakat hari ini memerlukan kaedah suntikan penghayatan dan pemahaman yang bersesuaian seperti program EIP supaya mereka lebih faham mengenai integriti seterusnya dapat digunakan dalam kehidupan dan tugasan harian.

"EIP kali ini bertemakan 'Lestari Integriti, Harmoni Komuniti' merupakan projek kami yang dipilih oleh Panel penilaian Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Lebih 60 wakil Badan Pengurusan Bersama (JMB) di enam pihak berkuasa tempatan (PBT) hadir sebagai peserta.

"Sasaran utama kita untuk sampaikan maklumat integriti kepada masyarakat dengan harapan wakil JMB yang hadir dapat menyebarluaskannya kepada komuniti dan penduduk setempat sekiranya mahu mengurangkan rasuah," katanya.

Program dirasmikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Mohamad Zahri Samingon di sini pada Sabtu.

Sementara itu, Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Saujana, Muhammad Yazid Sharif berkata, sebelum ini dia kurang pemahaman mengenai rasuah dengan kadangkala keliru sama ada sesuatu perbuatan itu salah atau tidak di sisi undang-undang.

"Sekarang saya lebih faham apa itu integriti dan rasuah menerusi ceramah dan bengkel yang diadakan pada program EIP ini.

"Jadi, banyak yang perlu diperbetulkan memandangkan ada perbuatan kita sebelum ini tidak digalakkan kerana risau boleh mengundang konflik dan menjejaskan integriti," ujarnya.

FOTO: MOHD HALIM ABDUL WAHID



**Mohamad Zahri (tengah) melakukan gimik perasmian penutup Program Kelestarian Integriti Dalam Komuniti Strata di Hotel Royale Chulan, Damansara pada Sabtu.**

Bagi Pengerusi JMB Apartment Permai Damansara Damai, Mohamad Fauzi Md Shapaie, program sebegini perlu diadakan lebih kerap dan menyeluruh dalam kalangan komuniti starta.

"Macam saya telah berkhidmat selama 10 tahun dalam JMB namun ini kali pertama kami didedahkan secara terperinci mengenai integriti dan rasuah," jelasnya.

**SINAR HARIAN**

**27.08.2024 (SELASA)**

# Wanita Myanmar disyaki terlibat sindiket bawa masuk warga asing ditahan

**PUTRAJAYA -** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang lagi warga Myanmar disyaki terlibat dalam sindiket membawa masuk warga asing di lapangan terbang di sini.

Suspek wanita berusia dalam lingkungan 50-an itu telah ditahan kira-kira jam 12.15 tengah malam, Isnin di Ibu Pejabat SPRM ketika hadir memberi keterangan.

Suspek kini direman empat hari sehingga 29 Ogos selepas perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin di Mahkamah Majistret Putrajaya.

Menurut sumber, SPRM turut menyita satu unit telefon bimbit.

"Reman terhadap suspek ini susulan penahanan 11 individu termasuk empat penguat kuasa yang berkhidmat di Terminal 2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA2) pada Rabu lalu menerusi Op Pump yang dijalankan di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan.

"Kesemua yang ditahan dipercayai terbabit rasuah membabitkan sindiket membawa masuk warga asing tanpa mengikut pemeriksaan yang sepatutnya," katanya.

Dalam pada itu, SPRM turut mendapat kebenaran untuk menyambung reman seorang individu warganegara Myanmar selama lima hari sehingga 29 Ogos.




**SPRM menahan reman seorang wanita warga Myanmar untuk siasatan kes sindiket seludup warga asing di lapangan terbang.**

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan tersebut dan berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Laporan khas *Sinar Harian* pada Khamis lepas melaporkan pegawai yang bertugas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 (KLIA1) dan KLIA dipercayai menerima habuan RM500 hingga RM2,500 daripada sindiket untuk melepasi pemeriksaan melalui 'kaunter khas'.

**SINAR HARIAN**

**27.08.2024 (SELASA)**

# Dua pengusaha stesen minyak ditahan SPRM

## Dua beradik itu disyaki seleweng diesel, wang RM3.7 juta disita

Oleh **MUHAMMAD AFHAM RAMLI**
SIBU



Dua beradik direman SPRM di Mahkamah Majistret Sibu, pada Isnin.

**Mahkamah & Jenayah**

Dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak dipercayai terlibat dalam sindiket seleweng diesel antara lima individu diberkas di sekitar Sungai Bidut di sini, pada Ahad.

Majistret Romaroi Jonoi kemudian membenarkan suspek lelaki berusia 40-an direman selama empat hari sehingga 29 Ogos, manakala adik perempuannya berusia 30-an direman selama satu hari selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Sibu, pada Isnin.

Menurut sumber, dua beradik itu turut ditahan bersama dua lagi lelaki serta seorang wanita dalam Op Liter yang dijalankan Bahagian Operasi Khas dan Skuad Taktikal Khas SPRM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sebuah depoh simpanan minyak diesel.

"Kelima-lima suspek ini dipercayai terbabit dengan sindiket penjualan minyak diesel bersubsidi bagi kegunaan nelayan, namun dijual pada kadar harga lebih tinggi kepada pembeli dari luar negara.

"Sindiket ini dipercayai beroperasi sejak tahun 2012 dan mengaut keuntungan sehingga RM400 juta," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Sumber berkata, suspek disyaki turut membayar wang rasuah kepada beberapa penguat kuasa sebuah agensi penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan kerana menyimpan minyak diesel tanpa permit yang sah.

Tambah sumber itu, menerusi operasi itu, SPRM telah menyita dua tongkang dan 30 tangki simpanan minyak yang dipercayai mengandungi kira-kira 1.6 juta liter minyak diesel.

"Selain itu, SPRM turut menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta susulan tangkapan terhadap kelima-lima suspek berkenaan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan lima suspek terbabit.

Di **MIRI**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, pihaknya akan menjalin kerjasama dengan SPRM untuk menangani ketirisan barang kawalan bersubsidi.

BERITA HARIAN

27.08.2024 (SELASA)

Sindiket 'buka kaunter' seludup warga asing

# SPRM reman wanita warga Myanmar bantu siasatan

**11 individu termasuk 4 penguat kuasa telah ditahan sebelum ini**

**Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam menahan reman seorang lagi warga Myanmar berhubung kes membabitkan sindiket membawa masuk warga asing tanpa mengikut pemeriksaan yang sepatutnya.

Perintah reman empat hari itu dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam.

Sumber berkata, wanita berusia lingkungan 50-an itu ditahan kira-kira jam 12 tengah malam kelmarin di Ibu Pejabat SPRM ketika hadir memberi keterangan.

Katanya, reman terhadap wanita itu susulan penahanan 11 individu termasuk empat penguat kuasa sebuah agensi penguat kuasa yang berkhidmat di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Rabu lalu menerusi Op Pump yang dijalankan di sekitar Lembah Klang, Pulau Pinang dan Kelantan.

"Semua yang ditahan dipercayai terbabit rasuah membabitkan sindiket membawa masuk warga asing tanpa mengikut pemeriksaan sepatutnya," katanya.

Beliau berkata, susulan tangkapan itu, SPRM turut menyita satu unit telefon bimbit.

## Lanjut reman seorang suspek

Sementara itu, SPRM mendapat kebenaran untuk menyambung reman seorang lagi warga Myanmar selama lima hari sehingga 29 Ogos ini.

Perintah sambung reman terhadap suspek yang berusia 30-an itu dikeluarkan Penolong Pendaftar, Nadiah Abd Razak selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, kelmarin.

Sebelum ini, suspek berkenaan direman lima hari bermula 21 Ogos lalu bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan SPRM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu untuk siasatan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.

Pada 20 Ogos lalu, SPRM menahan lima pegawai imigresen di KLIA berhubung sindiket membawa masuk warga asing tanpa pemeriksaan.

Mereka dipercayai menjadi tali barut sindiket menerusi modus operandi 'counter setting' dipercayai menerima bayaran antara RM500 hingga RM2,500.

Bayaran rasuah itu dikatakan dibayar pada kadar RM500 bagi warga Uzbekistan dan paling tinggi, RM2,500 untuk warga Bangladesh.




*Seorang wanita Myanmar ditahan ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM berkait kes sindiket bawa masuk warga asing tanpa ikut pemeriksaan sepatutnya.* (Foto Ihsan SPRM)

**BERITA HARIAN**

**27.08.2024 (SELASA)**

# 2 beradik disyaki seleweng diesel nelayan ditahan



*Dua beradik pengusaha stesen minyak ditahan dipercayai terbabit sindiket seludup diesel dan merasuah penguat kuasa.* (Foto ihsan SPRM)

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menahan reman dua beradik pengusaha stesen minyak di Sibu, Sarawak, dipercayai terbabit sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah pegawai penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan.

Majistret Romaroi Jonoi membenarkan suspek lelaki berusia lingkungan 40-an direman empat hari sehingga Khamis ini, manakala adik perempuannya berusia sekitar 30-an direman sehari sehingga hari ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Sibu, semalam.

Menurut sumber, dua beradik itu ditahan bersama dua lelaki serta seorang wanita dalam Op Liter yang dijalankan Bahagian Operasi Khas dan Skuad Taktikal Khas SPRM yang turut mendapat kerjasama pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) di sebuah depoh simpanan diesel di Sungai Bidut, Sibu, kelmarin.

Bagaimanapun dua lelaki dan seorang wanita dibebaskan dengan jaminan SPRM semalam.

Sumber berkata, kelima-lima suspek dipercayai terbabit sindiket penjualan diesel bersubsidi bagi kegunaan nelayan, namun dijual pada harga lebih tinggi kepada pembeli dari luar negara.

"Sindiket ini dipercayai beroperasi sejak 2012 dan mengaut keuntungan sehingga RM400 juta.

"Mereka disyaki turut membayar rasuah kepada beberapa penguat kuasa sebuah agensi bagi mengelak dikenakan tindakan kerana menyimpan diesel tanpa permit sah," katanya.

Menerusi operasi itu, SPRM menyita dua tongkang dan 30 tangki simpanan minyak yang dipercayai mengandungi kira-kira 1.6 juta liter diesel.

Selain itu, SPRM turut menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta susulan tangkapan terhadap lima suspek berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap dua beradik berkenaan bersama dua lagi lelaki dan wanita dalam operasi kelmarin.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009, selain Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta Akta Kawalan Bekalan 1961.

Kelmarin, *BH* melaporkan SPRM menggempur sindiket penyeludupan diesel bersubsidi milik persatuan nelayan dan disyaki memberi rasuah kepada penguat kuasa di Sibu sebagai balasan menyembunyikan tindakan berkenaan.

**HARIAN METRO**

**27.08.2024 (SELASA)**



GEMPUR SINDIKET SELUDUP DIESEL BERSUBSIDI DENGAN MERASUAH PENGUAT KUASA

# Dah kaut untung RM400 juta!

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang dipercayai menyeleweng bahan bakar milik persatuan nelayan serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak digempur Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Serbuan dijalankan oleh Bahagian Operasi Khas (BOK) dan Skuad Taktikal Khas SPRM di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut sebelum menahan lima individu termasuk pengusaha stesen minyak.

Operasi dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyita dua tongkang serta beberapa tangki minyak mengandungi kira-kira 1.6 juta liter diesel.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, siasatan dan risikan dijalankan mendapati sindiket terbabit dipercayai sudah beroperasi sejak 2012.

Menurutnya, sindiket itu disyaki mengaut keuntungan sehingga RM400 juta dengan menjual diesel bersubsidi untuk kegunaan nelayan kepada pihak luar pada kadar harga tertentu.

"Sindiket itu dipercayai memindahkan diesel berkenaan daripada tangki yang dikhaskan untuk nelayan ke dalam tongkang yang berlabuh di depoh berkenaan.

"Minyak daripada tongkang kemudian dipindahkan ke kapal milik pembeli dari negara luar pada waktu malam bagi mengelak kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa," katanya.

Azam berkata, dalam serbuan di depoh minyak memeriksa dua tongkang yang sedang berlabuh dan masing-masing sudah diisi dengan kira-kira 160,000 serta 100,000 liter diesel.

Menurutnya, pasukan turut menemui 30 tangki minyak yang dipercayai tidak mempunyai permit untuk menyimpan diesel terbabit.

"SPRM menahan lima individu membabitkan tiga lelaki dan dua wanita berusia 30 hingga 60-an di Pejabat SPRM Cawangan Sibu ketika kenyataan mereka diambil kira-kira 4 petang kelmarin.

"Mereka yang ditahan adalah empat pengusaha stesen minyak yang dipercayai menjadi dalang kegiatan penyeludupan diesel serta seorang 'orang tengah' yang dipercayai terbabit dalam urusan jual beli dengan pembeli luar.

"SPRM menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta, dua tongkang serta 30 tangki membabitkan kira-kira 1.6 juta liter diesel di depoh berkenaan. Keseluruhan minyak diesel diserahkan kepada KPDN bagi tujuan penjualan semula kepada pelesen sah," katanya.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) dan Seksyen 18 Akta SPRM 2009, Seksyen 471 Kanun Keseksaan serta Akta Kawalan Bekalan 1961.

PASUKAN SPRM menggempur sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah penguat kuasa di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak.

**INFO**

Sindiket terbabit dipercayai sudah beroperasi sejak 2012.

Sindiket itu disyaki mengaut keuntungan sehingga RM400 juta dengan menjual diesel bersubsidi.

SPRM menyita wang tunai kira-kira RM3.7 juta, dua tongkang serta 30 tangki membabitkan kira-kira 1.6 juta liter diesel di depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak.

## Dua beradik pengusaha stesen minyak direman

Kuala Lumpur: Dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak dikenakan tahanan reman bermula semalam bagi membantu siasatan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah pegawai agensi penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Majistret Romarni Jonel membenarkan suspek lelaki berusia 40-an direman selama empat hari sehingga 29 Ogos ini manakala adik perempuannya berusia 30-an direman selama satu hari sehingga hari ini.

Permohonan berkenaan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Sibu, semalam.

Bagaimanapun, difahamkan, dua lelaki dan seorang wanita lain sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM.

TONGKANG yang berlabuh sudah diisi dengan kira-kira 160,000 serta 100,000 liter diesel.

HARIAN METRO
28.08.2024 (RABU)

SUSULAN SINDIKET SELEWENG DIESEL BERSUBSIDI, RASUAH PENGUAT KUASA

# Pembantu penguat kuasa direman selama enam hari

**Kuala Lumpur:** Pembantu penguat kuasa sebuah agensi penguatkuasaan di Kuching, Sarawak direman kerana dipercayai menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan diesel yang beroperasi di Sibu.

Perintah reman enam hari sehingga 2 September ini terhadap suspek lelaki berusia 40-an dikeluarkan Majistret Mason Jaro selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuching, semalam.

Menurut sumber, suspek ditahan di Pejabat SPRM Sarawak, jam 3.25 petang kelmarin, ketika hadir bagi dirakam keterangan.

"Tangkapan terhadap pembantu penguat kuasa ini adalah susulan Op Liter dijalankan Bahagian Operasi Khas SPRM di depoh penyimpanan minyak Sungai Bidut, Sibu, Ahad lalu.

"Suspek dipercayai menerima wang rasuah berkenaan daripada sindiket terbabit bagi melindungi kegiatan penyeludupan minyak diesel bersubsidi dan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan terhadap suspek dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan akan ada tindakan susulan serta tangkapan lain dalam masa terdekat.

Harian Metro kelmarin melaporkan, SPRM mula memanggil beberapa penguat kuasa di Sarawak bagi membantu siasatan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan merasuah pegawai agensi penguat kuasa bagi mengelak dikenakan tindakan penguatkuasaan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki dilaporkan berkata, setakat ini, tiga individu membabitkan penguat kuasa di Sarawak sudah dipanggil bagi membantu siasatan.

Terdahulu, sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang dipercayai menyeleweng bahan milik persatuan nelayan itu serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak, digempur SPRM, Ahad lalu.

Serbuan dijalankan Bahagian Operasi Khas (BOK) dan Skuad Taktikal Khas SPRM di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak.

Pada operasi itu, lima individu termasuk pengusaha stesen minyak ditahan.

Operasi dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) turut menyita dua tongkang serta tangki minyak mengandungi 1.6 juta liter diesel.

SINAR HARIAN
28.08.2024 (RABU)

# GENTAR panduan kakitangan NAFAS bebas rasuah

**PETALING JAYA -** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) melancarkan Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) bagi 2024 hingga 2028 yang dikenali sebagai GENTAR, pada Selasa.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, ia merupakan panduan kepada kakitangan NAFAS dalam usaha pemantapan tatakelola melalui prinsip ketelusan, keberkesanan pentadbiran, berintegriti dan antirasuah.

"Reformasi tadbir perlu dilakukan segera merangkumi tatakelola itu datang daripada (jawatan) paling atas iaitu Perdana Menteri, menteri-menteri hingga ke Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan pegawai tinggi lain.



ZAMRI

"Kita boleh melihat terutama sekali dalam kalangan pegawai kerajaan atau menteri. Kita tahu kalau pegawai kerajaan pangkat ini, gaji dia (banyak) ini, pendapatan dia begini.

"Tapi kalau kita lihat kehidupannya itu luar biasa, sudah tentulah kita kena siasat di mana pendapatan yang luar biasa itu. Belum tentu rasuah, tapi kita kena siasat," katanya ketika sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran OACS 2024-2028 atau GENTAR pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar; Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob; Timbalan Ketua Pengarah Operasi LPP, Nik Mohd Shaharil Nik Md Hashim; Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan Governans Nasional Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Mohd Gunawan Che Ab Aziz dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, integriti merupakan aspek paling penting dalam memerangi rasuah dan bukannya undang-undang.

"Undang-undang ini kadang-kadang ada 'jalan' boleh elak tapi integriti ini jarang boleh elak, dia sendiri yang perlu mendisiplinkan diri (untuk jauhi rasuah)," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob berkata, lima aspek utama GENTAR adalah pentadbiran, tadbir urus korporat, perolehan, kewangan dan operasi bakal menjadi panduan kakitangan NAFAS.

Tambah beliau, ia sekali gus dapat memberi impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan yang diberikan NAFAS kepada rantaian LPP di seluruh negara.

Katanya, panduan berkenaan juga akan dimanfaatkan di setiap peringkat organisasi bagi memastikan OACS atau GENTAR tidak sia-sia.

"Pada masa akan datang, ia juga dapat memberi impak yang besar kepada penyampaian perkhidmatan yang diberikan NAFAS kepada rantaian LPP di seluruh negara.



(Dua dari kiri) Zamri dan Mohamad bersama tetamu kehormat lain ketika Majlis Pelancaran Strategi Pembanterasan Rasuah Organisasi (OACS) bagi 2024 hingga 2028 yang dikenali sebagai GENTAR, pada Selasa.

"Selain itu, pengiktirafan NAFAS sebagai badan awam di bawah Akta SPRM adalah wajar bagi memelihara dan memastikan kepentingan kerajaan dan ahli-ahli peladang lebih terjamin.

"Ini merupakan satu pengiktirafan yang perlu dipikul dengan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan amanah dan tadbir urus LPP," ujarnya.

Menurutnya, kebersamaan semua pihak adalah penting dalam usaha meningkatkan sahsiah dan integriti di dalam organisasi, seterusnya kepada negara.

Tambah beliau, NAFAS kini telah dikategorikan sebagai risiko sederhana bagi penarafan 2023 berbanding risiko tinggi pada 2020.

"Syabas kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang dilaksanakan dalam usaha pencegahan rasuah serta berkaitan tadbir urus dan integriti di NAFAS.

"Semoga usaha kita akan berterusan sehingga NAFAS dapat dikategorikan sebagai risiko rendah bagi penarafan seterusnya kelak," katanya.

**SINAR HARIAN**

**28.08.2024 (RABU)**

# Pembantu penguat kuasa ditahan kes seludup diesel

**PUTRAJAYA** - Seorang pembantu penguat kuasa sebuah agensi penguatkuasaan ditahan kerana disyaki menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan minyak diesel yang beroperasi di Sibu, Sarawak.

Perintah reman selama enam hari sehingga 2 September ini terhadap suspek lelaki berusia lingkungan 40-an itu dikeluarkan Majistret Mason Jaro selepas permohonan dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Kuching, pagi Selasa.

Menurut sumber, suspek ditahan di Pejabat SPRM Sarawak pada Isnin ketika hadir bagi dirakamkan keterangan.

"Tangkapan terhadap pembantu penguat kuasa ini adalah susulan Op Liter dijalankan SPRM di sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sibu pada Ahad lalu.

"Suspek dipercayai telah menerima wang rasuah berkenaan daripada sindiket terbabit bagi melindungi kegiatan penyeludupan minyak diesel bersubsidi dan supaya tidak mengambil tindakan undang-undang," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

Sementara itu, seorang daripada dua beradik pengusaha stesen minyak yang ditahan reman atas dakwaan terbabit sindiket penyeludupan diesel bersubsidi dan rasuah pegawai penguat kuasa dibebaskan pada Selasa.

Majistret Oon Kork Chern memerintahkan wanita berusia 39 tahun itu dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Sindiket itu disyaki menyeleweng minyak diesel bersubsidi untuk nelayan dan ia dijual dengan harga lebih tinggi kepada pembeli di luar negara.

**BERITA HARIAN**

**30.08.2024 (JUMAAT)**

### Kes sindiket penyeludupan diesel di Sibu

# Akaun pengusaha stesen minyak, 2 pegawai penguat kuasa dibeku

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membekukan akaun milik pengusaha stesen minyak dan dua pegawai penguat kuasa, berjumlah RM36 juta bagi siasatan kes sindiket penyeludupan diesel bersubsidi di Sibu, Sarawak.

Menurut sumber, langkah itu diambil susulan Op Liter yang dijalankan SPRM di Sibu, Ahad lalu, membabitkan sindiket disyaki menyeleweng diesel milik persatuan nelayan serta dakwaan pemberian rasuah kepada penguat kuasa.

"Ia berikutan penahanan dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak, pembantu penguat kuasa dan pengarah sebuah agensi penguatkuasaan di Kuching, Sarawak.

"Dua beradik terbabit yang direman empat hari sebelum ini dibebaskan dengan jaminan, hari ini (semalam), selepas tempoh reman tamat. Setakat ini, tiada penahanan baharu serta tiada rampasan lain dilakukan," katanya kepada Bernama.

Sementara itu Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman, ketika dihubungi mengesahkan pembekuan akaun berkenaan dengan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Selasa lalu, seorang pengarah agensi penguatkuasaan di Kuching ditahan kerana disyaki menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi.

Suspek lelaki dalam lingkungan usia 40-an itu ditahan di Pejabat SPRM Sarawak pada jam 6.20 petang sebelum direman hingga 2 September ini bagi membantu siasatan.

Tangkapan ke atas suspek itu dilakukan susulan serbuan Bahagian Operasi Khas SPRM melalui Op Liter di sebuah depoh simpanan minyak di Sungai Bidut, Sibu, Ahad lalu.

Dalam serbuan itu, SPRM turut menyita sejumlah 1.6 juta liter diesel serta wang tunai bernilai RM3.7 juta.

Sindiket penyeludupan diesel bersubsidi itu dipercayai aktif sejak 2012.

BERNAMA

**BERITA HARIAN**
30.08.2024 (JUMAAT)

# Bicara kes rasuah anak Hamzah Zainuddin 24 Mac



*Muhammad Faisal (kiri) hadir ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.* (Foto Asyraf Hamzah/BH)

**Kuala Lumpur:** Perbicaraan kes rasuah membabitkan Muhammad Faisal Hamzah yang juga anak kepada Ketua Pembangkang merangkap Setiausaha Agung BERSATU, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, diadakan bermula 24 Mac tahun depan.

Hakim Rosli Ahmad menetapkan perkara itu selepas pihak pendakwaan dan pembelaan mengesahkan pengurusan kes dan serahan dokumen, semalam.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ikhwan Zaudi Nordin memaklumkan seramai 21 saksi akan dipanggil oleh pihak pendakwaan.

"Kami mohon tempoh dua minggu sebelum tarikh perbicaraan untuk menyerahkan kenyataan saksi," katanya.

Peguam Chetan Jethwani yang mewakili Muhammad Faisal memohon tempoh lebih munasabah kerana pihaknya perlu meneliti semua kenyataan 21 orang saksi, sebelum perbicaraan bermula.

Rosli kemudian menetapkan 21 Februari tahun depan untuk penyerahan kenyataan saksi dan pengurusan kes terakhir.

Beliau turut menetapkan 24 hingga 28 Mac 2025, 14 hingga 18 April dan 21 hingga 25 April untuk perbicaraan kes.

Pada Jun lalu, Muhammad Faisal, 40, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan menerima rasuah bernilai RM100,000.

Dia didakwa menerima wang berkenaan daripada Izmir Abd Hamid sebagai bayaran untuk Heitech Padu Bhd (Heitech Padu) melantik syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd dan syarikat Per My Solutions menjadi perunding pemasaran.

Kesalahan itu dikaitkan dengan Heitech Padu yang dikatakan mendapat tender RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk pembekalan, penyewaan, pelaksanaan, latihan, sokongan dan penyelenggaraan infrastruktur keselamatan.

Muhammad Faisal didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah pejabat dekat Publika Shopping Gallery, Jalan Dutamas 1, Kuala Lumpur pada Mac 2018.

BANDARAYA JOHOR BAHRU

**HARIAN METRO**

**30.08.2024 (JUMAAT)**

# SPRM beku akaun RM36 juta tauke stesen minyak

**Kuala Lumpur:** Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membeku akaun bank milik pengusaha stesen minyak dan pegawai penguat kuasa termasuk pengarahnya membabitkan nilai RM36 juta.

Ia susulan Op Liter dilancarkan SPRM untuk membanteras sindiket penyeludupan diesel bersubsidi yang dipercayai menyeleweng bahan milik persatuan nelayan serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak pada Ahad lalu.

Menurut sumber, sebanyak RM36 juta wang yang berada di dalam akaun bank mereka sudah dibekukan sehingga jam 5 petang kelmarin.

"Ia susulan penahanan dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak, pembantu penguat kuasa dan pengarah sebuah agensi penguatkuasaan.

"Setakat ini juga tiada penahanan baharu dan tiada rampasan lain dilakukan," katanya kepada Harian Metro.

Sumber berkata, pengusaha stesen minyak yang direman empat hari sebelum ini dibebaskan dengan jaminan semalam selepas tempoh remannya tamat.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkannya dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Sebelum ini, seorang pengarah agensi penguatkuasaan ditahan di Kuching kerana dipercayai menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi di Sibu.

**SINAR HARIAN**

**30.08.2024 (JUMAAT)**

# Guna kesenian, sukan dalam pendidikan rasuah

Bagi perbanyak platform dan interaksi dengan masyarakat

Oleh NORMAWATI ADNAN
GERIK

Pendekatan lebih kreatif dan inovatif melalui sukan dan kesenian wajar diperkenalkan dalam pendidikan budaya antirasuah, kata Ketua Sekretariat Rasuah Busters, Nurhayati Nordin.

Beliau berkata, usaha itu bagi memperbanyak platform dan mendekatkan lagi interaksi dengan masyarakat berhubung gejala rasuah.

RASUAH BUSTERS

Menurutnya, selari dengan perkembangan teknologi, pendidikan antirasuah tidak semestinya dilakukan secara fizikal dan bersemuka, sebaliknya boleh mendidik dari mana-mana sahaja.

"Program pendidikan adalah untuk mengukuhkan silibus sedia ada dan sebagai nilai tambah pendidikan formal di sekolah, tetapi di luar sana, kita masih boleh mendidik melalui pelbagai cara, hanya perlu memanfaatkan teknologi.

"Mungkin dengan mewujudkan interaktif melalui permainan atas talian atau memberi pendidikan berteraskan rasuah dari sudut visual melalui penghasilan mural.

"Malah melalui tatakelola kesenian juga boleh diberi penekanan seperti menghasilkan puisi dan lagu berkaitan rasuah," katanya ketika ditemui dalam program Jelajah Antirasuah di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gerik di sini, pada Rabu.

Program disertai hampir 600 pelajar dan guru MRSM Gerik itu turut dihadiri Ketua Penolong Pengarah Unit Integriti Mara, Haznita Hashim.

Program usaha sama Mara dan Rasuah Busters itu meneruskan siri jelajah di Perak bermula di MRSM Pengkalan Hulu, MRSM Gerik dan MRSM Felda Trolak di Sungkai pada 27 hingga 29 Ogos ini.

Nurhayati berkata, teknologi pesat telah menjadikan gejala rasuah berevolusi, seiring dengan globalisasi dan mencapai perkembangan yang pelbagai.

Katanya, menerusi pengalaman mengadakan siri jelajah dan libat urus bersama pemegang taruh sejak 2021, didapati perkara yang perlu ditingkatkan adalah maklum balas orang ramai di pelbagai peringkat usia melihat bagaimana rasuah dan pencegahannya itu secara kritikal.

"Tahun depan masuk tahun kelima dan kita akan mulakan dengan sesuatu yang lebih besar dan hebat dari pelbagai segi.

"Sektor sukan dan kesenian contohnya, kita lihat ada literasi yang boleh dibangunkan dan di situlah nanti pendidikan perlu dikembangkan," katanya.



**Hampir 600 pelajar dan guru menyertai program Jelajah Antirasuah anjuran bersama Mara dan Rasuah Busters di MRSM Gerik, Perak, pada Rabu.**

**SINAR HARIAN**

**30.08.2024 (JUMAAT)**

# 15 hari bicara, 21 saksi akan dipanggil kes rasuah anak Hamzah Zainudin

**KUALA LUMPUR** – Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis, menetapkan perbicaraan kes menerima rasuah RM100,000 membabitkan anak kepada bekas Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin bermula 24 Mac tahun depan.

Perbicaraan selama 15 hari ditetapkan pada 24 hingga 28 Mac, 14 hingga 18 April dan 21 hingga 25 April 2025.

Semasa prosiding, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ikhwan Zaudii Nordin berkata, pihaknya menyerahkan dokumen kes kepada pihak pembelaan yang mewakili Muhammad Faisal Hamzah.

"Pihak pendakwaan akan mengemukakan seramai 21 saksi," katanya ketika prosiding sebutan kes di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Sementara itu, peguam Chetan Jethwani yang mewakili Muhammad Faisal, 40, mengesahkan perkara tersebut.

"Saya mohon agar mahkamah menetapkan tarikh pengurusan kes sebelum perbicaraan, bagi memuktamadkan dokumen dan pernyataan saksi," katanya.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, mahkamah menetapkan pengurusan kes pada 21 Februari tahun hadapan.



FAISAL

Pada 5 Jun lalu, Muhammad Faisal yang juga seorang perunding syarikat, didakwa menerima suapan daripada seorang individu sebagai upah bagi Heitech Padu Berhad melantik syarikat Rimba Merpati Sdn Bhd dan Per My Solutions sebagai konsultan pemasaran.

Seterusnya dua syarikat itu dibayar komisen berjumlah RM700,000 selepas Heitech Padu dianugerahkan tender pembekalan, penyewaan, pelaksanaan, latihan, sokongan dan penyelenggaraan infrastruktur keselamatan bernilai RM33 juta oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia di sebuah pejabat di Publika Shopping Gallery, Jalan Dutamas 1 di sini, pada Mac 2018 lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta SPRM 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta yang sama.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah suapan, atau jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

**SINAR HARIAN**

**30.08.2024 (JUMAAT)**

# Seludup diesel: SPRM beku akaun bank RM36 juta

**SHAH ALAM** - Sebanyak RM36 juta akaun bank milik pengusaha stesen minyak dan dua pegawai penguat kuasa dibeku Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi siasatan kes penyeludupan diesel bersubsidi.

Tindakan itu diambil susulan Op Liter yang dilaksanakan SPRM membabitkan sindiket menyeleweng diesel milik persatuan nelayan serta membayar rasuah kepada penguat kuasa di Sibu, Sarawak pada Ahad lalu.

Menurut sumber, setakat jam 5 petang, Rabu, sebanyak RM36 juta wang yang berada di dalam akaun bank sudah dibekukan.

"Ia susulan penahanan dua beradik yang juga pengusaha stesen minyak, pembantu penguat kuasa dan pengarah sebuah agensi penguatkuasaan.

"Setakat ini tiada penahanan baharu dan tiada rampasan lain dilakukan," katanya pada Khamis.

Sumber berkata, dua beradik terbabit yang direman empat hari sebelum ini dibebaskan dengan jaminan pada Khamis selepas tempoh remannya tamat.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Operasi Khas SPRM, Datuk Azmi Kamaruzaman ketika dihubungi mengesahkannya dan kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009.

Pada Selasa, pengarah agensi penguatkuasaan di Kuching, Sarawak ditahan dipercayai menerima rasuah daripada sindiket penyeludupan minyak diesel bersubsidi.

Suspek lelaki yang berusia lingkungan 40-an ditahan di Pejabat SPRM Sarawak kira-kira jam 6.20 petang.

Sebelum itu, menerusi Op Liter, SPRM dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyerbu sebuah depoh penyimpanan minyak di Sungai Bidut, Sarawak dan menyita 1.6 juta liter diesel dan wang tunai RM3.7 juta.

Lima individu termasuk pengusaha stesen minyak turut ditahan membabitkan sindiket yang telah aktif sejak 2012.

## SINAR HARIAN
### 30.08.2024 (JUMAAT)

Sinar Harian 30/8/24 Jumaat

# SPRM siasat, polis sudah rakam keterangan ahli politik, suami



AZAM

**KOTA BHARU** - Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain memaklumkan pihaknya sudah merakam keterangan ahli politik dan suaminya yang didakwa berkait dengan sindiket pemerdagangan manusia di Myanmar.

Menurut beliau, keterangan pasangan suami isteri itu diambil pada Julai lalu selepas artikel pertama berhubung kes terbabit dilaporkan.

"Kita sudah menjalankan siasatan. Buat masa ini ia masih diteruskan. Kita juga akan mendapatkan artikel yang dikeluarkan oleh negara berkenaan (Indonesia)," katanya semasa sidang akhbar pada Khamis.

Sebelum itu beliau menyaksikan Majlis Serah Terima Tugas Pemangku Ketua Polis Kelantan, Deputi Komisioner Mohd Ali Tamby menggantikan Datuk Muhamad Zaki Harun yang bersara wajib pada 31 Ogos ini di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kelantan di sini.

Razarudin memberitahu, pihaknya juga akan mencari saksi-saksi bagi membantu siasatan berhubung kes terbabit.

Sementara itu di **KUALA LUMPUR**, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menyiasat dakwaan penglibatan ahli politik terbabit.

Perkara itu disahkan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki.

"Kita akan menjalankan siasatan," katanya ringkas pada Khamis.

BERITA HARIAN
31.08.2024 (SABTU)

# 46 pegawai penguat kuasa disyaki terbabit bawa masuk pekerja asing

## SPRM dedahkan ada keterangan wujud pembayaran wang rasuah dengan ejen

**Oleh Nurul Hidayah Bahaudin**
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sekurang-kurangnya 46 pegawai penguat kuasa disyaki terbabit dengan kegiatan sindiket membawa masuk warga asing menerusi modus operandi *counter setting* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perkara itu didedahkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) susulan siasatan dilakukan menerusi Ops Pump baru-baru ini.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata setakat ini, siasatan mengesan 46 pegawai penguat kuasa disyaki terbabit dengan sindiket membawa masuk pekerja asing melalui kaunter tertentu.

Katanya, ia bagi memudahkan laluan masuk tanpa pemeriksaan yang mematuhi prosedur ditetapkan Jabatan Imigresen.

"Terdapat keterangan menunjukkan wujudnya pembayaran wang rasuah dan (penguat kuasa) turut bersubahat dengan pihak ejen.

"Ini menyebabkan warga asing terbabit dapat memasuki negara dengan mudah sebagai pelancong sebelum hilang dan disyaki bekerja tanpa dokumen," katanya dalam kenyataan.

Kelmarin, seorang warga Myanmar yang juga ejen sindiket dituduh di Mahkamah Sesyen Shah Alam mengikut Seksyen 16(b)(B) Akta SPRM 2009 kerana membayar rasuah RM5,650 kepada penguat kuasa imigresen.

Bayaran itu adalah upah melepaskan kemasukan sembilan warga Myanmar melalui pintu masuk klia2 tanpa melalui prosedur ditetapkan.


Azam Baki

### Gerak Op Setting

Azam berkata, SPRM menggerakkan Op Setting kelmarin, hasil perkongsian maklumat perisikan antara agensi yang berjaya menahan 13 individu termasuk dua penguat kuasa di KLIA.

"Mereka dipercayai terbabit rasuah membabitkan sindiket yang menggunakan modus operandi sama.

"Semua suspek lelaki berusia lingkungan 20-an hingga 50-an itu ditahan dalam operasi di sekitar Lembah Klang dan dibawa ke pejabat SPRM Kuala Lumpur untuk membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, dua suspek penguat kuasa itu disyaki terbabit dengan kegiatan berkenaan sejak 2016 dengan menerima bayaran rasuah antara RM300 sehingga RM2,500 untuk setiap warga asing yang masuk mengikut kewarganegaraan.

"Turut ditahan sembilan ejen dan dua proksi yang menjadi pemegang aset bagi pihak suspek penguat kuasa.

"Pasukan khas sudah ditubuhkan untuk merakam percakapan pegawai penguat kuasa yang disyaki bagi membantu siasatan dan kami tidak menolak kemungkinan akan ada tindakan susulan dan tangkapan lain dalam masa terdekat," katanya memaklumkan hasil serbuan turut menyita wang tunai kira-kira RM50,000.

BERITA HARIAN
31.08.2024 (SABTU)

# Bekas pegawai kanan MARA didakwa lima tuduhan terima rasuah RM45,000

**Kuala Lumpur:** Bekas pegawai kanan Majlis Amanah Rakyat (MARA) didakwa atas lima pertuduhan menerima rasuah RM45,000 yang didakwa dilakukannya lapan tahun lalu.

Fauzi Yaacob yang juga bekas Eksekutif Kanan Bahagian Pembangunan Industri dan Infrastruktur MARA bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan hakim Mahkamah Sesyen Rosli Ahmad.

Tertuduh, 55, didakwa menerima RM45,000 melalui akaun Public Islamic Bank milik Amierul Shabir Hariri daripada Pengarah Kip Care Sdn Bhd, Abdul Rahman Richard Abdullah di cawangan Public Bank Kampung Baru antara 11 September 2015 dan 15 Februari 2016.

Kesalahan didakwa dilakukan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Syahzad Azad Sanusi memohon mahkamah mengenakan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam Mohd Zali Shari yang mewakili tertuduh memohon jaminan minimum dengan alasan anak guamnya adalah pencari nafkah tunggal.

"Anak guam saya juga sedang menjalani rawatan mata di Hospital Selayang dan beliau sudah memberikan kerjasama sepenuhnya semasa siasatan," katanya.

Mahkamah menetapkan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin dan memerintahkan tertuduh melaporkan diri di pejabat SPRM di sini setiap bulan.

Mahkamah menetapkan 3 Oktober depan untuk sebutan semula kes.

SINAR HARIAN
31.08.2024 (SABTU)

# Misi sebar mesej antirasuah berjaya

## Tiga siri Jelajah Antirasuah MRSM selesai dilaksanakan di Perak

**Oleh SAIFULLAH AHMAD**
**TANJUNG MALIM**



Peserta Jelajah Antirasuah di MRSM Ulul Albab Felda Trolak bergambar selepas program berakhir pada Khamis.

Program Jelajah Antirasuah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) telah lengkap dilaksanakan di seluruh MRSM di Perak, yang melibatkan tiga siri keseluruhannya.

Timbalan Ketua Unit Integriti Mara, Ahmad Sofi Abdullah berkata, jelajah di Perak dimulakan sejak April lalu dan berakhir pada 29 Ogos.

Menurutnya, bermula di MRSM Bagan Datuk, program kerjasama antara Unit Integriti Majlis Amanah Rakyat (Mara) dengan Rasuah Busters berjaya melengkapkan jelajah di lokasi terakhir iaitu di MRSM Ulul Albab Felda, Trolak di sini.

"Kita berjumpa dengan semua pelajar, staf dan guru di MRSM untuk beri kesedaran serta pengukuhan berkaitan integriti dan antirasuah.

"Ia komitmen daripada pihak atasan Mara yang memberikan kepercayaan kepada Unit Integriti Mara untuk bekerjasama dengan Rasuah Busters bagi melaksanakan program ini," katanya pada Program Jelajah Antirasuah di MRSM Ulul Albab Felda Trolak pada Khamis.

Tambahnya, pendedahan berkaitan integriti dan antirasuah sangat penting kepada pelajar MRSM kerana mereka bakal menjadi orang penting dalam banyak sektor sama ada kerajaan mahupun swasta selepas tamat pengajian.

" Kesedaran awal itu penting agar mereka nampak dan faham apa itu rasuah, dan kenapa ia sangat bahaya," katanya.

Hadir sama pada program tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sinar Untuk Malaysia (Rasuah Busters), Nurhayati Nordin.

Ahmad Sofi berkata, selepas Perak, jelajah itu akan diteruskan ke Pulau Pinang dan Kedah.

Sementara itu, Pengetua MRSM Ulul Albab Felda Trolak, Zeidi Zakaria menyifatkan Jelajah Antirasuah satu inisiatif yang amat baik.

"Jelajah ini beri kesedaran kepada warga kerja Mara dan pelajar. Maknanya, kita nak beritahu kepada generasi muda bahawa rasuah tidak boleh diterima sama sekali," katanya.

Menurut Zeidi, program kesedaran terhadap bahaya rasuah tidak akan terhenti setakat jelajah tersebut, sebaliknya pendedahan dan peringatan akan diberikan secara berterusan.

Beliau berkata, program jelajah di MRSM Ulul Albab Felda Trolak disertai seramai 106 guru dan staf serta 617 pelajar.

Jumlah keseluruhan peserta bagi tiga siri jelajah ialah 7,501 orang melibatkan lapan MRSM iaitu MRSM Bagan Datuk, MRSM Pasir Salak, MRSM Parit, MRSM Taiping, MRSM Sultan Azlan Shah, MRSM Pengkalan Hulu, MRSM Gerik dan MRSM Ulul Albab Felda Trolak.

**SINAR HARIAN**

**31.08.2024 (SABTU)**

# Bekas eksekutif kanan Mara didakwa rasuah RM45,000

**KUALA LUMPUR -** Bekas Eksekutif Kanan Bahagian Pembangunan Industri dan Infrastruktur Majlis Amanah Rakyat (Mara) didakwa di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM45,000 kerana memudahkan pinjaman wang yang dibuat sebuah syarikat daripada agensi itu.

Fauzi Yaacob, 55, mengaku tidak bersalah selepas lima pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Rosli Ahmad.

Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Syahzad Azad Sanusi memohon jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri di pejabat SPRM Putrajaya sebulan sekali dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Rosli membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin serta syarat tambahan tertuduh perlu melapor diri di pejabat SPRM Wilayah Persekutuan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 3 Oktober ini untuk sebutan kes. - *Bernama*

**BERITA HARIAN**

**31.08.2024 (SABTU)**

# 5 termasuk tiga pegawai agensi penguat kuasa di KLIA kena reman

**Kuala Lumpur:** Lima termasuk tiga pegawai sebuah agensi penguat kuasa yang berkhidmat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) direman di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Perintah tahan reman antara sehari hingga lima hari dikeluarkan Majistret S Arunjothy ke atas semua suspek berusia antara lingkungan 20-an dan 40-an itu, selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM dalam satu kenyataan berkata, semua suspek ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan kegiatan sindiket membawa masuk warga asing tanpa mengikut pemeriksaan sepatutnya.

Ia susulan Ops Pump SPRM yang menggerakkan Ops Setting hasil perkongsian maklumat perisikan antara agensi.

Kelmarin, SPRM dilapor menahan 14 suspek dalam operasi di sekitar Lembah Klang sebelum semua suspek dibawa ke pejabat SPRM Kuala Lumpur untuk membantu siasatan.

Sembilan daripadanya dilepaskan selepas direkodkan keterangan.